Eksport Taiwan menyusut 9.8 peratus dengan nilai USD432.5 bilion berbanding pertumbuhan positif 7.4 peratus (USD479.5 bilion) pada tahun 2022. Prestasi yang lemah ini dipengaruhi oleh eksport produk elektronik yang mengalami kejatuhan 10.7 peratus pada tahun 2023 (2022: 16.4%). Eksport ke negara rakan dagangan utama iaitu China, ASEAN dan Jepun turut menguncup masing-masing 18.1 peratus, 5.4 peratus dan 6.5 peratus. Sebaliknya eksport ke Amerika Syarikat dan Eropah bertumbuh masing-masing 1.6 peratus dan 2.9 peratus. Di samping itu, jumlah import Taiwan mencatatkan USD352.0 bilion, turut merosot 17.8 peratus pada tahun 2023 berbanding peningkatan 11.9 peratus (USD428.0 bilion) pada tahun sebelumnya. Kemerosotan import ditunjukkan oleh penyusutan dalam semua komoditi import di Taiwan antaranya adalah produk elektronik (-17.3%), produk mineral (-26.0%) dan petroleum (-18.8%). Import daripada rakan negara dagangan utama juga turut menunjukkan prestasi lemah yang mana import dari China merosot 16.1 peratus, ASEAN (-23.9%), Jepun (-18.9%) dan Amerika Syarikat menguncup 10.9 peratus (Ministry of Finance, R.O.C, (Taiwan) 2024).

Merujuk NSRC 2024, kadar penyertaan tenaga buruh Taiwan meningkat 0.04 mata peratus iaitu daripada 59.18 peratus pada tahun 2022 kepada 59.22 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, tenaga buruh Taiwan adalah seramai 11.9 juta orang. Seramai 11.5 juta orang daripadanya direkodkan sebagai bekerja, meningkat 110 ribu orang berbanding 11.4 juta orang pada tahun 2022. Peningkatan ini dipacu oleh bilangan pekerja dalam sektor Perkhidmatan yang meningkat kepada 7.0 juta orang (2022: 6.8 juta orang). Bilangan orang tidak bekerja berkurang kepada 415 ribu orang (2022: 434 ribu orang) menjadikan kadar pengangguran bertambah baik iaitu 3.5 peratus berbanding 3.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Inflasi Taiwan pada tahun 2023 bertumbuh perlahan kepada 2.5 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun sebelumnya. Kumpulan Komoditi dan Makanan menyederhana masing-masing kepada 2.1 peratus dan 4.0 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.6 peratus dan 5.7 peratus pada tahun 2022. Sebaliknya, kumpulan Perkhidmatan meningkat 2.9 peratus (2022: 2.4%). Sementara itu, kumpulan Pakaian dan Pengangkutan & komunikasi meningkat secara marginal iaitu masing-masing 0.82 peratus dan 0.78 peratus pada tahun 2023. Antara langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Taiwan khususnya *Central Bank of the R.O.C.* (Taiwan) bagi mengekang inflasi adalah mengekalkan kadar diskaun, kadar pembiayaan semula pinjaman bercagar dan kadar penginapan sementara dengan kadar semasa masing-masing 1.875 peratus, 2.25 peratus dan 4.125 peratus. Ini bertujuan memastikan kadar inflasi di Taiwan terus mereda di bawah paras 2.0 peratus.



2.5%
Inflasi Taiwan
 pada
 tahun 2023

ASEAN-5

Rantau ASEAN-5 terdiri daripada Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Menurut (WEO), *July 2024*, prestasi ekonomi rantau ini berkembang 4.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 5.5 peratus pada tahun 2022.

Indonesia

Ekonomi Indonesia berkembang 5.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 5.3 peratus pada tahun 2022 berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Badan Pusat Statistik (BPS, 2024). Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Perlombongan & pengkuarian dan sektor Pembinaan yang meningkat masing-masing 6.1 peratus (2022: 4.4%) dan 5.0 peratus (2022: 2.0%). Selain itu, sektor Pembuatan dan sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya masing-masing 4.6 peratus (2022: 4.9%) dan 1.3 peratus (2022: 2.3%).

Kebanyakan aktiviti utama sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan sederhana berbanding tahun sebelumnya. Subsektor Perdagangan borong dan runcit, membaiki kenderaan bermotor dan motosikal berkembang 4.9 peratus (2022: 5.5%), Pengangkutan dan penyimpanan bertumbuh 14.0 peratus (2022: 19.9%) dan Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan, 10.0 peratus (2022: 11.9%). Beralih kepada komponen perbelanjaan, Perbelanjaan penggunaan isi rumah merekodkan pertumbuhan sederhana 4.8 peratus (2022: 4.9%) manakala Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 3.0 peratus (2022: -4.5%) pada tahun 2023.

Eksport Indonesia pada tahun 2023 bernilai USD258.82 bilion, merosot 11.3 peratus berbanding peningkatan 26.1 peratus (USD291.90 bilion) pada tahun sebelumnya.

Prestasi eksport yang lemah ini dipengaruhi oleh kejatuhan dalam eksport Bukan minyak & gas yang menguncup 12.0 peratus. Komoditi yang mempengaruhi eksport Bukan minyak & gas adalah Bahan api mineral serta Minyak & lemak haiwan & sayuran yang merosot masing-masing 20.8 peratus dan 19.1 peratus.

Prestasi eksport Bukan minyak & gas ke negara rakan dagang utama menunjukkan penguncupan antaranya ASEAN (16.6%), Kesatuan Eropah (22.5%), Jepun (18.6%), Amerika Syarikat (17.6%) dan China (1.8%). Eksport Minyak & gas turut merosot 0.5 peratus dipengaruhi oleh komoditi Gas yang menguncup 9.9 peratus. Sebaliknya, Produk minyak dan Minyak mentah bertumbuh positif masing-masing 16.2 peratus dan 8.3 peratus. Pada tempoh sama, import Indonesia bernilai USD221.89 bilion, merosot 6.6 peratus berbanding peningkatan 21.0 peratus (USD237.45 bilion) pada tahun 2022. Penurunan ini disebabkan oleh penguncupan dalam kedua-dua import Minyak & gas dan Bukan minyak & gas masing-masing 11.4 peratus dan 5.6 peratus.

Beralih ke pasaran buruh, kadar penyertaan tenaga buruh Indonesia meningkat 0.8 mata peratus kepada 73.9 peratus pada tahun 2023 daripada 73.1 peratus pada tahun sebelumnya. Kadar penyertaan tenaga buruh bagi lelaki dan perempuan masing-masing ialah 87.0 peratus (2022: 86.7%) dan 60.2 peratus (2022: 58.8%). Sementara itu, kadar pengangguran menurun 0.9 mata peratus kepada 2.7 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun 2022. Melihat kepada komposisi penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan utama, Bekerja sendiri dan Buruh/ Karyawan/ Pegawai merekodkan sumbangan kumulatif berjumlah 56.2 peratus diikuti Majikan, 17.1 peratus dan Pekerja keluarga tanpa gaji, 15.0 peratus.

Kadar inflasi di Indonesia pada Disember 2023 menyederhana 2.6 peratus berbanding 5.5 peratus pada Disember 2022 disumbangkan oleh peningkatan perlahan daripada kumpulan Pengangkutan sebanyak 1.3 peratus (Disember 2022: 15.3%). Selain itu, kumpulan Pakaian dan kasut mereda kepada 0.8 peratus (Disember 2022: 1.4%), Perumahan, air, elektrik dan bahan api isi rumah 0.5 peratus (Disember 2022: 3.8%) dan Kesihatan turut mereda kepada 1.9 peratus (Disember 2022: 2.9%). Inflasi Indonesia yang terkawal dalam kitaran sasaran 2.5 peratus ini disokong oleh dasar monetari yang konsisten dan sinergi yang erat dalam mengawal inflasi antara Bank Indonesia dan Kerajaan (Pusat dan Wilayah) melalui pengukuhan *National Food Inflation Control Movement (GNPIP)* di pelbagai Wilayah di Indonesia.

Thailand

Ekonomi Thailand berkembang 1.9 peratus pada tahun 2023 berbanding 2.5 peratus pada tahun 2022 seperti yang dilaporkan oleh *Office of the National Economic and Social Development Council (NESDC)*, 2024. Melihat kepada sudut pengeluaran, sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan 1.9 peratus berbanding 2.5 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan pula meningkat 4.3 peratus berbanding 3.8 peratus pada tahun 2022 didorong oleh subsektor Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan yang berkembang 18.0 peratus (2022: 34.5%). Prestasi subsektor ini disokong oleh peningkatan pelancong asing seramai 28.2 juta orang pada tahun 2023. Sebaliknya, sektor Pembuatan dan sektor Pembinaan merosot masing-masing 3.2 peratus (2022: 0.7%) dan 0.6 peratus (2022: -2.4%). Dari sudut permintaan, Perbelanjaan penggunaan swasta meningkat 7.1 peratus berbanding 6.2 peratus pada tahun sebelumnya. Sebaliknya, Perbelanjaan penggunaan kerajaan merosot 4.6 peratus berbanding

pertumbuhan marginal 0.1 peratus pada tahun 2022 (NESDC, 2024).

Jumlah dagangan Thailand pada tahun 2023 merekodkan penguncupan 2.4 peratus dengan nilai USD574.3 juta berbanding pertumbuhan 9.2 peratus (USD588.5 juta) pada tahun sebelumnya. Nilai eksport bernilai USD284.6 juta, merosot 1.0 peratus berbanding peningkatan 5.7 peratus dengan nilai USD287.4 juta pada tahun sebelumnya. Import turut menguncup 3.7 peratus dengan nilai USD289.8 juta berbanding pertumbuhan 12.8 peratus (USD301.0 juta) pada tahun 2022. Ini menyebabkan Thailand mengalami defisit dagangan bernilai USD5.2 juta pada tahun 2023 (*Ministry of Commerce (MOC)*, 2024).

NESDC 2024 melaporkan bilangan tenaga buruh di Thailand meningkat kepada 40.4 juta orang atau 1.4 peratus pada tahun 2023 berbanding 39.9 juta orang pada tahun 2022. Sementara itu, jumlah penduduk bekerja mencapai 39.9 juta orang, meningkat 1.8 peratus berbanding 39.2 juta orang pada tahun sebelumnya. Ini menyumbang kepada kadar pengangguran yang lebih rendah, iaitu 1.0 peratus berbanding 1.3 peratus (527.0 ribu orang) pada tahun 2022.



1.9%
Pertumbuhan
KDNK Thailand
pada tahun 2023

Menurut MOC 2024, inflasi di Thailand bertumbuh perlahan kepada 1.2 peratus berbanding 6.1 peratus pada tahun 2022. Inflasi yang lebih rendah ini disebabkan oleh langkah pengurangan kos sara hidup yang dilaksanakan oleh kerajaan. Inflasi Thailand pada Disember 2023 direkodkan pada kadar negatif 0.8 peratus dan merupakan negara yang mempunyai kadar terendah di kalangan tujuh negara ASEAN (Laos, Filipina, Singapura, Viet Nam, Indonesia dan Malaysia).

Singapura

Singapura yang merupakan antara pemain utama dalam ekonomi ASEAN merekodkan pertumbuhan sederhana 1.1 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (3.8%) seperti yang dilaporkan oleh *Ministry of Trade and Industry Singapore* (MTI), 2024. Prestasi ini dipengaruhi oleh kemerosotan sektor Pembuatan iaitu 4.3 peratus berbanding pertumbuhan 2.7 peratus pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan merekodkan peningkatan 5.2 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun 2022. Seterusnya, sektor Perkhidmatan bertumbuh 2.3 peratus, menyederhana berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh subsektor Perdagangan borong yang berkembang marginal 0.8 peratus (2022: 4.0%), Perdagangan runcit, 1.3 peratus (2022: 8.5%) dan Perkhidmatan makanan & minuman, 4.1 peratus (2022: 15.4%). Selain itu, Perbelanjaan penggunaan Singapura bertumbuh 3.5 peratus (2022: 5.5%) didorong oleh kedua-dua penggunaan Awam dan Swasta. Penggunaan Awam meningkat 2.6 peratus berbanding penguncupan 1.9 peratus pada tahun 2022 manakala penggunaan swasta berkembang sederhana 3.8 peratus (2022: 8.2%) (MTI, 2024).

Jumlah dagangan barangan Singapura pada tahun 2023 merosot 11.7 peratus dengan nilai USD1.2 trilion berbanding pertumbuhan memberangsangkan 17.7 peratus pada tahun 2022 (USD1.4 trilion). Eksport barangan menguncup 10.1 peratus (2022: 15.6%) dipengaruhi oleh kedua-dua eksport domestik minyak dan bukan minyak masing-masing merosot 14.2 peratus (2022: 52.4%) dan 13.1 peratus (2022: 3.0%). Import barangan turut merosot 13.4 peratus berbanding 20.1 peratus pada tahun 2022 disebabkan oleh import minyak yang menguncup 19.0 peratus, penurunan mendadak berbanding pertumbuhan 43.9 peratus pada tahun 2022. Import bukan minyak turut merosot 11.9 peratus pada tahun 2023 (2022: 14.6%). Pada tempoh sama, jumlah dagangan perkhidmatan menyusut 3.8 peratus dengan nilai USD837.0 bilion berbanding peningkatan 22.4 peratus (USD871.0 bilion) pada tahun 2022.

Beralih ke pasaran buruh, *Ministry of Manpower Singapore* melaporkan kadar penyertaan tenaga buruh mencatatkan 68.6 peratus pada tahun 2023 berbanding 70.0 peratus pada tahun 2022. Jumlah tenaga buruh yang bekerja berkurang sebanyak 1.8 ribu orang kepada 2.44 juta orang dengan nisbah guna tenaga sebanyak 82.6 peratus berbanding 82.7 peratus pada tahun 2022. Meskipun begitu, kadar pengangguran di Singapura bertambah baik dengan mencatatkan penurunan kepada 1.9 peratus berbanding 2.1 peratus pada tahun 2022. Kadar pengangguran yang lebih baik ini disokong oleh kedua-dua kategori pekerjaan PMETs (Profesional, pengurusan, eksekutif & teknikal) dan bukan PMETs. Kadar pengangguran bagi pekerjaan bukan PMETs berkurang 0.8 peratus kepada 3.6 peratus (2022: 4.4%) disokong oleh pemulihan dalam aktiviti pelancongan yang

mewujudkan peluang pekerjaan khususnya dalam sektor Perkhidmatan makanan & minuman dan Perdagangan runcit. Kadar pengangguran bagi pekerjaan PMETs juga turut berkurang kepada 2.4 peratus (2022: 2.6%) pada tahun 2023.

Kadar inflasi di Singapura meningkat 4.8 peratus, lebih rendah berbanding 6.1 peratus pada tahun 2022 (MTI, 2024). Kumpulan Pengangkutan mencatatkan peningkatan 6.3 peratus (2022: 16.4%) disebabkan oleh kenaikan harga kereta, cukai jalan dan tambang bas & kereta api. Walau bagaimanapun, pengurangan harga petrol dan tambang penerbangan dilihat mengimbangi prestasi kumpulan ini. Selain itu, kumpulan Rekreasi & budaya meningkat 6.1 peratus berbanding 4.3 peratus pada tahun 2022 disebabkan oleh kenaikan kos bagi pelancongan dan perkhidmatan rekreasi & kebudayaan. Bagi memastikan ekonomi Singapura kekal stabil, *Monetary Authority of Singapore* (MAS) yang merupakan bank pusat Singapura telah melaksanakan dasar monetari bagi mengekalkan kestabilan harga yang kondusif dalam usaha mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. MAS juga mengekalkan kadar pertukaran dolar Singapura bagi mengurangkan inflasi import selain membantu membendung tekanan kos domestik.

Filipina

Menurut *Philippine Statistics Authority* (PSA) 2024, ekonomi Filipina bertumbuh 5.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 7.6 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan yang meningkat 1.2 peratus berbanding 0.5 peratus pada tahun 2022. Sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Pembinaan turut mencatatkan peningkatan tetapi lebih perlahan daripada tahun 2022 masing-masing



4.8%
Kadar inflasi di
Singapura pada
tahun 2023

2.0 peratus (2022: 5.3%), 1.3 peratus (2022: 4.9%) dan 8.8 peratus (2022: 12.1%). Seterusnya, sektor Perkhidmatan berkembang 7.1 peratus (2022: 9.2%) dipacu oleh subsektor Penginapan & perkhidmatan makanan dan Pengangkutan & penyimpanan yang meningkat dua digit masing-masing 23.2 peratus dan 13.0 peratus pada tahun 2023. Meneliti dari sudut perbelanjaan, Perbelanjaan penggunaan akhir isi rumah meningkat 5.6 peratus berbanding 8.3 peratus pada tahun sebelumnya. Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan pula berkembang 0.6 peratus berbanding peningkatan 5.1 peratus pada tahun 2022.

Jumlah perdagangan di Filipina pada tahun 2023 merekodkan USD199.5 bilion, merosot 8.0 peratus setelah merekodkan peningkatan 13.2 peratus dengan nilai USD216.8 bilion pada tahun sebelumnya. Aktiviti eksport menguncup 7.6 peratus dengan nilai USD73.5 bilion pada tahun 2023. Produk elektronik mencatatkan nilai eksport tertinggi dengan nilai USD41.9 bilion diikuti Barangan pembuatan lain (USD3.9 bilion). Amerika Syarikat merupakan destinasi eksport utama pada tahun 2023 berjumlah USD11.5 bilion,

menyumbang 15.7 peratus kepada jumlah eksport di Filipina. Dalam pada itu, barangan import bernilai USD125.9 bilion, turut merosot pada kadar 8.2 peratus. Penurunan ini dipengaruhi oleh pengurangan import produk elektronik dengan nilai USD26.6 bilion berbanding USD32.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Kadar penyertaan tenaga buruh dan nisbah guna tenaga di Filipina meningkat berbanding tahun sebelumnya. Kadar penyertaan tenaga buruh mencatatkan 64.9 peratus (2022: 64.7%) manakala nisbah guna tenaga meningkat kepada 95.7 peratus (2022: 94.6%). Ini sekali gus mengurangkan kadar pengangguran kepada 4.3 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun 2022. Kerajaan komited untuk melaksanakan lebih banyak strategi yang akan mempertingkatkan tenaga kerja dan memperbaiki pasaran pekerjaan. Contohnya adalah pelaksanaan *Corporate Recovery and Tax Incentives for Enterprises (CREATE) Act* oleh Kementerian Kewangan Filipina (DOF) untuk menarik lebih banyak pelaburan strategik ke dalam negara. Sementara itu, DOF turut mempertingkatkan kecekapan pentadbiran cukai bagi menyediakan pelbagai dana dan program pembangunan modal insan lain yang akan meningkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti bagi rakyat Filipina.

Filipina mencatatkan kadar inflasi 6.0 peratus pada tahun 2023, lebih tinggi berbanding 5.8 peratus pada tahun 2022. Ini dipengaruhi oleh peningkatan harga bagi kumpulan Makanan & minuman bukan alkohol dan Minuman alkohol & tembakau masing-masing 7.9 peratus (2022: 5.9%) dan 10.7 peratus (2022: 7.9%). Selain itu, kumpulan Restoran &

perkhidmatan penginapan turut mencatatkan peningkatan 7.4 peratus (2022: 4.1%) diikuti Pakaian & kasut, 4.8 peratus (2022: 2.6%). Sebaliknya, kumpulan Pengangkutan mereda kepada 1.6 peratus pada tahun 2023 berbanding 12.9 peratus pada tahun sebelumnya. Menurut *National Economic and Development Authority (NEDA)*, antara langkah kerajaan bagi memastikan bekalan makanan mencukupi dan mencegah lonjakan harga komoditi adalah dengan mengurangkan kadar tarif bagi komoditi pertanian utama seperti daging babi, jagung dan beras.

Viet Nam

Persekitaran luaran yang mencabar dan permintaan domestik yang kian lemah membawa kepada kelembapan dalam pertumbuhan ekonomi di Viet Nam dengan mencatatkan pertumbuhan perlahan 5.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 8.1 peratus pada tahun sebelumnya (*General Statistic Office (GSO) 2024*). Prestasi ini dipengaruhi oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam semua sektor ekonomi. Sektor Perkhidmatan bertumbuh 6.8 peratus (2022: 10.0%) serta sektor Perindustrian dan pembinaan bertumbuh 3.0 peratus (2022: 7.8%) manakala sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat 3.8 peratus (2022: 3.4%). Dalam memastikan ekonomi negara ini kekal berdaya tahan, Bank Pusat Viet Nam komited mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dengan mengurangkan kadar polisi sebanyak empat kali serta mengurangkan kadar pembiayaan semula dan kadar diskaun masing-masing sebanyak 150 mata asas terkumpul.

Prestasi ekonomi yang perlahan ini turut dipamerkan melalui prestasi dagangan Viet Nam yang merupakan antara hab eksport Asia Tenggara, turut mengalami kelembapan permintaan luar negara apabila jumlah dagangannya menguncup 6.6 peratus (USD683.0 bilion) berbanding peningkatan 9.3 peratus dengan nilai USD7,321.3 bilion pada tahun 2022. Aktiviti eksport barangan mencapai USD355.5 bilion, merosot 4.4 peratus berbanding 10.7 peratus (USD371.7 bilion) pada tahun sebelumnya.

Tenaga buruh yang berumur 15 tahun dan ke atas mencatatkan 52.4 juta orang dengan kadar penyertaan tenaga buruh mencapai 68.9 peratus pada tahun 2023. Jumlah individu bekerja adalah seramai 51.3 juta orang, meningkat 1.4 peratus pada tahun 2023. Selain itu, dalam sektor ekonomi, bilangan orang yang bekerja dalam sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan berjumlah 13.8 juta orang, sektor Perindustrian dan pembinaan seramai 17.2 juta orang manakala dalam sektor Perkhidmatan ialah 20.3 juta orang. Kadar pengangguran pula semakin baik, iaitu 2.28 peratus pada tahun 2023 berbanding 2.32 peratus pada tahun 2022. Sementara itu, dari sudut gaji dan upah, purata pendapatan bulanan pada tahun 2023 mencecah VND7.1 juta iaitu peningkatan sebanyak 6.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, terdapat kenaikan gaji minimum sebanyak 6.0 peratus yang dijadualkan pada Julai 2024, sekali gus dijangka memberi impak kepada perbelanjaan domestik negara ini.

Kadar inflasi di Viet Nam meningkat 3.3 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.2 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh kumpulan Pendidikan, 7.4 peratus (2022: 1.4%). Selain itu, kumpulan Makanan & bahan makanan dan Perumahan & bahan binaan turut menunjukkan peningkatan masing-masing 6.9 peratus (2022: 1.6%) dan 6.6 peratus (2022: 3.1%). Kerajaan Viet Nam mengambil langkah proaktif bagi memastikan kestabilan harga untuk mengelakkan kesan negatif kenaikan harga ini terhadap pembangunan sosioekonomi negara.

Rumusan

Secara keseluruhan, ekonomi global sedang bergelut dengan keseimbangan antara pemulihan pasca-pandemik, kawalan ketat dasar monetari bagi menangani cabaran inflasi, perubahan dalam sektor tenaga dan iklim. Pada masa sama, ketegangan geopolitik turut mengakibatkan ekonomi global meruncing sekali gus melemahkan perdagangan akibat gangguan rantai bekalan serta ketegangan perdagangan. Ketidaktentuan cabaran ekonomi global ini telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dunia yang sederhana iaitu 3.3 peratus (2022: 3.5%). Pertumbuhan sederhana ini disebabkan oleh pertumbuhan yang perlahan bagi negara maju iaitu sebanyak 1.7 peratus (2022: 2.6%), Kawasan Euro, 0.5 peratus (2022: 3.4%) dan ASEAN-5, 4.1 peratus (2022: 5.5%) menerusi WEO, July 2024.

KEDUDUKAN MALAYSIA DI PERINGKAT GLOBAL

DAYA SAING GLOBAL (GLOBAL COMPETITIVENESS RANKING) 2023

Kedudukan Malaysia dalam Daya Saing Global 2023 meningkat lima anak tangga di kedudukan ke-27 berbanding ke-32 pada tahun 2022 dengan nilai skor 75.75 (2022: 68.79). Penambahbaikan kedudukan ini merupakan kesan daripada usaha Malaysia mengukuhkan asas ekonomi, dasar dan inisiatif dalam meletakkan negara sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan, perniagaan serta perdagangan.

Menurut laporan *World Competitiveness 2023* yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development*, Denmark masih menduduki tangga pertama daya saing global pada 2023, diikuti Ireland di kedudukan kedua, naik sembilan anak tangga (2022: ke-11) dan Switzerland di kedudukan ketiga, namun turun satu anak tangga (2022: ke-2) (**Jadual 1.2**).

Jadual 1.2 Kedudukan Daya Saing Global (*World Competitiveness Ranking*) negara terpilih, 2022 dan 2023

Negara	2022		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Denmark	1	100.00	1	100.00
Ireland	11	89.52	2	99.71
Switzerland	2	98.92	3	99.13
Singapura	3	98.11	4	97.44
Belanda	6	94.29	5	95.58
Taiwan	7	93.13	6	93.11
Hong Kong	5	94.89	7	92.05
Sweden	4	97.71	8	91.86
Amerika Syarikat	10	89.88	9	91.14
Emiriah Arab Bersatu (UAE)	12	88.67	10	90.52
Kanada	14	87.23	15	88.21
China	17	83.94	21	82.10
Jerman	15	85.68	22	80.47
Malaysia	32	68.79	27	75.75
Republik Korea	27	75.56	28	75.71
United Kingdom	23	78.45	29	75.48
Perancis	28	74.34	33	71.05
Jepun	34	66.62	35	67.84
Sepanyol	36	66.18	36	67.22

Sumber: IMD *World Competitiveness Booklet*, 2023

INDEKS KEAMANAN GLOBAL (GLOBAL PEACE INDEX) 2023

Indeks Keamanan Global diukur berdasarkan 23 petunjuk yang dinilai dari skala 1 hingga 5 yang mana skala yang lebih rendah menunjukkan tahap keamanan yang tinggi dalam sesebuah negara. Aspek yang diukur antaranya adalah tahap konflik antarabangsa dan domestik yang sedang berlangsung, tahap keselamatan dan kawalan sosial serta tahap ketenteraan.

Merujuk laporan Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index 2023*) yang diterbitkan oleh *Institute for Economics & Peace*, Malaysia mencapai skor 1.005 bagi tahap konflik antarabangsa dan domestik yang sedang berlangsung dan skor 1.180 bagi tahap

ketenteraan, menunjukkan keamanan yang tinggi kerana berada di skala paling rendah iaitu skala 1.

Ini meletakkan Malaysia di kedudukan ke-19, jatuh satu anak tangga berbanding ke-18 pada tahun 2022. Walau bagaimanapun Malaysia masih antara 20 negara paling aman di dunia dan kedua paling aman dalam negara-negara ASEAN selepas Singapura.

Di samping itu, Iceland masih menduduki tangga pertama, diikuti Denmark di kedudukan kedua, naik dua anak tangga (2022: ke-4) dan Ireland turut mengekalkan kedudukan di tangga ke-3 dalam Indeks Keamanan Global pada tahun 2023. (**Jadual 1.3**).

Jadual 1.3 Kedudukan Indeks Keamanan Global (*Global Peace Index*) negara terpilih, 2022 dan 2023

Negara	2022		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Iceland	1	1.107	1	1.124
Denmark	4	1.296	2	1.31
Ireland	3	1.288	3	1.312
New Zealand	2	1.269	4	1.313
Austria	5	1.3	5	1.316
Singapura	9	1.326	6	1.332
Portugal	6	1.301	7	1.333
Slovenia	7	1.316	8	1.334
Jepun	10	1.336	9	1.336
Switzerland	11	1.357	10	1.339
Kanada	12	1.389	11	1.35
Czechia	8	1.318	12	1.379
Finland	14	1.439	13	1.399
Croatia	15	1.44	14	1.45
Jerman	16	1.462	15	1.456
Belanda	21	1.522	16	1.49
Bhutan	19	1.481	17	1.496
Hungary	13	1.411	18	1.508
Malaysia	18	1.471	19	1.513
Belgium	22	1.526	20	1.523

Sumber: *Global Peace Index 2023, Institute for Economics & Peace*

INDEKS KETERANGKUMAN KEWANGAN GLOBAL (GLOBAL FINANCIAL INCLUSION INDEX) 2023

Menurut Bank Dunia, Keterangkuman Kewangan atau (*Financial Inclusion*) didefinisikan sebagai *individuals and business having access to useful and affordable financial products and services that meet their needs*. Indeks Keterangkuman Kewangan Global dilaksanakan untuk mengukur sejauh mana pasaran di dunia menyediakan akses yang diperlukan berdasarkan tiga teras iaitu sokongan daripada kerajaan, majikan dan sistem kewangan.

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Keterangkuman Kewangan Global pada tahun 2023 adalah di tangga ke-18 daripada

42 buah negara iaitu meningkat dua anak tangga berbanding tahun 2022 (ke-20). Peningkatan kedudukan ini diterajui oleh teras sokongan daripada kerajaan dan sistem kewangan yang masing-masing meningkat kepada kedudukan ke-22 dan ke-17 pada tahun 2023 berbanding ke-24 dan ke-23 pada tahun 2022. Selain itu, bagi teras sokongan daripada majikan pula masih mengekalkan kedudukan yang sama iaitu di tempat ke-5.

Singapura kekal menduduki tangga pertama pada 2023, diikuti Hong Kong di tempat ke-2 iaitu naik dua anak tangga (2022: ke-4) seperti yang dipaparkan dalam **Jadual 1.4** (*Global Financial Inclusion Index, 2023, Principle Financial Group*).

Jadual 1.4 Kedudukan Indeks Keterangkuman Kewangan Global 2023 (*Global Financial Inclusion Index*) negara terpilih, 2022 dan 2023

Negara	2022		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	1	68.9	1	73.9
Hong Kong	4	65.2	2	71.1
Switzerland	8	63.4	3	68.4
Amerika Syarikat	2	67.1	4	66.2
Sweden	3	65.2	5	65.5
Denmark	6	63.9	6	65.3
United Kingdom	14	56.9	7	60.8
Norway	9	63.1	8	59.4
Australia	7	63.6	9	58.9
Thailand	19	49.9	10	58.8
Finland	5	64.6	11	58.1
Belanda	10	59.8	12	57.0
Korea Selatan	27	44.0	13	55.1
Kanada	11	59.2	14	53.8
Israel	13	57.1	15	53.7
New Zealand	12	58.2	16	53.6
Viet Nam	30	41.1	17	53.1
Malaysia	20	49.6	18	52.8
China	17	53.1	19	51.5
Taiwan	16	53.5	20	49.4

Sumber: *Global Financial Inclusion Index 2023, Principle Financial Group dan World Bank*

INDEKS PRESTASI LOGISTIK (LOGISTIC PERFORMANCE INDEX) 2023

Kedudukan Malaysia bagi Indeks Prestasi Logistik 2023 yang diterbitkan oleh laporan *The Connecting To Compete 2023 : Trade Logistics in the Global Economy* melonjak 15 anak tangga di kedudukan ke-26 berbanding di kedudukan ke-41 pada tahun 2018 dengan nilai indeks skor 3.6 (2018: 3.2). Indeks Prestasi Logistik ini membolehkan perbandingan prestasi logistik perdagangan dibuat antara 139 negara terpilih. Ia digunakan sebagai penanda aras bagi membantu negara-negara mengenalpasti cabaran dan

peluang yang dihadapi bagi meningkatkan prestasi logistik perdagangan negara.

Singapura menduduki tempat pertama keseluruhan dengan kenaikan enam anak tangga (2018: ke-7) diikuti Finland di kedudukan kedua, naik lapan anak tangga (2018: ke-10) dan Denmark di kedudukan ketiga, dengan menaiki lima anak tangga (2018: ke-8) seperti yang ditunjukkan pada **Jadual 1.5**. Selain itu, Singapura kekal menduduki tangga pertama dalam negara-negara ASEAN disusuli oleh Malaysia, Thailand, Filipina dan Viet Nam.

Jadual 1.5 Kedudukan Indeks Prestasi Logistik (Logistic Performance Index) negara terpilih, 2018 dan 2023

Negara	2018		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Singapura	7	4.0	1	4.3
Finland	10	4.0	2	4.2
Denmark	8	4.0	3	4.1
Jerman	1	4.2	3	4.1
Belanda	6	4.0	3	4.1
Switzerland	13	3.9	3	4.1
Austria	4	4.0	7	4.0
Belgium	3	4.0	7	4.0
Kanada	20	3.7	7	4.0
Hong Kong	12	3.9	7	4.0
Sweden	2	4.1	7	4.0
UAE	11	4.0	7	4.0
Perancis	16	3.8	13	3.9
Jepun	5	4.0	13	3.9
Spanyol	17	3.8	13	3.9
Amerika Syarikat	14	3.9	17	3.8
China	26	3.6	19	3.7
United Kingdom	9	4.0	19	3.7
Malaysia	41	3.2	26	3.6
Thailand	32	3.4	34	3.5

Sumber: *The Connecting To Compete 2023 : Trade Logistics in the Global Economy*, Booklet, The World Bank, 2023

INDEKS KESEDIAAN RANGKAIAN (NETWORK READINESS INDEX) 2023

Merujuk laporan *Network Readiness Index*, Malaysia menduduki tangga ke-40 dalam Indeks Kesediaan Rangkaian 2023, turun empat anak tangga berbanding kedudukan ke-36 pada tahun 2022 dengan pencapaian nilai skor 56.72 (2022: 60.58). Indeks Kesediaan Rangkaian adalah antara indeks global terkemuka yang mengukur mengenai aplikasi dan impak teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terhadap ekonomi di seluruh dunia.

Indeks ini mempunyai beberapa komponen utama antaranya ialah teknologi, tadbir urus, ekonomi dan *Sustainable Development Goals*

(SDG). Secara keseluruhannya, terdapat 58 variabel yang diambil kira dalam penilaian indeks skor ini.

Amerika Syarikat dan Singapura masih mengekalkan kedudukan pada tahun 2023 iaitu masing-masing di tangga pertama dan kedua. Manakala, Finland berada di tangga ketiga (2022: ke-7) (**Jadual 1.6**). Di samping itu, di kalangan negara berpendapatan sederhana tinggi (*Upper-middle-income*) Malaysia berada di kedudukan ketiga di bawah negara China dan Rusia. Manakala, di kalangan negara-negara ASEAN, Singapura berada di kedudukan pertama, diikuti Malaysia (ke-40) dan Thailand (ke-42).

Jadual 1.6 Kedudukan Indeks Kesediaan Rangkaian (*Network Readiness Index*) negara terpilih, 2022 dan 2023

Negara	2022		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
Amerika Syarikat	1	80.30	1	76.91
Singapura	2	79.35	2	76.81
Finland	7	77.90	3	76.19
Belanda	4	78.82	4	76.04
Sweden	3	78.91	5	75.68
Switzerland	5	78.45	6	74.76
Republik Korea	9	75.95	7	74.48
Denmark	6	78.26	8	74.06
Jerman	8	76.11	9	74.00
United Kingdom	12	73.41	10	72.75
Jepun	13	73.09	13	71.06
Perancis	16	72.19	15	70.17
China	23	68.83	20	67.31
New Zealand	19	70.32	23	65.96
Hong Kong	30	65.40	25	65.01
Portugal	29	65.63	28	63.08
UAE	28	65.64	30	62.43
Rusia	40	59.54	38	57.27
Malaysia	36	60.58	40	56.72
Thailand	46	56.56	42	55.73

Sumber: *Network Readiness Index 2023, Booklet, Portulans Institute, 2023*

INDEKS PERDAGANGAN MAMPAN (SUSTAINABLE TRADE INDEX) 2023

Malaysia mengekalkan kedudukan ke-14 dalam indeks perdagangan mampan pada tahun 2023 seperti tahun sebelumnya dengan pencapaian nilai skor 58.10. Pengekalan kedudukan ini merupakan kesan daripada kesediaan dan kapasiti Malaysia yang mengambil bahagian dalam sistem perdagangan antarabangsa.

Indeks Perdagangan ini mengukur keupayaan ekonomi sesebuah negara melalui perdagangan antarabangsa. Dalam kategori ini, skor ekonomi diambil kira dari segi hubungan antara sistem perdagangan dan pertumbuhan ekonomi. Faktor sosial juga penting dalam kapasiti ekonomi kerana pembangunan modal insan seperti pendidikan

dan standard buruh akan menggalakkan persekitaran berdagang.

Menurut laporan Index Perdagangan Mampan (*Sustainable Trade Index*) yang diterbitkan oleh *International Institute for Management Development*, New Zealand menduduki tangga pertama indeks perdagangan pada 2023 dengan pencapaian nilai skor 100.00 (2022: 100.00), diikuti United Kingdom di kedudukan kedua dengan pencapaian nilai skor 96.50 (2022: 91.60). Dari kategori negara ASEAN, Singapura mendahului carta dengan kedudukan di tangga ke-3, naik dua anak tangga (2022: ke-5), diikuti Filipina di tangga ke-12 (2022: ke-12), Viet Nam di tangga ke-13, naik tujuh anak tangga (2022: ke-20) dan Malaysia kekal di tangga ke-14 (**Jadual 1.7**).

Jadual 1.7 Kedudukan Indeks Perdagangan Mampan (*Sustainable Trade Index*) negara terpilih, 2022 dan 2023

Negara	2022		2023	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
New Zealand	1	100.00	1	100.00
United Kingdom	2	91.60	2	96.50
Singapura	5	72.80	3	94.10
Hong Kong	3	74.80	4	85.60
Australia	6	63.10	5	84.50
Republik Korea	8	60.80	6	84.20
Kanada	7	54.10	7	82.10
Jepun	4	85.20	8	79.30
Amerika Syarikat	9	57.60	9	77.20
Taiwan	10	41.60	10	65.90
Chile	11	74.40	11	64.40
Filipina	12	85.00	12	61.40
Viet Nam	20	58.50	13	58.80
Malaysia	14	68.10	14	58.10
Mexico	16	87.50	15	53.80
China	13	64.40	16	50.10
Thailand	15	54.40	17	50.10
Kemboja	17	80.60	18	49.40
Indonesia	18	71.30	19	49.10
Ecuador	19	57.40	20	38.50

Sumber: *Sustainable Trade Index*, IMD, World Competitiveness Centre, 2023

EASE OF DOING BUSINESS, 2020

Malaysia berjaya memperbaiki kedudukan ke tangga ke-12 dalam *Ease of Doing Business* pada tahun 2020 berbanding kedudukan ke-15 pada tahun 2019 dengan pencapaian nilai skor 81.5 (2019: 80.6). Penambahbaikan kedudukan ini merupakan kesan daripada penanda aras Malaysia dalam memberi perkhidmatan yang baik dalam bidang perniagaan dan inisiatif dalam menjadikan negara sebagai pusat pembangunan ekonomi yang terbaik.

Menelusuri laporan *Doing Business* yang diterbitkan oleh *World Bank Group*, New Zealand masih menduduki tangga pertama diikuti Singapura yang mengekalkan kedudukan di tangga kedua, dan Hong Kong

di kedudukan ketiga, naik satu anak tangga (2019: ke-4) (**Jadual 1.8**).

Bagi kategori Negara ASEAN, Singapura mendahului carta di kedudukan ke-2 dengan nilai skor 86.2 (2019: 85.2), diikuti Malaysia di kedudukan ke-12 (2019: ke-15), dan Thailand di kedudukan ke-21 (2019: ke-27).

Saban tahun Malaysia berjaya mengekalkan persekitaran mesra perniagaan. Contohnya sektor kewangan dan perbankan Malaysia yang mampan, dasar mesra perniagaan, infrastruktur sedia ada dan sokongan kemudahan kerajaan menjadikan Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk berfungsi sebagai pusat perdagangan dunia.

Jadual 1.8 *Ease of Doing Business* negara terpilih, 2019 dan 2020

Negara	2019		2020	
	Kedudukan	Skor	Kedudukan	Skor
New Zealand	1	86.6	1	86.8
Singapura	2	85.2	2	86.2
Hong Kong	4	84.2	3	85.3
Denmark	3	84.6	4	85.3
Republik Korea	5	84.1	5	84.0
Amerika Syarikat	8	82.8	6	84.0
Georgia	6	83.3	7	83.7
United Kingdom	9	82.7	8	83.5
Norway	7	83.0	9	82.6
Sweden	12	81.3	10	82.0
Lithuania	14	80.8	11	81.6
Malaysia	15	80.6	12	81.5
Mauritius	20	79.6	13	81.5
Australia	18	80.1	14	81.2
Taiwan	13	80.9	15	80.9
UAE	11	81.3	16	80.9
Macedonia Utara	10	81.6	17	80.7
Estonia	16	80.5	18	80.6
Latvia	19	79.6	19	80.3
Thailand	27	78.5	21	80.1

Sumber: *Doing Business*, World Bank Group, 2020

PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2024

Pelbagai faktor yang kompleks menjadikan prospek pertumbuhan ekonomi global untuk tahun 2024 amat mencabar. Kawalan ketat dasar monetari dan kewangan yang ketat, ketidaktentuan dasar yang berterusan di seluruh dunia, perubahan iklim serta ketidakstabilan harga komoditi merupakan antara cabaran yang dihadapi. Walau bagaimanapun, ekonomi dunia diramal kekal berdaya tahan apabila *International Monetary Fund* (IMF) dalam Laporan *World Economic Outlook* (WEO, July 2024) mengunjurkan KDNK dunia bertumbuh pada kadar 3.2 peratus pada tahun 2024 berbanding peningkatan 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Ekonomi negara maju diramal bertumbuh pada kadar 1.7 peratus, sama seperti tahun sebelumnya. Ekonomi Kawasan Euro pula diunjur meningkat secara marginal 0.9 peratus (2023: 0.5%) manakala EMDE dijangka bertumbuh pada kadar 4.3 peratus berbanding 4.4 peratus pada tahun 2023.

Sementara itu, perdagangan global diunjur bertambah baik pada kadar 3.0 peratus (2023: 0.3%) berikutan peningkatan aktiviti eksport dan import. Aktiviti eksport di negara maju dijangka berkembang sebanyak 2.5 peratus (2023: 0.9%). Begitu juga dengan eksport negara EMDE yang turut diramal pulih kepada 3.7 peratus berbanding penurunan 0.1 peratus pada tahun 2023. Import bagi negara maju pula dijangka berkembang sebanyak 2.0 peratus (2023: -1.0%), manakala import EMDE turut diunjur meningkat 4.9 peratus (2023: 2.0%).

Inflasi global pada tahun 2024 diramal lebih perlahan kepada 5.9 peratus berbanding tahun sebelumnya iaitu 6.7 peratus didorong oleh jangkaan pelaksanaan dasar monetari yang lebih ketat. Ekonomi negara maju dan EMDE masing-masing dijangka mencatat inflasi 2.7 peratus (2023: 4.6%) dan 8.2 peratus

(2023: 8.3%). Unjuran tersebut juga disokong oleh penambahbaikan dalam rantai bekalan global serta penyederhanaan harga tenaga dan makanan.

Beralih kepada pertumbuhan ekonomi, KDNK Amerika Syarikat dijangka berkembang pada kadar 2.6 peratus (2023: 2.5%) didorong oleh peningkatan dalam permintaan. Di samping itu, pelaksanaan langkah rangsangan fiskal secara bersasar, pelarasan kadar faedah dan peningkatan perbelanjaan infrastruktur merupakan strategi yang dilaksanakan untuk merancakkan lagi ekonomi negara ini.

Sementara itu, ekonomi di Kawasan Euro diunjur meningkat daripada 0.5 peratus kepada 0.9 peratus pada tahun 2024. Prestasi lebih baik ini disokong oleh pertumbuhan KDNK negara Jerman yang diramal pulih kepada 0.2 peratus berbanding kejatuhan 0.2 peratus pada tahun sebelumnya. Ini berikutan peningkatan dalam sektor Perindustrian dan peningkatan permintaan oleh rakan dagang utama. Walau bagaimanapun, ekonomi negara-negara utama lain Kawasan Euro diramal bertumbuh lebih perlahan seperti Perancis, 0.9 peratus (2023: 1.1%) manakala Itali, 0.7 peratus (2023: 0.9%) dan Sepanyol, 2.4 peratus (2023: 2.5%).



3.2%
Unjuran pertumbuhan
KDNK dunia pada
tahun 2024

Ekonomi Jepun dijangka bertumbuh perlahan pada kadar 0.7 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun 2023 walaupun melaksanakan dasar monetari dan fiskal. Di samping itu, ekonomi China turut diunjur lebih perlahan akibat berdepan pelbagai cabaran domestik dan antarabangsa. Keyakinan pengguna diramal kekal rendah pada tahun 2024 menyebabkan pengurangan dalam perbelanjaan isi rumah. Selain itu, krisis sektor hartanah yang berterusan dan permintaan luar yang berkurang dijangka memberi kesan

negatif ke atas pelaburan tetap, pengeluaran perindustrian dan eksport. Ianya sekaligus dijangka memperlahankan pertumbuhan KDNK China kepada 5.0 peratus pada tahun 2024 (2023: 5.2%).

Walau bagaimanapun, bagi negara ASEAN yang merangkumi lima negara iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand, KDNK ekonomi rantau ini diunjurkan berkembang lebih baik kepada 4.5 peratus berbanding 4.1 peratus pada tahun 2023.

Jadual 1.9 Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih, 2023 dan unjuran 2024

(%)

Negara	2023	Unjuran 2024
Ekonomi Dunia	3.3	3.2
Negara Maju	1.7	1.7
Amerika Syarikat	2.5	2.6
Kawasan Euro	0.5	0.9
Jerman	-0.2	0.2
Perancis	1.1	0.9
Itali	0.9	0.7
Sepanyol	2.5	2.4
Jepun	1.9	0.7
United Kingdom	0.1	0.7
Negara EMDE*	4.4	4.3
China	5.2	5.0
Republik Korea	1.4	2.5
Taiwan	1.3	3.9
ASEAN-5**	4.1	4.5
Singapura***	1.1	2.1
Thailand	1.9	2.9
Filipina	5.5	6.0
Indonesia	5.0	5.0
Viet Nam***	5.0	5.8
Malaysia	3.6	4.4

Sumber: IMF, *World Economic Outlook*, July 2024 dan National Statistics Office (NSO)

* EMDE : Emerging Market and Developing Economies

** ASEAN-5 (Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand)

***IMF, *World Economic Outlook*, April 2024

Nota:

Rujukan yang diambil telah diolah bersesuaian dengan laporan ini.

SENARIO EKONOMI MALAYSIA 2023

EKONOMI MALAYSIA KEKAL BERDAYA TAHAN

Senario 2023 memperlihatkan ketidakstabilan landskap ekonomi global kesan daripada konflik pencerobohan di Eropah, pergolakan geopolitik di Timur Tengah, peningkatan inflasi dan kawalan ketat dasar monetari global. Meskipun begitu, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan mencatatkan pertumbuhan 3.6 peratus (2022: 8.9%) dengan nilai ditambah berjumlah RM1.57 trilion berbanding RM1.51 trilion pada tahun 2022 (Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2023, DOSM). Pertumbuhan tersebut dipacu oleh peningkatan permintaan domestik, iaitu perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan kerajaan yang masing-masing meningkat sebanyak 4.7 peratus dan 3.3 peratus. Ia turut disokong oleh peningkatan dalam pembentukan modal tetap kasar sebanyak 5.5 peratus.

Peningkatan permintaan domestik turut disokong oleh industri pelancongan yang semakin rancak setelah negara beralih ke fasa endemik serta pembukaan semula sempadan antarabangsa negara sejak 1 April 2022. Kerajaan komited dalam memastikan industri pelancongan kembali pulih dengan memperuntukkan sejumlah RM250 juta bagi mempromosi Malaysia sebagai destinasi pelancongan dalam menyasarkan ketibaan pelancong luar kembali ke paras pra-pandemik. Hasilnya, Malaysia menyaksikan peningkatan ketibaan



100.1%
**Peningkatan
bilangan pelancong
pada tahun 2023**

pelancong dari luar negara yang menggalakkan pada tahun 2023. Bilangan pelancong meningkat hampir sekali ganda atau 100.1 peratus, iaitu 20.1 juta orang berbanding 10.1 juta orang yang direkodkan pada tahun 2022. Begitu juga bagi pelancongan domestik, bilangan pelawat domestik turut meningkat kepada 213.7 juta orang atau 24.6 peratus (2022: 171.6 juta orang). Seiring

dengan peningkatan ini, perbelanjaan domestik turut tumbuh pada kadar 32.5 peratus dengan nilai RM84.9 bilion berbanding RM64.1 bilion pada tahun 2022 (Survei Pelancongan Domestik Malaysia 2023, DOSM). Perkembangan ini bukan sahaja merancakkan ekonomi tempatan, khasnya industri berkait pelancongan, malah turut mendorong peningkatan permintaan tenaga buruh, seterusnya menjana pendapatan lebih baik kepada perniagaan mahupun isi rumah.

Pasaran buruh Malaysia pada tahun 2023 terus menunjukkan perkembangan positif. Tenaga buruh berkembang 3.8 peratus dengan mencatatkan 16.4 juta orang atau pertambahan seramai 597.1 ribu orang berbanding 15.8 juta orang pada tahun 2022. Seterusnya, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.8 mata peratus untuk mencatatkan 70.0 peratus (2022: 69.3%). Bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 15.8 juta orang berbanding 15.2 juta orang pada tahun 2022. Pada tempoh sama, bilangan penduduk menganggur berkurang daripada 614.5 ribu orang kepada 553.4 ribu orang. Seiring dengan penurunan ini, kadar pengangguran semakin baik, iaitu 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelum (Laporan Survei Tenaga Buruh 2023, DOSM).

Ketidaktentuan ekonomi global telah memberi kesan kepada aliran perdagangan antarabangsa Malaysia. Laporan Perangkaan Mukhtamad Perdagangan Luar Negeri yang diterbitkan oleh DOSM pada 2024 telah menunjukkan jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2023 bernilai RM2.6 trilion, menguncup 7.3 peratus (2022: RM2.84 trilion). Ini dipengaruhi oleh penguncupan 8.0 peratus aktiviti eksport barangan kepada RM1.43 trilion berbanding 2022 (RM1.55 trilion) kesan daripada permintaan global yang semakin perlahan serta penurunan harga komoditi rentetan daripada ketidaktentuan ekonomi dunia. Barangan elektrik & elektronik dan gas

asli cecair merupakan antara eksport produk utama yang terjejas. Aktiviti import turut mencatatkan penyusutan 6.4 peratus, merekodkan RM1.21 trilion pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (RM1.29 trilion).

Beralih kepada daya saing negara, berdasarkan *World Competitiveness Yearbook* yang dikeluarkan oleh *International Institute for Management Development*, Malaysia mencatatkan kedudukan ke-27 daripada 64 negara dalam *World Competitiveness Ranking* (WCR) pada tahun 2023, iaitu peningkatan lima anak tangga berbanding tahun 2022 dengan kedudukan ke-32. WCR bukan hanya diukur berdasarkan prestasi KDNK serta produktiviti, namun dinilai melalui beberapa aspek lain, antaranya kecekapan kerajaan, perdagangan dan infrastruktur. Setiap aspek merangkumi 336 kriteria bagi mengukur daya saing sesebuah negara. Peningkatan yang dicapai oleh Malaysia berdasarkan kriteria tersebut memperlihatkan persekitaran ekonomi yang berdaya saing serta menjadikannya antara destinasi pilihan para pelabur asing serta perdagangan antarabangsa. Pencapaian ini didorong oleh kos harga yang kompetitif, infrastruktur yang baik dan dasar cukai yang menggalakkan.

Menurut Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2023 meningkat kepada RM329.5 bilion berbanding RM267.8 bilion pada tahun sebelumnya. Pelaburan ini meliputi sebanyak 5,101 projek dijangka mampu menjana 127,332 peluang pekerjaan baharu. Pelaburan asing menyumbang 57.2 peratus dengan jumlah RM188.4 bilion manakala pelaburan domestik menyumbang 42.8 peratus dengan jumlah pelaburan bernilai RM141.1 bilion (2022: RM104.4 bilion). Singapura merupakan antara negara penyumbang utama pelaburan asing di Malaysia dengan nilai pelaburan sebanyak RM43.7 bilion diikuti Belanda (RM35.5 bilion).

Sektor Perkhidmatan kekal mendominasi pelaburan dengan sumbangan 51.1 peratus diikuti oleh sektor Perkilangan (46.1%) dan sektor Utama (2.8%). Pelaburan yang diluluskan ini meliputi kos projek berkaitan aset tetap, perbelanjaan pra-operasi dan modal kerja. Ia tidak hanya direalisasikan dalam tahun semasa, malahan boleh merentasi tempoh beberapa tahun.

Manakala Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merujuk kepada pelaburan perniagaan atau aset yang dilakukan oleh individu, syarikat atau entiti dari sesebuah negara ke Malaysia dalam bentuk instrumen kewangan. FDI melibatkan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 10 peratus yang disusun berdasarkan Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). FDI di Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM40.4 bilion berbanding RM75.4 bilion pada tahun sebelumnya. Ia didorong oleh sektor Perkhidmatan dengan aliran masuk bersih sebanyak RM35.4 bilion, khususnya dalam Maklumat dan komunikasi; dan aktiviti Kewangan & insurans/takaful. Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM5.5 bilion, disumbangkan oleh subsektor Elektrik, peralatan pengangkutan dan pembuatan lain; dan subsektor Keluaran mineral bukan logam, logam asas dan keluaran logam rekaan. Aliran FDI utama ke Malaysia adalah dari rantau Asia berjumlah RM54.3 bilion, terutamanya dari Singapura, Hong Kong dan Jepun (Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia, 2023, DOSM).

Peralihan fasa Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) menyaksikan era pendigitalan mulai menjadi sebahagian dalam kehidupan harian masyarakat. Menerusi *IMD's World Digital*

Competitiveness Ranking 2023, Malaysia telah menduduki kedudukan ke-33, mengatasi beberapa negara Asia lain termasuk Thailand dan Indonesia. Kedudukan ini diukur melalui keupayaan sesebuah negara dalam penerimaan dan penerokaan teknologi digital yang mendorong transformasi dalam sistem kerajaan, perniagaan dan masyarakat secara umum. Penggunaan teknologi pintar secara meluas menerusi 4IR dapat dilihat menerusi peralihan kepada ekonomi digital terutamanya aktiviti pembelian secara atas talian melalui aplikasi serta laman web membeli belah dan media sosial. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan ekoran penularan COVID-19 telah mengakibatkan pembatasan dalam ekonomi fizikal. Pembatasan ini telah memperluaskan penggunaan e-dompet dalam aktiviti jual beli yang semakin diterima pakai hingga ke saat ini.

Daya tahan ekonomi Malaysia pada tahun 2023 turut didorong oleh pelaksanaan dasar serta langkah yang utuh berasaskan kerangka Ekonomi Madani dalam memastikan ekosistem dan persekitaran perniagaan yang sesuai bagi memudahcara kegiatan ekonomi dan memenuhi keperluan rakyat. Belanjawan 2023 yang bertemakan "Membangun Malaysia Madani" telah memperuntukkan RM388.1 bilion merangkumi perbelanjaan mengurus berjumlah RM289.1 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM99.0 bilion. Selain itu, dalam usaha menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, kerajaan turut komited dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat dengan memperuntukkan RM64.0 bilion dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif termasuk bantuan secara tunai di bawah program Sumbangan Tunai Rahmah yang menyasarkan golongan berpendapatan rendah selain pelancaran dua inisiatif di bawah Konsep Payung Rahmah iaitu Menu Rahmah dan Jualan Rahmah.

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2023

Ekonomi Malaysia menyederhana kepada 3.6 peratus pada tahun 2023 daripada 8.9 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.1**). Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.6 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai komponen terbesar dengan sumbangan sebanyak 60.7 peratus kepada KDNK pada tahun 2023 (**Carta 1.2**).

KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM1.82 trilion dan RM1.57 trilion pada harga malar. Berdasarkan prestasi keseluruhan semasa, Pendapatan Negara Kasar per kapita mencatatkan RM53,026 berbanding RM53,121 pada tahun 2022.

Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan berkembang sebanyak 5.1 peratus berbanding 11.0 peratus pada tahun sebelumnya, seperti ditunjukkan di **Carta 1.3**. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor utama seperti Perdagangan borong & runcit pada 5.9 peratus (2022: 13.7%), Pengangkutan & penyimpanan pada 13.8 peratus (2022: 29.4%) dan Makanan & minuman dan penginapan pada 7.7 peratus (2022: 34.7%).

Pembuatan

Sektor Pembuatan bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan, 0.7 peratus (2022: 8.1%) pada tahun 2023, seperti di **Carta 1.4**. Pertumbuhan sederhana ini dipengaruhi oleh produk berorientasikan domestik seperti Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan pada 3.6 peratus (2022: 15.2%), Pemprosesan makanan pada 5.5 peratus (2022: 7.9%) dan Produk logam yang direka pada 7.0 peratus (2022: 7.0%). Walau bagaimanapun, produk berorientasikan

eksport seperti Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna dan Produk petroleum bertapis masing-masing menyusut 3.0 peratus (2022: 16.7%) dan 2.3 peratus (2022: 5.4%), telah mengurangkan pertumbuhan keseluruhan sektor ini.

Pertanian

Sektor Pertanian meningkat 0.7 peratus pada tahun 2023 berbanding 1.3 peratus pada tahun 2022 (**Carta 1.5**). Peningkatan marginal ini didorong terutamanya oleh subsektor Kelapa sawit dan Ternakan yang masing-masing meningkat 0.2 peratus (2022: 3.8%) dan 0.7 peratus (2022: 0.5%). Walau bagaimanapun, subsektor Getah dan Perhutanan dan pembalakan menyusut, masing-masing 6.6 peratus (2022: -19.7%) dan 9.0 peratus (2022: 0.6%).

Pembinaan

Sektor Pembinaan meningkat 6.1 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.6**). Prestasi ini diterajui oleh Kejuruteraan awam, Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Bangunan kediaman, dengan masing-masing mencatatkan peningkatan 14.5 peratus (2022: -0.9%), 6.5 peratus (2022: 6.5%) dan 2.4 peratus (2022: -1.2%). Sebaliknya, Bangunan bukan kediaman menyusut 0.5 peratus (2022: 17.0%).

Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian meningkat 0.5 peratus daripada 3.5 peratus pada tahun 2022, seperti di **Carta 1.7**. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Gas asli yang berkembang 0.6 peratus (2022: 5.3%) dan Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang meningkat 3.6 peratus (2022: 10.2%). Sementara itu, Minyak mentah & kondensat menurun sebanyak sebanyak 0.4 peratus (2022: -0.3%) pada tahun 2023.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta menyederhana kepada 4.7 peratus berbanding 11.3 peratus pada tahun sebelumnya, seperti di **Carta 1.8**. Pertumbuhan sederhana ini dipengaruhi oleh perbelanjaan penggunaan ke atas Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain.

Sumbangan perbelanjaan bagi barangan meningkat kepada 60.1 peratus (2022: 58.7%), disumbangkan oleh barangan tidak tahan lama (72.4%) dan barangan tahan lama (17.4%). Sementara itu, sumbangan perbelanjaan ke atas perkhidmatan kepada jumlah perbelanjaan penggunaan swasta berkurang daripada 41.3 peratus kepada 39.9 peratus pada tahun 2023.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan bertumbuh sederhana kepada 3.3 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.9**). Perbelanjaan ke atas pendidikan dan pertahanan telah memacu pertumbuhan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sederhana bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan awam telah mempengaruhi prestasi keseluruhan perbelanjaan kerajaan.

-8.1%

**Pertumbuhan Eksport
menyusut
pada tahun 2023**

Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatatkan pertumbuhan 5.5 peratus (2022: 6.8%), seperti yang digambarkan dalam (**Carta 1.10**). Momentum yang lebih perlahan dalam PMTK adalah disebabkan oleh segmen Jentera & peralatan yang menyederhana 5.2 peratus (2022: 10.2%). Selain itu, Struktur dan Aset lain masing-masing berkembang 6.1 peratus (2022: 4.8%) dan 2.8 peratus (2022: 2.4%) telah mengimbangi pertumbuhan perlahan bagi sektor ini.

Prestasi PMTK disokong sebahagian besarnya oleh sektor Swasta (sumbangan: 77.2%), dengan pertumbuhan 4.6 peratus berbanding 7.2 peratus pada tahun 2022. Sektor Awam turut meningkat kepada 8.6 peratus daripada 5.3 peratus pada tahun sebelumnya.


Eksport dan import

Eksport menyusut 8.1 peratus berbanding pertumbuhan kukuh 14.5 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.11**). Kejatuhan ini dipengaruhi oleh Eksport barangan dengan penyusutan 12.7 peratus (2022: 11.0%) yang menyumbang 85.3 peratus daripada jumlah Eksport. Sementara itu, Eksport perkhidmatan bertumbuh 33.0 peratus daripada 58.3 peratus pada tahun 2022.

Import turut merosot 7.4 peratus daripada 16.0 peratus pada tahun 2022 (**Carta 1.12**). Penguncupan ini disebabkan Import barangan yang merekodkan penurunan 11.7 peratus (2022: 14.4%). Import barangan menyumbang 80.7 peratus daripada keseluruhan Import.


CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2023

Carta 1.1 KDNK - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar




Carta 1.2 KDNK - Sumbangan peratusan pada harga malar



KDNK pada harga malar: RM1,568.0 bilion





Carta 1.3 Prestasi sektor Perkhidmatan, tahunan




Carta 1.4 Prestasi sektor Pembuatan, tahunan




Carta 1.5 Prestasi sektor Pertanian, tahunan




Carta 1.6 Prestasi sektor Pembinaan, tahunan




Carta 1.7 Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, tahunan




Carta 1.8 Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta, tahunan





Carta 1.9 Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan, tahunan





Carta 1.10 Prestasi pembentukan modal tetap kasar, tahunan


Sumbangan, 2023

**Carta 1.11 Prestasi eksport, tahunan**

Sumbangan, 2023

**Carta 1.12 Prestasi import, tahunan**

Sumbangan, 2023



Inflasi

Inflasi Malaysia menunjukkan peningkatan perlahan kepada 2.5 peratus pada tahun 2023 berbanding 3.3 peratus (2022) dengan mata indeks mencatatkan 130.4 berbanding 127.2 pada tahun sebelumnya. Ini dipengaruhi oleh gangguan bekalan yang mereda, kawalan harga, subsidi tertentu dan penurunan harga kebanyakan komoditi global. Inflasi bagi kumpulan utama menunjukkan peningkatan kecuali Komunikasi (-3.0%). Peningkatan yang tertinggi dicatatkan oleh Restoran & Hotel iaitu 5.6 peratus, diikuti oleh kumpulan Makanan & Minuman (4.8%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (2.4%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.3%); Kesihatan (2.2%); Pendidikan (1.9%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.7%); Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan (1.5%); Pengangkutan (1.1%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.6%) dan Pakaian & Kasut (0.3%).

Komoditi tenaga menunjukkan penyusutan pada tahun 2023 (-29.9%) berbanding tahun 2022 (60.0%). Namun tingkat harga komoditi ini masih lagi tinggi berbanding harga pra-pandemik. Kenaikan kos bahan api dan ketergantungan kepada Gas Asli Cecair (LNG) yang diimport telah mendorong kerajaan untuk membuat pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) bagi pengguna di Semenanjung Malaysia mulai separuh tahun kedua 2023. Pengguna domestik dengan unit penggunaan elektrik melebihi 1,500kWj akan dikenakan surcaj 10 sen/kWj.

Kumpulan Makanan & Minuman yang merupakan komponen terbesar dalam perbelanjaan isi rumah di Malaysia dengan sumbangan 29.5 peratus daripada wajaran IHP telah mula menunjukkan penurunan kepada 4.8 peratus berbanding 5.8 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan perlahan bagi

kumpulan ini sebahagian besarnya didorong oleh komponen Makanan di rumah yang meningkat kepada 3.5 peratus berbanding 5.3 peratus yang dicatatkan pada tahun 2022. Manakala, Makanan di luar rumah meningkat 6.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 6.6%).

Bagi prestasi inflasi di peringkat negeri, semua negeri menunjukkan peningkatan perlahan dalam inflasi tahun 2023 di mana lima negeri melepasi paras inflasi nasional 2.5 peratus. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh W.P. Putrajaya (3.4%), diikuti oleh Sarawak (3.1%), Selangor (2.9%), Perak (2.8%) dan Pahang (2.6%). W.P. Labuan pula merekodkan inflasi terendah 1.6 peratus. Kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan perlahan bagi inflasi kumpulan Makanan & Minuman pada tahun 2023. Enam negeri menunjukkan peningkatan melebihi paras nasional 4.8 peratus iaitu Selangor (6.1%), Sarawak (6.1%), W.P. Putrajaya (5.9%), Pulau Pinang (5.0%), Pahang (4.9%) dan Perak (4.8%). Manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi kumpulan Makanan & Minuman nasional.

Inflasi negara ASEAN menunjukkan peningkatan di antara 0.4 peratus dan 31.2 peratus pada tahun 2023. Enam negara mencatatkan kadar inflasi yang lebih tinggi dari Malaysia (2.5%) iaitu Laos P.D.R (31.2%), Myanmar (22.0%), Filipina (6.0%), Singapura (4.8%), Indonesia (3.7%) dan Viet Nam (3.3%). Selainnya, merekodkan kadar inflasi lebih rendah berbanding Malaysia ialah Kemboja (2.1%), Thailand (1.2%) dan Brunei (0.4%).

Paparan 1.1 Purata harga item terpilih, Malaysia, 2022-2023

		
Ayam (kg)	Ikan kembung (kg)	Bayam (kg)
RM9.50	RM18.12	RM6.07
(2022: RM9.82)	(2022: RM16.75)	(2022: RM5.66)

Pasaran tenaga buruh

Permintaan dalam negeri yang lebih tinggi telah mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kepada industri, menyebabkan peningkatan dalam pengeluaran disebabkan oleh pengembangan dalam hampir semua sektor ekonomi. Ini menyumbang kepada permintaan buruh yang lebih baik meskipun berhadapan dengan persekitaran luaran yang mencabar. Situasi pasaran buruh yang semakin baik pada tahun 2023 dapat dilihat melalui peningkatan dalam bilangan tenaga buruh iaitu seramai 597.1 ribu orang (3.8%) kepada 16.4 juta orang. Peningkatan bilangan tenaga buruh disokong oleh pertumbuhan 4.3 peratus dalam penduduk bekerja iaitu seramai 15.8 juta orang. Seiring dengan kenaikan ini, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) juga meningkat kepada 70.0 peratus, naik 0.8 mata peratus berbanding tahun 2022. Bilangan penganggur turut berkurang 9.9 peratus kepada 553.4 ribu orang berbanding 614.5 ribu orang pada tahun 2022. Ini menjadikan kadar pengangguran nasional semakin pulih ke paras pra-pandemik iaitu 3.4 peratus, lebih baik berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelum.

Penduduk bekerja berjumlah 15.8 juta orang, yang mana seramai 9.8 juta orang adalah lelaki manakala selebihnya adalah perempuan (6.0 juta orang). Majoriti penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 65.8 peratus, diikuti sektor Pembuatan (16.4%), Pertanian (9.1%), Pembinaan (8.1%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.6%). Mengikut kategori kemahiran pula, kategori pekerja separa mahir merangkumi 57.2 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja diikuti kategori mahir (30.4%) dan kategori berkemahiran rendah (12.4%). Dari sudut taraf pekerjaan, didominasi oleh kategori pekerja meliputi sebanyak 78.5 peratus. Ini diikuti oleh kategori bekerja sendiri (15.0%), majikan (3.7%) dan pekerja keluarga tanpa gaji (2.8%).

Perincian bagi penganggur pula mendapati bilangan penganggur lelaki berkurang seramai 35.2 ribu orang (-9.4%) kepada 338.9 ribu orang (2022: 374.1 ribu orang). Bilangan penganggur perempuan juga menurun sebanyak 25.9 ribu orang (-10.0%) kepada 214.5 ribu orang (2022: 240.4 ribu orang). Penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan yang merangkumi 73.9 peratus daripada jumlah penganggur pada 2023, turun 15.1 peratus (72.8 ribu orang) kepada 409.1 ribu orang (2022: 481.8 ribu orang). Sebaliknya, kumpulan penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan yang tersedia meningkat kepada 144.4 ribu orang (8.8%) pada tahun 2023.

Prestasi mengikut negeri menunjukkan semua negeri mencatatkan peningkatan dalam penyertaan tenaga buruh dengan KPTB tertinggi direkodkan oleh W.P. Putrajaya (78.6%), diikuti oleh Selangor (77.4%), W.P. Kuala Lumpur (74.2%), Johor (71.3%) dan Pulau Pinang (71.3%). Sabah merekodkan kadar pengangguran tertinggi iaitu 7.5 peratus, diikuti W.P. Labuan (6.8%) dan Perlis (4.4%). Kadar pengangguran bagi sembilan negeri iaitu W.P. Putrajaya (0.8%), Melaka (1.6%), Pahang (2.0%), Pulau Pinang (2.2%), Johor (2.6%), Selangor (2.7%), Kedah (2.9%), W.P. Kuala Lumpur (3.0%) dan Negeri Sembilan (3.2%) pula merekodkan kadar pengangguran yang lebih rendah daripada nasional (3.4%).

70.0%

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) merekodkan peningkatan pada tahun 2023

Luar tenaga buruh

Bilangan penduduk luar tenaga buruh pada tahun 2023 adalah seramai 7.0 juta orang, mencatatkan pengurangan sebanyak 2.9 ribu orang berbanding tahun sebelumnya. Lebih separuh daripada penduduk luar tenaga buruh adalah perempuan iaitu seramai 4.8 juta orang, meliputi 68.7 peratus. Selebihnya iaitu 2.2 juta orang atau 31.3 peratus adalah lelaki, berkurang berbanding 31.7 peratus pada tahun 2022.

Penduduk luar tenaga buruh di kawasan bandar berjumlah 5.5 juta orang atau meliputi 78.4 peratus, lebih ramai berbanding di kawasan luar bandar (1.5 juta orang). Bagi komposisi mengikut umur, penduduk yang berumur 15-24 tahun merupakan kategori yang paling ramai berada di luar tenaga buruh iaitu seramai 3.1 juta orang, meliputi 44.2 peratus. Majoriti iaitu seramai 1.7 juta orang atau 54.6 peratus daripada mereka adalah perempuan.

Sebab utama tidak mencari pekerjaan bagi kumpulan luar tenaga buruh adalah kerja rumah/tanggungjawab keluarga/komuniti yang merangkumi 43.9 peratus. Ini diikuti oleh bersekolah/program latihan (39.5%), bersara/ lanjut usia (10.3%), hilang upaya (3.5%), akan melanjutkan pelajaran (1.6%) dan tidak berminat (1.0%).



Produktiviti buruh

Peningkatan inovasi dan produktiviti adalah antara elemen penting dalam usaha Malaysia mentransformasikan ekonominya daripada berasaskan input kepada berasaskan pengetahuan. Produktiviti buruh yang lebih tinggi akan mendorong ekonomi Malaysia ke arah pertumbuhan ekonomi yang berkualiti tinggi. Secara ringkas, pengukuran produktiviti buruh boleh dikira melalui pengukuran berapa banyak hasil yang dapat dikeluarkan oleh setiap pekerja atau bagi setiap jam bekerja.

Prestasi produktiviti buruh per pekerja meningkat marginal 0.9 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: 5.4%). Nilai ditambah per pekerja bernilai RM96,692 (2022: RM95,858 per pekerja). Sementara itu, pertumbuhan produktiviti buruh per jam bekerja semakin perlahan, iaitu mencatatkan 0.2 peratus berbanding 1.8 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM41.9 berbanding RM41.8 pada tahun sebelumnya.

Jadual 1.10 menunjukkan sektor Pembinaan mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada tahun 2023 bagi kedua-dua produktiviti buruh iaitu berdasarkan nilai ditambah per pekerja dan nilai ditambah per jam bekerja. Bagi produktiviti buruh berdasarkan nilai ditambah per pekerja, ia meningkat kepada 5.0 peratus pada tahun 2023 dengan nilai RM40,574 per pekerja (2022: RM38,658 per pekerja). Manakala produktiviti buruh berdasarkan nilai ditambah per jam bekerja meningkat sebanyak 4.4 peratus dengan nilai RM17.0 per jam bekerja berbanding penyusutan 2.0 peratus dengan nilai RM16.2 jam bekerja yang direkodkan pada tahun 2022.

Bagi sektor Perkhidmatan, produktiviti buruh per pekerja bertumbuh 1.8 peratus

(2022: 6.5%) dengan mencatatkan RM92,251 per pekerja (2022: RM90,636 per pekerja). Manakala produktiviti buruh per jam bekerja mencatatkan peningkatan 1.1 peratus (2022: 3.3%) dengan merekodkan RM40.1 per jam bekerja (2022: RM39.6 per jam bekerja).

Sementara itu, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor Pertanian meningkat marginal 0.04 peratus dengan nilai RM53,263 per pekerja pada 2023 berbanding pertumbuhan 0.8 peratus dengan nilai RM53,240 pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, pertumbuhan produktiviti buruh per jam bekerja masih menyusut pada kadar 0.8 peratus dengan nilai RM24.5 per jam bekerja berbanding tahun sebelumnya dengan nilai RM24.7 per jam bekerja.

Seterusnya bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian, produktiviti buruh per pekerja

2023 turut mencatatkan sedikit peningkatan iaitu 0.6 peratus (2022: 1.4%) dengan nilai RM1,274,288 per pekerja (2022: RM1,267,278 per pekerja). Walaupun produktiviti buruh per jam bekerja menunjukkan penyusutan 0.9 peratus dengan nilai RM525.5 per jam bekerja, namun pertumbuhannya lebih baik berbanding negatif 1.2 peratus dengan nilai RM530.3 per jam bekerja pada tahun 2022.

Sektor Pembuatan merupakan satu-satunya sektor yang menunjukkan produktiviti buruh per pekerja menyusut, iaitu negatif 2.1 peratus dengan nilai RM131,115 per pekerja berbanding pertumbuhan 4.1 peratus dengan nilai RM133,902 per pekerja yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pada tempoh sama, produktiviti buruh per jam bekerja bagi sektor ini turut jatuh 2.8 peratus (2022: -0.1%) dengan nilai RM55.3 per jam bekerja (2022: RM56.9 per jam bekerja).

Jadual 1.10 Produktiviti buruh tahunan, nilai ditambah dan perubahan peratusan per pekerja dan per jam bekerja mengikut aktiviti ekonomi, 2022-2023

Aktiviti ekonomi	Produktiviti nilai ditambah per pekerja		Produktiviti nilai ditambah per jam bekerja		
	Nilai (RM)	2022	2023	2022	2023
Pertanian		53,240	53,263	24.7	24.5
Perlombongan dan pengkuarian		1,267,278	1,274,288	530.3	525.5
Pembuatan		133,902	131,115	56.9	55.3
Pembinaan		38,658	40,574	16.2	17.0
Perkhidmatan		90,636	92,251	39.6	40.1
Produktiviti buruh		95,858	96,692	41.8	41.9
Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)		2022	2023	2022	2023
Pertanian		0.8	0.04	-1.2	-0.8
Perlombongan dan pengkuarian		1.4	0.6	-1.2	-0.9
Pembuatan		4.1	-2.1	-0.1	-2.8
Pembinaan		5.2	5.0	-2.0	4.4
Perkhidmatan		6.5	1.8	3.3	1.1
Produktiviti buruh		5.4	0.9	1.8	0.2

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2024

Ekonomi Malaysia pada suku tahun pertama 2024 menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bertumbuh 4.2 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku tahun sebelumnya (**Carta 1.13**). KDNK meningkat 1.4 peratus (ST4 2023: -1.0%), seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.14**.

Semua sektor menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik daripada segi penawaran sepanjang suku tahun ini dengan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan terus memacu keseluruhan prestasi. Sementara itu, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar merupakan pemangkin utama ekonomi dari segi permintaan.

Nilai ekonomi Malaysia pada harga semasa bernilai RM464.8 bilion, sementara ekonomi Malaysia pada harga malar berjumlah RM397.4 bilion.

Perkhidmatan

Sektor Perkhidmatan terus meningkat kepada 4.7 peratus pada suku tahun pertama 2024 berbanding 4.1 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang digambarkan di **Carta 1.15**. Sektor ini meningkat 1.2 peratus (ST4 2023: -1.1%) berdasarkan pelarasan musim.

Prestasi sektor ini disokong oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit yang menyederhana kepada 3.8 peratus (ST4 2023: 4.4%). Selain itu, subsektor Pengangkutan dan penyimpanan kekal dengan pertumbuhan kukuh 11.0 peratus (ST4 2023: 12.8%), sementara subsektor Perkhidmatan perniagaan bertumbuh lebih baik kepada 8.4 peratus (ST4 2023: 8.2%).

Selain itu, subsektor Kewangan dan insurans mencatatkan pertumbuhan marginal 0.1 peratus (ST4 2023: -5.0%), disokong oleh peningkatan dalam segmen kewangan.

Pembuatan

Sektor Pembuatan meningkat semula pada suku tahun ini dengan mencatatkan pertumbuhan 1.9 peratus daripada penurunan 0.3 peratus pada suku tahun keempat 2023, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.16**. Sektor ini berkembang 2.4 peratus (ST4 2023: -2.0%) dari segi pelarasan musim.

Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi yang lebih baik dalam Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka pada 7.2 peratus (ST4 2023: 6.2%). Selain itu, Produk petroleum, kimia, getah dan plastik pulih kepada 1.1 peratus (ST4 2023: -0.6%), diikuti oleh Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan yang meningkat 4.2 peratus (ST4 2023: 3.8%).

Walau bagaimanapun, Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan menyusut 0.4 peratus (ST4 2023: 7.2%), dipengaruhi oleh penurunan dalam pengeluaran minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan.



4.2%
KDNK Malaysia
bertumbuh pada suku
tahun pertama 2024

Pertanian

Sektor Pertanian meningkat 1.6 peratus, sedikit perlahan berbanding pertumbuhan 1.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.17**. Sebaliknya, sektor ini menyusut 0.8 peratus (ST4 2023: 2.4%) dari segi pelarasan musim.

Subsektor Kelapa sawit yang menyumbang 33.5 peratus daripada jumlah keseluruhan sektor Pertanian, berkembang 2.5 peratus (ST4 2023: 1.6%) disokong oleh peningkatan pengeluaran buah tandan segar. Pertumbuhan sektor ini juga disokong oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam subsektor Ternakan dan Perikanan, masing-masing pada 4.5 peratus (ST4 2023: 3.6%) dan 3.5 peratus (ST4 2023: 2.2%).

Namun demikian, subsektor Perhutanan dan pembalakan terus merosot pada suku tahun ini kepada negatif 10.5 peratus (ST4 2023: -5.7%).

Pembinaan

Sektor Pembinaan mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada suku tahun pertama 2024, dengan melonjak kepada 11.9 peratus daripada 3.6 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.18**. Bagi pelarasan musim, sektor ini menokok 7.9 peratus (ST4 2023: -3.5%).



Perkembangan ini didorong oleh momentum yang kukuh di semua segmen, terutamanya Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas, masing-masing bertumbuh sebanyak 23.5 peratus (ST4 2023: 16.9%) dan 11.4 peratus (ST4 2023: 0.8%). Selain itu, Bangunan kediaman meningkat 8.0 peratus (ST4 2023: 1.3%) sementara Bangunan bukan kediaman pulih kepada 1.6 peratus daripada penyusutan 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian meningkat 5.7 peratus daripada 3.5 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya, seperti yang digambarkan di **Carta 1.19**. Namun demikian, sektor ini menyusut 1.4 peratus (ST4 2023: 2.5%) dari segi pelarasan musim.

Prestasi yang lebih baik ini adalah disokong oleh peningkatan kukuh Gas asli pada 9.0 peratus (ST4 2023: 5.3%) berikutan pengeluaran yang lebih tinggi dalam suku tahun ini. Selain itu, Minyak mentah dan kondensat mencatatkan peningkatan sederhana 1.3 peratus (ST4 2023: 1.5%), sementara Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan bertumbuh 4.9 peratus (ST4 2023: 1.3%).

Perbelanjaan penggunaan akhir

Perbelanjaan penggunaan akhir bertumbuh 5.1 peratus pada suku tahun pertama 2024 daripada 4.5 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan di **Carta 1.20**.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat 4.7 peratus (ST4 2023: 4.2%), didorong oleh perbelanjaan bagi Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain, Makanan &

minuman bukan alkohol dan Pengangkutan. Perbelanjaan penggunaan akhir swasta pulih kepada 1.8 peratus (ST4 2023: -1.0%) dari segi terma pelarasan musim.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan berkembang pada 7.3 peratus daripada 5.8 peratus pada suku tahun sebelumnya, diterajui oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan penggunaan akhir Kerajaan menurun sebanyak 0.7 peratus (ST4 2023: 0.3%) dari segi terma pelarasan musim.

Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) melonjak kepada 9.6 peratus pada suku tahun ini daripada 6.4 peratus pada suku tahun sebelumnya, seperti yang dipaparkan di **Carta 1.21**. Bagi terma pelarasan musim, PMTK meningkat 2.8 peratus (ST4 2023: 1.0%).

Prestasi PMTK didorong oleh pertumbuhan dalam Struktur dan Jentera & peralatan masing-masing 10.7 peratus (ST4 2023: 4.2%) dan 9.2 peratus (ST4 2023: 9.7%). Selain itu, Aset lain berkembang 4.6 peratus daripada 1.7 peratus pada suku tahun keempat 2023.

Sektor Swasta yang menyumbang 80.2 peratus daripada jumlah PMTK meningkat 9.2 peratus (ST4 2023: 4.0%). Manakala, sektor Awam mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.5 peratus daripada 11.3 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Eksport dan import

Eksport pada suku tahun ini pulih kepada 5.2 peratus berbanding penurunan 7.9 peratus pada suku tahun sebelumnya dipengaruhi oleh prestasi eksport barangan dan perkhidmatan (**Carta 1.22**). Bagi terma pelarasan musim, Eksport meningkat sebanyak 6.3 peratus (ST4 2023: -0.8%).


Import melonjak 8.0 peratus daripada penurunan 2.6 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan prestasi import barangan. Bagi terma pelarasan musim, import berkembang 3.8 peratus (ST4 2023: 2.7%).



CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2024


Carta 1.13

KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2021-2024




Carta 1.14

KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2021-2024




Carta 1.15

Prestasi sektor Perkhidmatan, suku tahunan




Sumbangan, ST12024




Carta 1.16



Prestasi sektor Pembuatan, suku tahunan





Sumbangan, ST12024





Carta 1.17 Prestasi sektor Pertanian, suku tahunan







Carta 1.18 Prestasi sektor Pembinaan, suku tahunan



Carta 1.19 Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, suku tahunan



Carta 1.20 Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir, suku tahunan**Carta 1.21 Prestasi pembentukan modal tetap kasar, suku tahunan****Carta 1.22 Prestasi eksport dan import, suku tahunan****Carta 1.23 Pertumbuhan KDNK bulanan, suku tahunan dan tahunan**

Jadual 1.11 Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih, ST1 2022 – ST1 2024

Negara	Jenis pertumbuhan	Peratus (%)								2024
		2022				2023				
		ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	
European Union 27	Tahunan	5.6	4.1	2.6	1.7	1.2	0.6	0.2	0.3	0.5
	Pelarasan musim*	0.7	0.7	0.4	-0.1	0.2	0.1	0.1	0.0	0.3
United Kingdom	Tahunan	10.8	3.5	1.9	0.6	0.3	0.2	0.2	-0.3	0.2
	Pelarasan musim*	1.3	0.1	-0.1	0.1	0.2	0.0	-0.1	-0.3	0.7
Amerika Syarikat	Tahunan	3.6	1.9	1.7	0.7	1.7	2.4	2.9	3.1	2.9
	Pelarasan musim**	-2.0	-0.6	2.7	2.6	2.2	2.1	4.9	3.4	1.4
Jepun	Tahunan	0.4	1.5	1.5	0.6	2.6	2.2	1.5	1.1	-0.1
	Pelarasan musim*	-0.6	1.2	-0.2	0.3	1.1	1.0	-0.9	0.1	-0.5
	Pelarasan musim**	-2.5	5.1	-0.8	1.3	4.3	4.1	-3.7	0.4	-1.8
Republik Korea	Tahunan	3.5	3.0	3.4	1.1	1.1	1.0	1.4	2.1	3.3
	Pelarasan musim*	0.5	0.8	0.4	-0.5	0.4	0.6	0.8	0.5	1.3
Hong Kong	Tahunan	-4.0	-1.5	-4.9	-4.3	2.8	1.6	4.2	4.3	2.7
	Pelarasan musim*	-3.1	1.2	-2.4	0.0	4.1	0.0	0.2	0.2	2.3
Taiwan	Tahunan	3.8	3.5	4.0	-0.7	-3.5	1.4	2.2	4.8	6.6
	Pelarasan musim*	1.4	-2.6	0.8	-0.3	-1.3	1.8	2.1	2.4	0.3
	Pelarasan musim**	5.9	-10.1	3.4	-1.0	-4.9	7.4	8.5	10.0	1.1
Singapura	Tahunan	4.2	4.6	4.2	2.4	0.5	0.5	1.0	2.2	3.0
	Pelarasan musim*	1.3	0.3	0.7	0.0	-0.5	0.4	1.0	1.2	0.3
China	Tahunan	4.8	0.4	3.9	2.9	4.5	6.3	4.9	5.2	5.3
	Pelarasan musim*	0.8	-2.3	3.7	0.8	1.8	0.8	1.5	1.2	1.5
Thailand	Tahunan	1.9	2.4	4.4	1.3	2.6	1.8	1.4	1.7	1.5
	Pelarasan musim*	0.2	1.0	0.8	-0.7	1.4	0.3	0.5	-0.4	1.1
Filipina	Tahunan	8.1	7.5	7.7	7.1	6.4	4.3	6.0	5.5	5.7
	Pelarasan musim*	1.6	1.1	2.0	1.9	1.2	-0.6	3.1	1.8	1.3
Indonesia	Tahunan	5.0	5.5	5.7	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1
Viet Nam	Tahunan	5.1	8.0	13.7	5.9	3.4	4.3	5.5	6.7	5.7
Malaysia	Tahunan	5.1	8.9	14.4	7.4	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2
	Pelarasan musim*	2.5	3.8	2.0	-0.9	0.4	1.2	2.4	-1.0	1.4

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Laman sesawang Eurostat

Pelarasan musim* = Data KDNK yang diselaras musim

Pelarasan musim** = Kadar tahunan pelarasan musim

PROSPEK EKONOMI MALAYSIA 2024

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus pada 2024 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh seterusnya mengimbangi cabaran pertumbuhan global yang menyederhana (Laporan Tinjauan Ekonomi 2024, MOF). Bank Negara Malaysia menerusi Laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari turut mengunjurkan pertumbuhan yang lebih baik pada tahun 2024, iaitu antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus disokong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan serta pemulihan eksport impak daripada peningkatan permintaan luaran. *World Bank* pada Jun 2024 meramalkan ekonomi Malaysia bertumbuh pada kadar 4.3 peratus manakala *WEO July 2024* pula menganggarkan pertumbuhan pada kadar 4.4 peratus disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran.

Prestasi ekonomi Malaysia yang semakin baik pada tahun 2024 digambarkan melalui pertumbuhan lebih baik pada suku tahun pertama 2024, iaitu pada kadar 4.2 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh perbelanjaan penggunaan akhir yang bertumbuh 5.1 peratus berbanding 4.5 peratus pada suku tahun keempat 2023. Kedua-dua perbelanjaan penggunaan akhir oleh Swasta dan Kerajaan menunjukkan peningkatan iaitu masing-masing 4.7 peratus (ST4 2023: 4.2%) dan 7.3 peratus (ST4 2023: 5.8%). Komponen Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) turut menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ini dengan mengukuh 9.6 peratus berbanding 6.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan ketara dalam Struktur dan Jentera & peralatan masing-masing 10.7 peratus (ST4 2023: 4.2%)

dan 9.2 peratus (ST4 2023: 9.7%). PMTK sektor Swasta yang menyumbang 80.2 peratus daripada jumlah PMTK meningkat 9.2 peratus (ST4 2023: 4.0%), begitu juga PMTK sektor Awam terus mengukuh untuk mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.5 peratus berbanding 11.3 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Menyoroti perspektif sektor luaran, prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia mengekalkan pertumbuhan positif pada Jun 2024. Jumlah dagangan meningkat 8.7 peratus atau RM19.0 bilion untuk mencapai nilai RM237.8 bilion berbanding RM218.8 bilion pada tahun sebelumnya. Import mengekalkan trend positif dengan peningkatan 17.8 peratus atau RM16.9 bilion kepada RM111.8 bilion. Pada masa yang sama, eksport meningkat 1.7 peratus atau RM2.1 bilion kepada RM126.0 bilion. Selanjutnya, bagi suku tahun kedua 2024, jumlah dagangan, eksport dan import juga mencatatkan kenaikan berbanding ST2 2023, masing-masing 10.0 peratus, 5.8 peratus dan 15.0 peratus. Sementara itu, lebih dagangan mencatatkan penguncupan 42.7 peratus. (Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Jun 2024, DOSM).

Pasaran buruh Malaysia terus mengekalkan momentum positif pada suku tahun pertama 2024 berdasarkan kepada pertambahan bilangan tenaga buruh seramai 16.96 juta orang iaitu peningkatan 1.9 peratus tahun ke tahun. Pada tempoh sama, lebih dari 30,000 jawatan pekerjaan berjaya diwujudkan. Ini menyaksikan pertambahan bilangan penduduk bekerja kepada 16.4 juta orang, iaitu peningkatan sebanyak 2.1 peratus. Seiring dengan peningkatan ini, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.2 peratus (ST4 2023: 70.1%). Sementara itu, bilangan penganggur semakin baik apabila berkurang seramai 3,900 orang kepada 561.1 ribu orang

(ST4 2023: 565.0 ribu orang) seterusnya menyumbang kepada kadar pengangguran untuk kekal rendah kepada 3.3 peratus. Prestasi gaji dan upah turut kekal memberangsangkan dengan sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing merekodkan pertumbuhan sebanyak 3.3 peratus dan 1.2 peratus.

Melihat dari sudut penawaran, semua sektor menunjukkan perkembangan positif, seterusnya memangkin pertumbuhan ekonomi pada suku tahun pertama 2024. Ini boleh dilihat melalui prestasi Indeks Volum Perdagangan borong dan runcit yang meningkat 3.7 peratus pada suku tahun pertama 2024 berbanding 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, Indeks Pengeluaran Perindustrian turut menokok 3.3 peratus (ST4 2023: 0.8%) disokong oleh momentum positif dalam semua sektor, terutama Perlombongan (5.9%), Elektrik (8.9%) dan Pembuatan (2.1%). Nilai kerja pembinaan turut berkembang untuk mencatatkan pertumbuhan dua digit kepada 14.2 peratus, merekodkan RM36.8 bilion pada suku tahun pertama 2024 (ST4 2023: RM34.1 bilion). Kenaikan ini didorong oleh peningkatan dalam semua subsektor iaitu Kejuruteraan awam (24.7%), Aktiviti pembinaan khas (11.8%) dan Pembinaan bangunan kediaman (11.5%).

Beralih kepada prospek pelaburan Malaysia, situasi pelaburan Malaysia pada suku tahun pertama 2024 turut menunjukkan perkembangan positif. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan jumlah nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM83.7 bilion yang meliputi sektor utama sebanyak RM1.4 bilion, perkilangan RM43.0 bilion dan perkhidmatan RM39.3 bilion. Pelaburan ini melibatkan 1,257 projek dengan sumbangan pelaburan

asing sebanyak 56.2 peratus atau RM47.0 bilion, meningkat berbanding suku tahun pertama 2023 iaitu RM38.0 bilion. Pelaburan domestik yang bernilai RM36.7 bilion, turut meningkat berbanding tempoh sama tahun 2023 (RM36.1 bilion).

Sementara itu, Indeks Pelopor (IP) Malaysia menunjukkan pertumbuhan teguh selama enam bulan berturut-turut, melonjak sebanyak 3.8 peratus untuk mencapai 114.2 mata pada Mei 2024, peningkatan yang ketara daripada 110.0 mata yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya. Aliran positif ini didorong terutamanya oleh kenaikan ketara dalam Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (31.8%), serta peningkatan oleh Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (20.6%). Melihat kepada prestasi bulanan, IP juga meningkat 0.8 peratus, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftar (0.5%). Kadar pertumbuhan IP terlicin pada Mei 2024 kekal konsisten melebihi 100.0 mata, mencerminkan ekonomi yang berdaya tahan disokong oleh peningkatan aktiviti perlancongan dan permintaan luar yang memberangsangkan.

Kerajaan optimis untuk mencapai pertumbuhan menghampiri 5 peratus melalui usaha berterusan dengan membentangkan Belanjawan MADANI Kedua sebagai kesinambungan dasar yang menelusuri Kerangka Ekonomi MADANI. Belanjawan 2024 merupakan belanjawan tertinggi yang pernah dibentangkan dengan peruntukan berjumlah RM393.8 bilion. Kerajaan telah memperuntukkan agihan sebanyak RM303.8 bilion bagi perbelanjaan mengurus, manakala RM90.0 bilion diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan dan RM2.0 bilion bagi simpanan luar jangka. Intipati Belanjawan MADANI 2024 antaranya merangkumi usaha yang memberi keutamaan kepada penanda

aras Ekonomi MADANI yang dicerakinkan kepada tiga tumpuan utama meliputi tatakelola terbaik demi ketangkasan perkhidmatan, penstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

Kerajaan juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dan bantuan kepada rakyat melalui perluasan hasil dengan melaksanakan beberapa langkah reformasi percukaian. Antaranya melalui pengurangan subsidi namun tidak membebaskan rakyat dan dalam masa yang sama mendorong kepada peningkatan hasil negara. Pendekatan sasaran semula subsidi akan dilaksanakan secara berfasa bagi tahun 2024 di samping menambah peruntukan bantuan tunai kepada rakyat melalui Sumbangan Tunai Rahmah, daripada RM8 bilion kepada RM10 bilion yang diperuntukkan hampir 9 juta rakyat. Selain itu, sebanyak RM58.1 bilion disediakan untuk membiayai pelbagai bentuk pemberian kerajaan kepada rakyat merangkumi subsidi, insentif dan bantuan. Hampir 50 peratus peruntukan ini adalah untuk mengawal harga barang dan perkhidmatan untuk manfaat rakyat.


Pertumbuhan ekonomi yang lebih baik ini juga akan disokong oleh pelaksanaan inisiatif yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional Baharu (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12). Melalui Pelan Induk NIMP 2030 yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2024, ia menyasarkan jumlah pelaburan keseluruhan sehingga RM95 bilion

melibatkan 3.3 juta peluang pekerjaan dengan gaji penengah sehingga RM4,510 sebulan menjelang tahun 2030 (**Paparan 1.4**). Isu yang membelenggu sistem ekonomi negara termasuklah sumbangan industri pembuatan di bawah paras 25 peratus kepada KDNK telah diberi perhatian dengan memberikan keutamaan pelaburan masa hadapan kepada bidang yang bernilai tinggi atau *high growth high value* (HGHV).

Kerajaan juga akan terus memperhebatkan usaha dalam meraih lebih banyak pelaburan berimpak tinggi bagi memastikan kedudukan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan asing terus diperkukuh. Kerajaan turut memberi tumpuan terarah kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dan logistik bagi menarik lebih banyak kemasukan pelabur dan pelancong selain merancakkan aktiviti perdagangan. Selain itu, Tahun Melawat Malaysia telah ditetapkan semula pada tahun 2026 dengan sasaran ketibaan 26.1 juta pelancong asing dan menjana perbelanjaan domestik sebanyak RM97.6 bilion. Ini berupaya merancakkan aktiviti pelancongan negara yang merupakan salah satu sumber pendapatan negara.

Prospek ekonomi Malaysia bagi tahun 2024 masih berhadapan dengan ketidakpastian global walaupun dilihat positif berdasarkan kepada prestasi suku tahun pertama 2024. Ketahanan negara diperkuat oleh strategi ekonomi yang pelbagai dan dasar-dasar proaktif merupakan kekuatan Malaysia dalam menavigasi konflik dan cabaran global yang mungkin timbul. Ini perlu bagi memastikan ekonomi negara terus kekal berdaya tahan.

Carta 1.24 Indeks Pelopor (2015=100) dan kitaran perniagaan (kawasan berlorek), Januari 1991 hingga Mei 2024



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Paparan 1.2 Tujuan NIMP 2030

Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030

NIMP 2030 adalah dasar industri untuk sektor Pembuatan dan Perkhidmatan berkaitan yang meliputi tujuh tahun pelaksanaan.



Memberikan hala tuju strategi untuk pembangunan industri

Rujukan kepada pelabur akan kedudukan dan hala tuju



Menampilkan peranan kerajaan Malaysia dalam membentuk ekonomi

Paparan 1.3 21 Sektor Berimpak Tinggi

- | | |
|--|--|
| Aeroangkasa | Pemprosesan Makanan |
| Automotif | Perkhidmatan Global dan Profesional |
| Kimia | Industri Halal |
| Digital dan ICT | Mesin, Jentera dan Peralatan (M&E) |
| Elektrik dan Elektronik (E&E) | Logam |
| Peranti Perubatan | Mineral |
| Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan (MRS) | Tekstil, Pakaian dan Kasut |
| Produk Berasaskan Minyak Sawit | Rel |
| Farmaseutikal | Industri Berasaskan Kayu, Perabot dan Kertas |
| Produk Berasaskan Getah | Produk Petroleum dan Petrokimia |
| Pembinaan dan Pembaikan Kapal | |

Paparan 1.4 Sasaran Ekonomi Makro bagi Sektor Pembuatan



Nilai ditambah (KDNK)
(RM billion)

587.5
(CAGR: 6.5%)

364.1

61%



Pekerjaan
(juta orang)

3.3
(CAGR: 2.3%)

2.7

20%



Gaji Penengah
(RM)

4,510
(CAGR: 9.6%)

1,976

128%

Nota: Garis pangkal (2021) Garis pangkal (2022) Sasaran Peningkatan Nilai

Sumber: New Industrial Master Plan 2030, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Rencana 1:**The Nexus between the Economic Growth and Unemployment:
An Empirical Test of Okun's Law in Malaysia¹**

Sulizah Abdul Salam, Nor Haziqah Mohd Yusri, Sayeeda Kamaruddin
National Accounts Statistics Division, Department of Statistics, Malaysia

ABSTRACT

Most countries across the globe including Malaysia face crucial macroeconomic issues of economic growth and unemployment rates. According to Noor Z. M. et al. in 2007, there is a well-known macroeconomic framework relationship called Okun's Law, which states generally that there is a negative link between changes in the unemployment rate and the real gross domestic product (GDP). It stipulates that a one per cent increase in unemployment will usually be associated with a two to three per cent drop in GDP. This study focuses on whether Okun's Law may explain the connection between unemployment and economic growth in the Malaysia's economy. For this purpose, the autoregressive distributed lag (ARDL) approach was employed using the GDP and unemployment rate data for the period of 1971 to 2022. The empirical results indicate a significant negative relationship between economic growth and unemployment in Malaysia. With Okun's coefficient of -0.2020, this study had implications for Malaysia's economic development policymakers, suggesting that in order to achieve economic growth, the government should implement measures aimed to reduce unemployment.

Keywords: Gross domestic product; unemployment rate; Okun's Law; autoregressive distributed lag

1.0 Introduction

Malaysia real GDP annual growth rate recorded an average of 9.8 per cent more than 50 years between 1971 and 2022. The sharpest decline 7.4 per cent was recorded in 1998 and the highest 11.7 per cent in 1973. From 1971 to 2022, Malaysia's economy faced significant growth and transformation, marked by various phases and policies that shaped its development trajectory.

In the 1970s, Malaysia began its transition from an economy dependent on mining and agriculture towards a more diversified economy. Since the 1980s, with Japanese investment, the industrial sector particularly the heavy industries have flourished remarkably. Malaysia's exports became the country's main growth engine. Malaysia consistently achieved more than 7 per cent GDP growth in the late 1980s and the 1990s. At the same time, government focused on diversifying the economy, manufacturing and export, including electronics and palm oil. In 1997, Malaysia was affected by Asian Financial Crisis leading to a temporary economy downturn but it eventually recovered when government implemented various measures including capital controls to stabilise Malaysia's economy. In early 2000s, Malaysia continued to experience steady economic growth while government started to attract foreign investment. To diversify the economy and reduce reliance on traditional sectors, the government enhanced competitiveness and address structural reforms such as Economic Transformation Programme (ETP) in 2010. Later in 2020, Malaysia experienced another global crisis, COVID-19 pandemic which led to contraction of the nation GDP.

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

In order to mitigate the economic impact, government implemented various measures, including fiscal stimulus package. In 2022, Malaysia's economy experience a gradual post-pandemic economic recovery. The pace of recovery depends on various factors such as the effectiveness of vaccination campaigns, the extent of containment measures, and global demand dynamics. Malaysia, a country once mostly dependent on commodities such as tin and rubber, is today primarily an upper-middle-class nation with a thriving manufacturing and services industry since it demonstrated resilience and adaptability, supported by proactive government policies, strategic investments, and a diversified economic base.

The beneficial developments in Malaysia's economy over the last several decades have created a lot of new job possibilities, as portrayed by the labour market's strengthening. The fact that the unemployment rate decreased from 7.3 per cent in 1971 to 3.9 per cent in 2022 illustrates this. A nation is said to have attained full employment if its unemployment rate is 4 per cent or below, according to economist Keynes. Thus, with an unemployment rate of less than 4 per cent, Malaysia achieved full employment in the early 90's. However, the nation's socioeconomic environment has been impacted by the COVID-19 epidemic that swept the globe in 2020. In that particular year, GDP contracted 5.5 per cent while our unemployment rate recorded 4.5 per cent, the highest since the last 30 years. The last negative growth recorded by Malaysia was 1.5 per cent in 2009, with an unemployment rate of 3.7 per cent.

Therefore, the purpose of this study is to apply Okun's Law's to the Malaysia's economy. This study consists of five (5) sections started with the literature review, which will be discussed in section 2, while the methodology will be explained in section 3. The results and model consistency checking were presented in section 4. Finally, the conclusion and recommendation were discussed in the last section.

2.0 Literature Review

A renowned economist, Arthur Okun, was the first to discuss the issue in the 1960s, and since then his work has come to be known as Okun's Law (Okun 1962). Okun investigated the statistical relationship between economic growth and the rate of unemployment in a country. Knowing that output is a function of labour in the process of production, then there is a positive relationship between output and employment. However, employment is the difference between the labour force and the unemployed, so a negative relationship therefore exists between unemployment and output. Okun's Law is now a rule of thumb that is mostly used to examine the relationship between growth and jobs. Okun observed that, due to the continuous increase in the quantity of labour and the level of productivity, real GDP growth must be near the potential rate of growth in order to maintain the unemployment rate. Therefore, to reduce unemployment, the economy's growth rate must be higher than its potential rate. Furthermore, Okun's Law states that: "to achieve a 1 per cent decline in unemployment rate in a year, real GDP must grow approximately 2 per cent points faster than the rate of growth of potential GDP over that period."

Noor et al. (2007) examined the possibility of an Okun-type link between output and unemployment in the Malaysian economy. The empirical results verified the negative correlation between output growth and unemployment. At the one per cent significance level, the Okun Coefficient of -1.75 is noteworthy. This implies that output will rise by 1.75 per cent for every 1.0 per cent decrease in unemployment. This is a significant decrease from the 3.0 per cent coefficient reported in Okun's initial research. This result provides credence to the claim that Okun's model's slope coefficient is unstable and often varies between countries and periods.

Mujitapha's (2021) study evaluated the relationship between economic growth and the unemployment rate in order to confirm that Okun's law is in effect in Malaysia. The study emphasized that the government system is and has been a barrier to economic progress and included control variables such as foreign direct investment (FDI) to determine whether they could further explain the connection given the nature of government in Malaysia. By applying the ARDL bound test, the findings reveal that unemployment is negative and has a long-run relationship to GDP, which means that reduced unemployment leads to maximum economic growth. In the meantime, FDI and GDP have a favourable long-term and short-term connection. The Granger causality test, which was employed in this study, established the application of Okun's rule by demonstrating that there is only one causative relationship: unemployment causes variations in economic growth.

Darman, in 2013, looked at how Okun's law was applied in Indonesia. The debate and findings led to the conclusion that since Okun's law deviates from its original coefficient, it is invalid in the Indonesian economy. Empirically, the significance level's coefficient value is rather small. For three reasons, the research also claimed that Indonesia's unemployment rate is not sensitive to shifts in real output. First, the Indonesian economy has frictional and structural unemployment. Second, the ways both established and developing nations' economies differ from one another. The skill lab is still subordinate to the incentive lab in emerging nations. Due to these two factors, the rate of unemployment that exists in emerging nations such as Indonesia is unconventional. Thirdly, there is no evidence that the real production growth variable and the unemployment rate have a mutually exclusive connection. This study only discovered statistically that the production growth variable has a long-term impact on the unemployment rate. It happens due to the way Indonesia's economy is structured, which still relies heavily on the informal and agricultural sectors.

According to Arastirma Makalesi (2023), there is a statistically significant negative relationship between growth and unemployment rate in the long-term results for the Fragile Five country group, which consists of Brazil, Indonesia, India, South Africa, and Turkey, but a positive significant relationship was found in the short-term results.

According to Ali Madina Dankumo et al. (2019), there is a long-term correlation in Nigeria between political instability, unemployment, corruption, and economic development. However, it was shown that only political stability had an adversely significant impact on economic growth, while unemployment and corruption had no such effect. This finding suggests that in Nigeria, Okun's law does not explain the link between unemployment and economic development. Additionally, they advise the government to improve job possibilities by increasing subsidies and low-interest loans; this will lower unemployment, boost productivity, and ultimately accelerate economic growth.


3.0 Methodology

This study used annual data of real GDP and Unemployment Rate from 1971 to 2022, which consists of 52 observations. The data was obtained from the Department of Statistics Malaysia (DOSM).

3.1 Stationary Test:

Many time series approaches require the assumption that the data are stationary. The mean, variance, and autocorrelation structure of a stationary process remain constant across time. Although there are specific mathematical definitions for stationarity, for our purposes, it implies a series that seems flat, has no trend, constant variance over time, constant autocorrelation structure across time, and does not exhibit periodic fluctuations.

Chart 1(a): Demonstrates the flow chart for the theory behind the ARDL model (IHSEViews, 2017).



3.2 Theoretical ARDL Model:

There aren't many models in macroeconomic theory that relate the GDP to the unemployment rate. The debate was brought to a focus on the empirical connection between changes in GDP and unemployment by Okun (1962). The basic idea behind Okun's law is that firms modify their output plans in response to changes in aggregate demand, which in turn influences labour demand and, ultimately, the unemployment rate. This study uses the ARDL technique because of its comparative benefits over other cointegration approaches. The ARDL technique, which estimates and tests the hypothesis of long-run coefficients of underlying variables regardless of whether they are entirely integrated at level $I(0)$, at first difference $I(0)$, or mixed, is therefore devoid of pretesting issues. It is applicable to a small sample size ranging from 30 to 80 observations (Joseph, 2022). The approach therefore becomes suitable for this study, considering the sample size of 52 observations.

4.0 Results

4.1 Descriptive Statistics

Chart 1(b) shows the trend plot of the economic growth and unemployment rate from the years 1971 until 2022. For the time series, the Malaysia economy recorded negative growth in 1985 (-1.0%), 1998 (-7.4%), 2009 (-1.5%) and 2020 (-5.5%) due to global economic downturn. In 1985, the unemployment rate reached 6.9 per cent while, in 2020 it recorded 4.5 per cent the highest after 1991 of 5.7 per cent. Subsequently, the correlation coefficient between the variables was calculated and it was found that the correlation obtained was -0.79. This indicates the existence of negative relationship between economic growth and unemployment rate in Malaysia's economy for the year of 1971 to 2022.

Chart 1(b): GDP annual percentage change and unemployment rate, Malaysia, 1971-2022



4.2 Stationary Test

Augmented-Dickey Fuller (ADF) Test was conducted to test for stationarity of GDP and Unemployment Rate.

The hypothesis is as follows:

H_0 : Unit root is present in a time series sample (non-stationary)

H_1 : Unit root is absent in a time series sample (stationary)

Table 1(a): ADF Unit Root Test

Order	Variable	ADF	p-value	Result
Level	GDP	-0.7987	0.9562	Non stationary
	Unemployment Rate	-2.4335	0.4000	Non stationary
Log Level	GDP	-0.8854	0.9477	Non stationary
	Unemployment Rate	-2.0180	0.5672	Non stationary
First Differencing	GDP (level)	-3.2419	0.0903	Non stationary
	Unemployment Rate (level)	-2.5477	0.3542	Non stationary
Second Differencing	GDP (level)	-4.9622	0.0100	Stationary
	Unemployment Rate (level)	-5.3729	0.0100	Stationary

Table 1(a) summarizes the ADF unit root test. It shows that all the variables on level, log level, and first differencing have a probability value greater than alpha 0.05. Thus, at the 5.0 per cent level of significance, there is enough evidence to conclude that the unit root is present in GDP and unemployment rate. Meanwhile, the probability value on second differencing was smaller than alpha 0.05, thus rejecting the null hypothesis. Therefore, there is enough evidence that the unit root is absent in GDP and unemployment rate (the data is stationary) at second differencing.

4.3 Model Consistency Checking

In order to test the robustness and validity of the model, diagnostic tests are conducted as indicated in **Table 1(b)** below. The results show that the model successfully passed the tests for normality, serial correlation, and heteroscedasticity. Therefore, this model can be used in analyses and forecasting.

Table 1(b): Residual Diagnostic Test

Test	Null Hypothesis	p-value	Decision
Shapiro-Wilk Test	Residual are not normally distributed	0.0012	Since p-value below 5%, reject the null hypothesis. Therefore, residuals are normally distributed
Durbin-Watson test	Linear regression residuals are uncorrelated	0.6577	Since p-value above 5%, do not reject the null hypothesis. Therefore, linear regression residuals are uncorrelated
Residual vs Fitted Plot	No trend present	-	-


Chart 1(c): Residuals vs Fitted Plot

Chart 1(c) shows the residual versus fitted plot of the ARDL model obtained without heteroscedastic residual. This means the variance of the residuals was the same for all values of the fitted values. Although the lines in both plots are not flat, the variability among the residuals seems stable. The variability does neither increase nor decrease with the fitted values. Therefore, we can assume that this model does not violate the homoscedasticity assumptions.

4.3 ARDL model

By using auto-ARDL functions in R-studio software, with the maximum order for lag set to five, the suggested orders of lag were as follows:

Table 1(c): Lag-length Criteria

GDP	Unemployment Rate	AIC
1	1	-225.8429
1	2	-219.4281
2	2	-218.9891
2	1	-218.5982
3	2	-216.3741
3	1	-215.0695
3	3	-214.8857
4	2	-209.9484
4	3	-208.9247
4	4	-208.5195
5	5	-205.3623

Lag (1) GDP and lag (1) unemployment rate were chosen as the top orders since they have the lowest Akaike Information Criterion (AIC) value. The summary of the ARDL model in this study was as follows:

Table 1(d): Estimated ADRL Model

	Coefficient	Standard Error	t-Statistics	p-value
Intercept	0.2145	0.1094	1.9610	0.05
L (GDP,1)	0.9877	0.0069	143.940	0.00
UR	-0.2020	0.0287	-7.0390	0.00
L (UR,1)	0.2012	0.0296	6.8020	0.00

Table 1(d) shows that all lags were significant. The first lag period of GDP had p-value (0.00), which was smaller than alpha (0.05). Thus, at the 5.0 per cent level of significance, the first lag period of GDP has a significant impact on itself. Next, both the current rate and the first lag period of the unemployment rate have a p-value (0.00), which is smaller than alpha (0.05). Thus, at the 5.0 per cent level of significance, the current rate and the first lag period of the unemployment rate have a significant impact on GDP. Meanwhile, the adjusted r-squared shows 99.9 per cent of the variance of GDP was explained by the variance of the unemployment rate.

At the same time, the t-value of the unemployment rate (7.0390) is greater than the critical t-statistics at the 95.0 per cent confidence level (1.96). This provides support for the assumption that GDP strongly depends on the unemployment rate.

The coefficient of the unemployment rate confirmed that there is a negative relationship between the unemployment rate and GDP. The Okun's coefficient is 0.2020, which suggests that at a 1.0 per cent decline in the unemployment rate will increase GDP by 2.02 per cent. Thus, the coefficient follows the Okun 2% to 3% law in the original work. Conclusively, Okun's law applies in Malaysia.

5.0 Conclusion

In conclusion, Malaysia applies Okun's law by 2.02 per cent, which implies that at a 1.0 per cent decline in the unemployment rate will increase GDP by 2.02. The results indicate the existence of a negative relationship between Malaysia's GDP and Unemployment rate, which is consistent with other findings. Thus, a better economic performance will have a positive impact on the country's unemployment rate. Moving forward, further studies can be conducted with exploring time series data as well as at more granular level (i.e., state or district level).

6.0 References

- Ang Syh Han. (2014). Analisis Kekukuhan Teori Okun dan Philips bagi Negara Asia Terpilih.
- Asri, M. A. bin M., Possumah, B. T., & Laksito, G. S. (2022). The Relationship between Gross Domestic Product, Foreign Direct Investments, Inflation Rate and Unemployment in Selected ASEAN Countries. *Journal of Madani Society*, 1(2), 80–96. <https://doi.org/10.56225/jmsc.v1i2.131>
- Baharin, N., Yussof, I., & Ismail, R. (2012). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) VII, JILID 1, 1*, 209–227.
- Dankumo, A. M., Ishak, S., Oluwaseyi, Z. A., & Onisanwa, I. D. (2019). Does Okun's law explain the relationship between economic growth and unemployment in Nigeria? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 53(3). <https://doi.org/10.17576/JEM-2019-5303-12>
- Darman, D. (2013). Pengaruh Pertumbuhan Ekonomi terhadap Tingkat Pengangguran: Analisis Hukum Okun. *The Winners*, 14(1), 1. <https://doi.org/10.21512/tw.v14i1.639>
- Gross Domestic Product 1970-2022 (2022). Department of Statistics Malaysia, Putrajaya. <https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#>
- Hjazeen, H., Seraj, M., & Ozdeser, H. (2021). The nexus between the economic growth and unemployment in Jordan. *Future Business Journal*, 7(1), 1–8. <https://doi.org/10.1186/s43093-021-00088-3>
- IHSEViews. (2017). AutoRegressive Distributed Lag (ARDL) Estimation. Part 3 - practice. <https://blog.eviews.com/2017/05/autoregressive-distributed-lag-ardl.html>
- Iswanto, D. A. (2013). Pertumbuhan Ekonomi dan Pengangguran: Validitas Hukum Okun di Indonesia. *Jurnal Ilmiah*, 1–12. <https://jimfeb.ub.ac.id/index.php/jimfeb/article/view/526>
- Joseph, V. R. (2022). Optimal ratio for data splitting. *Statistical Analysis and Data Mining*, 15(4), 531–538. <https://doi.org/10.1002/sam.11583>
- Labour Force, Employment, and Unemployment in Malaysia, 1971-1981 (1996). *Industrial Relations in ASEAN: A Comparative Study*
- Noor, Z. M., Nor, N. M., & Ghani, J. A. (2007). The relationship between output and unemployment in Malaysia: Does Okun's law exist? *ResearchGate*. https://www.researchgate.net/publication/279767976_The_Relationship_Between_Output_And_Unemployment_In_Malaysia_Does_Okun's_Law_Exist
- Pizzo, A. (2019). Empirical Studies on Okun's Law in Latin America and the Caribbean. *International Labour Organization*, 3(7), 27–43.

- Sanchez, J. M., & Liborio, C. S. (2012). *The Relationships Among Changes in GDP, Employment, and Unemployment: This Time, It's Different*. *Economic Synopses*, 2012(13), 17–18. <https://doi.org/10.20955/es.2012.13>
- Shiferaw, Y. A. (2023). *An Understanding of How GDP, Unemployment and Inflation Interact and Change across Time and Frequency*. *Economies*, 11(5), 131. <https://doi.org/10.3390/economies11050131>
- Tekgun, B., & Eroglu, İ. (2023). *How Okun's Law Works in Fragile Five Countries: Panel Data Analysis*. *Uluslararası Ekonomi ve Yenilik Dergisi*, 9(2), 273–288. <https://doi.org/10.20979/ueyd.1338162>
- Unemployment rate by state, 1982 - 2022, Malaysia. Department of Statistics Malaysia, Putrajaya. <https://mysidc.statistics.gov.my/index.php?lang=en#>

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) MENGIKUT NEGERI 2023

   
Selangor Pahang Johor W.P. KL*

4 negeri bertumbuh
melebihi
pertumbuhan
nasional

6 negeri
menyumbang
73.0% kepada
KDNK nasional

  
Selangor W.P. KL* Johor
  
Sarawak Pulau Pinang Sabah

PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN KDNK NEGERI PADA HARGA MALAY 2015 (%)



Nota:  Pertumbuhan (%)  Sumbangan kepada KDNK Malaysia (%)  Pertumbuhan melebihi nasional

PERTUMBUHAN DAN SUMBANGAN 6 PENYUMBANG¹ TERTINGGI MENGIKUT SEKTOR (%)



¹Berdasarkan sumbangan kepada nilai ditambah nasional mengikut sektor

*Termasuk W.P. Putrajaya W.P.: Wilayah Persekutuan KL: Kuala Lumpur
Supra merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri
(Sektor Perlombongan & pengkuarian)

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri 2023
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PRESTASI EKONOMI NEGERI 2023



Seiring dengan prestasi ekonomi global tahun 2023 yang lebih perlahan, ekonomi Malaysia turut bertumbuh sederhana 3.6 peratus berbanding pertumbuhan kukuh 8.9 peratus pada tahun 2022 dengan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berjumlah RM1.6 trilion. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal mendominasi ekonomi negara dengan sumbangan kumulatif 82.6 peratus kepada jumlah KDNK telah bertumbuh masing-masing 5.1 peratus (2022: 11.0%) dan 0.7 peratus (2022: 8.1%). Sementara itu, sektor Pertanian bertumbuh 0.7 peratus (2022: 1.3%) manakala sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan pertumbuhan marginal 0.5 peratus (2022: 3.5%). Namun begitu, sektor Pembinaan berkembang 6.1 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya.

Selangor kekal sebagai peneraju utama ekonomi negara dengan sumbangan 25.9 peratus, diikuti W.P. Kuala Lumpur (15.9%), Johor (9.5%), Sarawak (9.1%), Pulau Pinang (7.4%) dan Sabah (5.3%). Enam negeri tersebut kekal sebagai penyumbang utama KDNK nasional dengan sumbangan kumulatif sebanyak 73.0 peratus (2022: 72.9%).

Enam negeri
menyumbang
73.0 peratus kepada
KDNK Malaysia

Pertumbuhan ekonomi mengikut negeri

Secara keseluruhan, prestasi ekonomi 2023 bagi semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan merekodkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Empat negeri menunjukkan prestasi KDNK yang lebih baik berbanding pertumbuhan 3.6 peratus di peringkat nasional, didahului oleh Selangor 5.4 peratus, Pahang (5.2%), Johor (4.1%), dan W.P. Kuala Lumpur (3.7%) seperti di **Jadual 1.13**.

Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama ekonomi negara dengan sumbangan 59.2 peratus berkembang sebanyak 5.1 peratus (2022: 11.0%). Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor utama seperti Perdagangan borong & runcit, 5.9 peratus (2022: 13.7%), Pengangkutan & penyimpanan, 13.8 peratus (2022: 29.4%) dan Makanan & minuman dan penginapan, 7.7 peratus (2022: 34.7%). Lima negeri mencatatkan pertumbuhan mengatasi paras nasional iaitu Selangor (6.1%), Pahang (6.0%), Pulau Pinang (6.0%), Johor (5.4%) dan Sarawak (5.4%).

Sektor Pembuatan yang menyumbang 23.4 peratus kepada KDNK negara bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.7 peratus (2022: 8.1%). Pertumbuhan marginal ini dipengaruhi terutamanya oleh kemerosotan pengeluaran produk berorientasikan eksport, khususnya Produk elektrik, elektronik dan optikal

sebanyak 1.6 peratus (2022: 14.2%) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang menyusut 0.8 peratus (2022:1.1%). Impaknya, negeri-negeri yang merupakan pengeluar utama Produk elektrik, elektronik dan optikal mengalami pertumbuhan negatif dalam sektor Pembuatan seperti Pulau Pinang (-0.5%), Kedah (-3.2%) dan Kelantan (-2.6%). Pada tempoh sama, kejatuhan pengeluaran Produk petroleum, kimia, getah dan plastik di Sarawak sebanyak 4.6 peratus (2022: 6.3%) telah menyebabkan kemerosotan pertumbuhan sektor Pembuatan negeri ini kepada 3.9 peratus (2022: 5.8%). Sebaliknya, Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk yang direka meningkat 5.2 peratus, mengimbangi kejatuhan keseluruhan sektor ini.

Sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan marginal 0.7 peratus, berbanding 1.3 peratus pada 2022. Pertumbuhan perlahan ini dipengaruhi oleh subsektor Tanaman (1.5%), Ternakan (0.7%), Perikanan (0.5%) serta kemerosotan subsektor Perhutanan & pembalakan sebanyak 9.0 peratus. Kelapa sawit yang merupakan penyumbang utama subsektor Tanaman merekodkan pertumbuhan marginal 0.2 peratus berbanding 3.8 peratus pada tahun sebelumnya. Subsektor Ternakan juga berkembang marginal 0.7 peratus manakala subsektor Tanaman lain menunjukkan peningkatan 3.7 peratus (2022: -0.2%). Empat negeri utama yang menyumbang hampir 60 peratus kepada keseluruhan KDNK sektor Pertanian telah memberi impak ketara terhadap pertumbuhan marginal sektor ini iaitu Johor (-1.1%), Sarawak (2.0%), Pahang (2.5%) dan Sabah (0.8%).

Sektor Perlombongan & pengkuarian Malaysia juga berkembang secara marginal iaitu 0.5 peratus (2022: 3.5%), dipengaruhi oleh subsektor Gas asli yang berkembang 0.6 peratus (2022: 5.3%) dan Perlombongan & pengkuarian lain, 3.6 peratus (2022: 10.2%). Sebaliknya, Minyak mentah & kondensat terus



menyusut kepada 0.4 peratus pada tahun 2023 (2022: -0.3%). Permintaan global yang suram terhadap minyak mentah rentetan konflik geopolitik yang mendorong kepada kejatuhan harga minyak mentah dunia telah memberi kesan buruk kepada dua negeri yang menguasai sektor ini iaitu Sabah dan Sarawak dengan merekodkan pertumbuhan negatif masing-masing 5.2 peratus dan 1.0 peratus.

Sebaliknya, sektor Pembinaan mengukuh 6.1 peratus berbanding 5.1 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi ini diterajui oleh Kejuruteraan awam, Aktiviti pertukangan khas dan Pembinaan bangunan, dengan peningkatan masing-masing 14.5 peratus (2022: -0.9%), 6.5 peratus (2022: 6.5%) dan 0.8 peratus (2022: 8.1%). Negeri-negeri yang menyokong prestasi kukuh sektor ini ialah Pahang (37.1%), Kedah (30.8%), Pulau Pinang (23.6%), Johor (13.2%) dan Selangor (10.2%).

Beralih ke prestasi ekonomi mengikut negeri, **Johor** yang merupakan penyumbang ekonomi ke-3 negara mencatatkan nilai KDNK sebanyak RM148.2 bilion pada tahun 2023 (2022: RM142.4 bilion), meningkat 4.1 peratus berbanding 8.5 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan berkembang 5.4 peratus (2022: 11.0%) disebabkan pengembangan dalam subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta subsektor Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor Pembuatan juga berkembang 2.8 peratus, dengan

peningkatan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk petroleum, kimia, getah & plastik, khasnya Produk kimia. Sektor Pembinaan terus mengukuh dengan merekodkan pertumbuhan 13.2 peratus (2022: 15.9%), disebabkan pertumbuhan dua digit dalam subsektor Kejuruteraan awam dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas. Sementara itu, sektor Pertanian menyusut 1.1 peratus (2022: 3.1%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam subsektor Tanaman iaitu kelapa sawit.

Ekonomi **Kedah** berkembang 1.6 peratus pada tahun 2023 (2022: 7.3%) dengan nilai KDNK mencecah RM51.8 bilion, meningkat berbanding RM51.0 bilion pada 2022. Sektor Perkhidmatan meningkat 4.0 peratus (2022: 8.0%), dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor Pembuatan sebaliknya menyusut 3.2 peratus, berbanding 8.1 peratus pada tahun 2022. Penyusutan ini didorong oleh kejatuhan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau. Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan melonjak 30.8 peratus (2022: 18.3%), didorong oleh semua subsektor yang merekodkan peningkatan dua digit. Sebaliknya, sektor Pertanian merosot 2.8 peratus, dipengaruhi oleh pengurangan pengeluaran tanaman kelapa sawit dan getah.

Kelantan mencatatkan peningkatan nilai KDNK 2.6 peratus (2022: 4.5%), menjana RM27.6 bilion, berbanding RM26.9 bilion pada 2022. Peningkatan ini dipengaruhi oleh sektor Perkhidmatan yang bertumbuh 3.8 peratus, dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman dan Perkhidmatan kerajaan. Walau

bagaimanapun, sektor Pertanian pula menguncup 0.5 peratus disebabkan kemerosotan dalam subsektor Perhutanan & pembalakan. Sektor Pembuatan juga menyusut 2.6 peratus (2022: 3.1%), disebabkan oleh kemerosotan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal serta Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan. Manakala sektor Pembinaan berkembang 6.7 peratus (2022: 19.7%), sebahagian besarnya disokong oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas.

KDNK **Melaka** meningkat 3.0 peratus (2022: 8.9%), mencecah RM46.9 bilion berbanding RM45.6 bilion yang dicatat pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan bertumbuh 4.2 peratus berbanding 12.4 peratus pada 2022 dengan sumbangan utama pertumbuhan ini adalah subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Perkhidmatan lain. Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan marginal 0.3 peratus (2022: 6.8%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal. Walau bagaimanapun, pertumbuhan kukuh Produk petroleum, kimia, getah & plastik mengimbangi kejatuhan sektor ini. Sektor Pertanian meningkat 6.5 peratus didorong oleh peningkatan dalam subsektor Tanaman (sayur-sayuran) dan Ternakan. Manakala sektor Pembinaan merekodkan peningkatan 5.7 peratus disokong oleh pertumbuhan positif subsektor Kejuruteraan awam dan Pembinaan bangunan.



Negeri Sembilan mencatatkan nilai KDNK RM51.9 bilion pada tahun 2023 (2022: RM50.9 bilion), meningkat 1.8 peratus berbanding 6.6 peratus pada tahun sebelumnya, dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Sektor Perkhidmatan berkembang 4.5 peratus (2022: 7.8%), diterajui oleh Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi serta Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman. Sektor Pembuatan menyederhana 1.2 peratus (2022: 8.0%), berikutan pertumbuhan marginal Produk elektrik, elektronik & optikal. Pada masa yang sama, sektor Pertanian merosot 4.9 peratus terutamanya dipengaruhi oleh subsektor Tanaman, khasnya kelapa sawit.

Ekonomi **Pahang** menyaksikan pertumbuhan 5.2 peratus (2022: 11.4%), mengatasi pertumbuhan 3.6 peratus di peringkat nasional dengan nilai KDNK mencecah RM64.9 bilion, berbanding RM61.7 bilion pada tahun sebelumnya. Ekonominya yang dipelopori oleh sektor Perkhidmatan meningkat 6.0 peratus (2022: 16.9%), didorong oleh industri berkait pelancongan, iaitu Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Perkhidmatan lain. Sementara itu, sektor Pembuatan mencatatkan pertumbuhan 2.1 peratus (2022: 5.8%) didorong oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik yang berkembang 6.7 peratus. Sektor Pertanian pula berkembang 2.5 peratus (2022: 6.8%), disokong oleh subsektor Tanaman (buah-buahan) dan Perikanan. Sektor Pembinaan sebaliknya melonjak 37.1 peratus (2022: -1.0%), sekali gus mencatatkan pertumbuhan tertinggi berbanding negeri-negeri lain, diterajui oleh subsektor Kejuruteraan awam dan Pembinaan bangunan.

Nilai KDNK **Pulau Pinang** yang berjumlah RM116.0 bilion mempamerkan pertumbuhan sederhana 3.3 peratus pada tahun 2023 (2022: 13.3%). Sektor Perkhidmatan merekodkan pertumbuhan 6.0 peratus (2022: 11.5%) dipacu oleh Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor Pembuatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi menyusut 0.5 peratus (2022: 15.9%) dipengaruhi oleh kejatuhan dalam Produk elektrik, elektronik & optikal seiring dengan kemerosotan permintaan produk E&E di peringkat global.

Ekonomi **Perak** berkembang 2.7 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan menyederhana 3.0 peratus (2022: 7.4%), dipengaruhi oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Perkhidmatan kerajaan. Sektor Pembuatan meningkat 2.2 peratus (2022: 1.0%) didorong oleh peningkatan Produk bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka serta Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau. Sektor Pertanian memulih 1.9 peratus (2022: -2.6%), disokong oleh aktiviti Tanaman (sayur-sayuran) dan Perikanan. Manakala sektor Pembinaan mencatatkan kemerosotan 0.2 peratus (2022: 6.1%) dipengaruhi oleh kejatuhan subsektor Pembinaan bangunan.

37.1%
Sektor Pembinaan
di Pahang bertumbuh
dua digit
pada tahun 2023

KDNK **Perlis** berkembang 2.1 peratus pada 2023 (2022: 5.9%), mencatatkan nilai KDNK RM6.3 bilion berbanding RM6.2 bilion pada tahun sebelumnya. Sektor Perkhidmatan yang merupakan peneraju ekonominya berkembang 2.3 peratus (2022: 5.6%), disokong oleh subsektor Perkhidmatan kerajaan serta Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman. Sektor Pertanian meningkat 4.1 peratus (2022: 3.4%), didorong oleh peningkatan dalam subsektor Tanaman (padi dan buah-buahan). Sektor Pembuatan sebaliknya menyusut 1.0 peratus (2022: 4.5%), dipengaruhi oleh Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau serta Produk petroleum, kimia, getah dan plastik.

Ekonomi negeri **Selangor** paling pesat berkembang melepasi pertumbuhan di peringkat nasional, meningkat 5.4 peratus pada tahun 2023 (2022: 11.9%) dengan nilai KDNK berjumlah RM406.1 bilion (2022: RM385.2 bilion). Sektor Perkhidmatan yang menerajui ekonominya berkembang 6.1 peratus (2022: 13.6%), disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor Pembuatan menyederhana 2.0 peratus (2022: 9.0%), disokong oleh Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau serta Produk bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka. Pada masa yang sama, sektor Pembinaan mengukuh 10.2 peratus (2022: 4.2%) dipacu oleh semua subsektor terutamanya Kejuruteraan awam. Sebaliknya, sektor Pertanian menguncup 7.3 peratus (2022: -0.5%) dipengaruhi oleh kemerosotan subsektor Perikanan, Tanaman dan Perhutanan & pembalakan.



5.4%
**Pertumbuhan KDNK
 Selangor pada tahun 2023
 melepasi pertumbuhan
 peringkat nasional**

Terengganu merekodkan nilai KDNK sebanyak RM38.2 bilion, peningkatan 2.3 peratus daripada 6.0 peratus pada 2022. Sektor Perkhidmatan berkembang 3.1 peratus (2022: 6.0%) disokong oleh Perkhidmatan kerajaan serta Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman. Seterusnya, sektor Pembuatan berkembang marginal 0.2 peratus (2022: 8.3%) dipengaruhi oleh peneraju utama sektor ini iaitu Produk petroleum, kimia, getah & plastik. Sektor Pertanian di Terengganu memulih 7.4 peratus (2022: -3.3%) disebabkan peningkatan dalam subsektor Tanaman (buah-buahan dan sayuran) dan Perikanan. Sektor Pembinaan pula berkembang 1.6 peratus (2022: 3.4%) didorong oleh subsektor Kejuruteraan awam.

KDNK **Sabah** berkembang 1.3 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun sebelumnya, untuk mencatatkan nilai KDNK berjumlah RM83.2 bilion (2022: RM82.1 bilion). Sektor Perkhidmatan berkembang 4.5 peratus (2022: 8.5%), diungguli industri berorientasikan pelancongan, iaitu Perdagangan borong &

runcit, penginapan dan makanan & minuman. Sektor Perlombongan & pengkuarian yang merupakan penyumbang kedua ekonomi negeri ini terus menunjukkan kemerosotan 5.2 peratus (2022: -0.6%), disebabkan kejatuhan dalam subsektor Minyak mentah & kondensat serta Gas asli. Sektor Pertanian berkembang marginal 0.8 peratus (2022: 0.2%), berikutan penguncupan dalam subsektor Perikanan, Perhutanan & pembalakan serta Penternakan. Walau bagaimanapun, peningkatan prestasi subsektor Tanaman terutamanya kelapa sawit telah mengurangkan impak kemerosotan sektor ini. Sebaliknya sektor Pembuatan meningkat 4.4 peratus (2022: -2.5%) dipacu oleh Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau.

KDNK **Sarawak** berkembang 1.2 peratus (2022: 6.9%) dengan nilai ekonomi RM142.4 bilion (2022: RM140.7 bilion). Sektor Perkhidmatan berkembang 5.4 peratus (2022: 9.3%) diterajui oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi. Sektor Pembuatan menyusut 3.9 peratus (2022: 5.8%), dipengaruhi oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik terutama Produk petroleum bertapis yang jatuh 4.7 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian juga menguncup 1.0 peratus (2022: 7.3%) berikutan kemerosotan subsektor Minyak mentah & kondensat serta Gas asli. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian dan Pembinaan meningkat masing-masing 2.0 peratus dan 8.3 peratus telah menyokong pertumbuhan positif ekonomi negeri ini.

W.P. Kuala Lumpur yang merupakan ekonomi kedua terbesar Malaysia, berkembang 3.7 peratus dengan nilai KDNK sebanyak RM249.3 bilion (2022: RM240.5 bilion), melepasi pertumbuhan KDNK di peringkat nasional. Ekonominya yang dikuasai oleh sektor Perkhidmatan, berkembang 4.9 peratus (2022: 11.0%), disokong oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman serta Perkhidmatan Kerajaan. Sementara itu, sektor Pembuatan meningkat 1.8 peratus (2022: 5.3%), disumbangkan oleh Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan.

W.P. Labuan merekodkan pertumbuhan 1.9 peratus berbanding 4.1 peratus pada tahun sebelumnya, dengan nilai KDNK sebanyak RM8.1 bilion (2022: RM8.0 bilion). Sektor Perkhidmatan yang merupakan pelopor ekonominya berkembang 2.2 peratus (2022: 4.8%), disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan serta Perdagangan borong & runcit, penginapan dan makanan & minuman. Pada tempoh sama, sektor Pembuatan berkembang marginal 0.4 peratus (2022: 1.7%), disokong oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka serta Produk petroleum, kimia, getah & plastik.



Struktur ekonomi mengikut negeri

Ekonomi Malaysia pada tahun 2023 didominasi oleh sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 59.2 peratus, diikuti Pembuatan, 23.4 peratus. Begitu juga bagi komposisi ekonomi negeri, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Selangor, Terengganu, Melaka, Kedah dan Johor. Sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan dengan sumbangan melebihi 75.0 peratus, masing-masing 92.4 peratus dan 79.1 peratus. Bagi negeri Kelantan dan Perlis, sektor Pertanian juga memainkan peranan yang mana ia merupakan penyumbang kedua terbesar selepas sektor Perkhidmatan. Sektor Pertanian juga merupakan antara penyumbang utama kepada ekonomi Pahang, menyumbang 21.9 peratus, hampir sama dengan sumbangan sektor Pembuatan (21.6%), ketiga tertinggi selepas Perkhidmatan (52.1%). Begitu juga di Perak, sektor Pertanian merupakan penyumbang ketiga tertinggi (14.2%) selepas Perkhidmatan (63.4%) dan Pembuatan (19.3%). Ekonomi Sabah dan Sarawak pula disumbangkan oleh Sektor Perlombongan & pengkuarian yang masing-masing merupakan penyumbang kedua dan ketiga tertinggi di negeri berkenaan.

KDNK per kapita

Nilai KDNK per kapita nasional pada tahun 2023 adalah RM54,612. Lima negeri merekodkan nilai KDNK per kapita melebihi paras nasional iaitu W.P. Kuala Lumpur (RM131,038), W.P. Labuan (RM83,596), Pulau Pinang (RM72,586), Sarawak (RM72,411) dan Selangor (RM62,492) seperti yang dipaparkan pada **Jadual 1.12**.


Jadual 1.12 KDNK per kapita mengikut negeri, 2022-2023 pada harga semasa

Negeri	RM	
	2022	2023
W.P. Kuala Lumpur*	126,772	131,038
W.P. Labuan	85,349	83,596
Pulau Pinang	69,789	72,586
Sarawak	81,342	72,411
Selangor	59,794	62,492
Melaka	50,407	53,922
Negeri Sembilan	49,861	51,709
Pahang	47,259	46,084
Johor	41,046	41,902
Perak	37,080	37,170
Sabah	35,860	31,147
Terengganu	32,219	31,111
Kedah	26,079	26,353
Perlis	23,134	24,004
Kelantan	16,550	16,836
MALAYSIA	54,863	54,612

*Termasuk W.P. Putrajaya

Jadual 1.13 Perubahan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2023

NEGERI	 PERTANIAN	 PERLOMBONGAN & PENGUKURIAN	 PEMBINAAN	 PEMBUATAN	 PERKHIDMATAN	 DUTI IMPORT	(%)  KDNK
Johor	-1.1	6.5	13.2	2.8	5.4	10.8	4.1
Kedah	-2.8	6.7	30.8	-3.2	4.0	-13.2	1.6
Kelantan	-0.5	8.1	6.7	-2.6	3.8	-18.3	2.6
Melaka	6.5	6.1	5.7	0.3	4.2	-2.7	3.0
Negeri Sembilan	-4.9	8.6	-8.4	1.2	4.5	-69.4	1.8
Pahang	2.5	9.6	37.1	2.1	6.0	-26.3	5.2
Pulau Pinang	6.5	6.8	23.6	-0.5	6.0	2.3	3.3
Perak	1.9	8.3	-0.2	2.2	3.0	15.6	2.7
Perlis	4.1	5.2	4.0	-1.0	2.3	-11.1	2.1
Selangor	-7.3	3.8	10.2	2.0	6.1	25.1	5.4
Terengganu	7.4	5.3	1.6	0.2	3.1	77.2	2.3
Sabah	0.8	-5.2	-1.1	4.4	4.5	-2.6	1.3
Sarawak	2.0	-1.0	8.3	-3.9	5.4	-1.9	1.2
W.P. Kuala Lumpur	..	3.3	-8.9	1.8	4.9	-43.8	3.7
W.P. Labuan	3.2	-	1.8	0.4	2.2	15.1	1.9
Supra	-	3.8	-	-	-	-	3.8
MALAYSIA	0.7	0.5	6.1	0.7	5.1	9.6	3.6

Carta 1.25 Sumbangan peratusan KDNK mengikut negeri dan jenis aktiviti ekonomi, 2023

BAB 2

PRESTASI EKONOMI KEDAH



SOSIOEKONOMI KEDAH 2023



PRESTASI EKONOMI KEDAH 2023

PRESTASI MENGIKUT SEKTOR



INDEKS HARGA PENGGUNA



RENCANA 2:

Pengaruh
Terhadap
Berindustri
Negeri Kedah

Tempoh
Cabaran
(IBS)

Penglibatan
Penggunaan
Dalam Sektor

Pemain
Sistem
Pembinaan

Industri
Binaan
di






SOSIOEKONOMI KEDAH 2023


KDNK: RM51.8 bilion
(2022: RM51.0 bilion)

1.6%
(2022: 7.3%)




Petunjuk : ↑ Pertumbuhan ↓ Sumbangan kepada KDNK b Bilion

DEMOGRAFI SOSIAL




PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH*



KADAR INFLASI

1.7% (2022: 2.6%)

STATISTIK PERDAGANGAN



STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK



PENDAPATAN TERTINGGI PBT*



Nota : KDNK : Keluaran Dalam Negeri Kasar
PBT : Pihak Berkuasa Tempatan
* Data tahun 2022

Sumber : Laporan Sosioekonomi Negeri Kedah 2023

PRESTASI EKONOMI KEDAH 2023

Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia dan memiliki keluasan 9,510 km persegi. Pembangunan Kedah tahun 2023 memfokuskan tiga strategi optimum dalam usaha mencapai gagasan yang bertemakan 'Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua'. Strategi tersebut melibatkan usaha memulihkan dan mencergaskan pertumbuhan ekonomi domestik, meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat serta mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Kerajaan Negeri Kedah mengambil inisiatif untuk pembangunan lalu lintas digital dan pusat data alternatif di *Special Border Economic Zone* (SBEZ) Bukit Kayu Hitam melalui peruntukan sebanyak RM25 juta bagi tujuan pendigitalan operasi di kawasan tersebut bertujuan untuk memacu pembangunan SBEZ dengan lebih pesat selaras dengan perancangan di bawah Pelan Pembangunan Kedah 2035. Kedudukan SBEZ adalah strategik sebagai hab industri dan logistik di sempadan serta di tengah-tengah

wilayah Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Kedah merupakan negeri pembekal utama beras negara, yang menyumbang sebanyak 43 peratus pengeluaran beras negara. Untuk meningkatkan keupayaan kerajaan negeri dalam memastikan terus berdaya tahan sebagai pengeluar utama beras, Projek Penanaman Padi lima kali 2 tahun telah dirancang untuk pelaksanaan melalui penambahbaikan infrastruktur berkaitan sistem pengairan, pintu air dan sistem pengepaman dengan melibatkan keluasan berjumlah 112 hektar. Usaha ini akan membantu Kerajaan Persekutuan memastikan kemampunan pengeluaran beras negara sebagai makanan asasi rakyat dan memastikan keselamatan makanan terjamin.

RM51.8 billion

Nilai KDNK pada
tahun 2023

”

1.6%

Pertumbuhan ekonomi
Kedah

”




Prestasi ekonomi Kedah berkembang 1.6 peratus pada tahun 2023 (2022: 7.3%) dengan nilai ditambah berjumlah RM51.8 bilion (2022: RM51.0 bilion) seperti yang dipaparkan pada **Carta 2.1**.


Melihat dari perspektif sumbangan kepada ekonomi pula, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi Kedah (**Carta 2.2**) dengan sumbangan kumulatif 85.4 peratus diikuti oleh sektor Pertanian menyumbang 10.7 peratus, manakala sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 3.0 peratus dan 0.2 peratus.

Prestasi ekonomi negeri ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan yang berkembang 4.0 peratus (2022: 8.0%). Sementara itu, sektor Pembinaan dan sektor Perlombongan & pengkuarian masing-masing mencatatkan pertumbuhan 30.8 peratus (2022: 18.3%) dan 6.7 peratus (2022: 10.8%). Sebaliknya sektor Pertanian dan Pembuatan pula menunjukkan penyusutan masing-masing 2.8 peratus (2022: 0.3%) dan 3.2 peratus (2022: 8.1%) seperti **Carta 2.3**.


Carta 2.1



Carta 2.2



Carta 2.3





PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri melalui eksport dan menyokong pembangunan luar bandar. Selain itu, ia menjamin sekuriti makanan negara dengan memastikan bekalan makanan yang stabil di peringkat tempatan serta mengurangkan kebergantungan negara kepada import pertanian. Pada tahun 2023, sektor Pertanian di Kedah mencatatkan nilai ditambah berjumlah RM5.5 bilion berbanding RM5.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Sektor ini merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Kedah, menyumbang 10.7 peratus pada tahun 2023. Subsektor Tanaman merupakan penyumbang terbesar sektor Pertanian di Kedah dengan sumbangan 42.1 peratus, diikuti subsektor Ternakan (31.8%), Perikanan (21.0%) dan Perhutanan & pembalakan (5.0%).

Sektor ini mencatatkan penyusutan 2.8 peratus pada tahun 2023 berbanding pertumbuhan marginal 0.3 peratus pada tahun sebelumnya dipengaruhi oleh subsektor Tanaman. Subsektor ini terus menyusut 5.0 peratus setelah mencatatkan negatif 4.3 peratus pada tahun sebelumnya. Penyusutan ini dipengaruhi oleh pengurangan pengeluaran padi, kelapa sawit dan getah. Pengeluaran buah kelapa sawit

dilihat menyusut kepada dua digit. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh MPOB (**Jadual 2.1**), buah tandan segar yang diterima oleh kilang mencatatkan pengurangan sebanyak 11.0 peratus pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: 2.0%).

Aktiviti pengeluaran tanaman buah-buahan juga merekodkan penyusutan dua digit. Tanaman utama buah-buahan yang menyusut ialah durian dan tembikai. Namun pengeluaran tanaman sayur-sayuran menunjukkan pertumbuhan berbanding tahun sebelumnya. Antara sayur-sayuran utama yang mencatatkan peningkatan pada 2023 adalah bendi, timun, terung dan kacang panjang.

Subsektor Ternakan yang merupakan aktiviti kedua terbesar dalam sektor Pertanian di Kedah terus bertumbuh 5.3 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.1 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini disokong oleh aktiviti ternakan ayam & itik serta lembu & kerbau.

Subsektor Perikanan menyusut 5.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 11.5%) dipengaruhi oleh pengurangan dalam aktiviti pendaratan ikan laut. Subsektor perhutanan & pembalakan pula menyusut 18.4 peratus berbanding pertumbuhan marginal tahun sebelumnya (2022: 0.1%).

RM 5.5 bilion
Nilai ditambah
sektor Pertanian
Kedah
pada tahun 2023

SEKTOR PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN

Sektor Perlombongan dan pengkuarian di Kedah mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM122.0 juta berbanding RM114.3 juta pada tahun 2022. Sektor ini menyumbang 0.2 peratus kepada KDNK Kedah.

Pada tahun 2023, sektor ini meningkat 6.7 peratus (2022: 10.8%) seperti pada **Carta 2.5**. Peningkatan ini dipengaruhi oleh aktiviti pengkuarian granit dan pasir. Selain itu, aktiviti pemecahan batu, pengkuarian batu kapur dan perlombongan bijih besi juga menyumbang kepada prestasi keseluruhan sektor ini.

RM1.6 bilion
 Nilai ditambah
sektor Pembinaan
 Kedah
 pada tahun 2023



Projek utama:

Antara projek pembinaan utama yang sedang dibangunkan di Kedah ialah:


SEKTOR PEMBINAAN

Kedah merekodkan nilai ditambah berjumlah RM1.6 bilion dalam sektor Pembinaan pada tahun 2023, meningkat berbanding RM1.2 bilion pada tahun 2022. Sektor ini menyumbang sebanyak 3.0 peratus kepada keseluruhan ekonomi Kedah. Sektor Pembinaan Kedah mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan 30.8 peratus berbanding 18.3 peratus pada tahun sebelumnya, seperti yang ditunjukkan pada **Paparan 2.1**. Prestasi ini dipacu oleh kerancakan dalam semua subsektor. Subsektor Aktiviti pembinaan pertukangan khas, yang merupakan peneraju utama, mencatatkan pertumbuhan 43.7 peratus. Selain itu, subsektor Pembinaan bangunan dan Kejuruteraan awam turut mencatatkan pertumbuhan positif masing-masing 47.7 peratus dan 21.9 peratus.

- ♦ *Engineering, Procurement and Construction Management Services for OSRAM Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd.;*
- ♦ *AT&S Malaysia Construction Project Fasa 1;*
- ♦ *Pembinaan kilang baharu bagi Infineon Technologies (Kulim) Sdn. Bhd.;*
- ♦ *Projek kilang sel solar dan modul solar di Kulim Hi-Tech Park, Kulim;*
- ♦ *Engineering, Procurement, Construction and Commissioning (EPCC) Services for melamine plant (Petronas Chemicals Fertiliser Kedah Sdn. Bhd.);*
- ♦ *Photovoltaic Electricity Generation Project Located In Gurun;*
- ♦ *Reka dan bina bangunan tambahan Hospital Sultanah Maliha, Langkawi;*
- ♦ *Project Aurora 130mw CCGT Expansion Project;*
- ♦ *Large scale solar photovoltaic energy generating facility, Kuala Muda; dan*
- ♦ *Menaiktaraf Laluan 7 dari Persimpangan Lencongan Barat ke Persimpangan Tiga Kemboja*

Paparan 2.1

Pertumbuhan sektor Pembinaan, Kedah, 2023



SEKTOR PEMBUATAN

Sektor Pembuatan merupakan penyumbang kedua tertinggi selepas sektor Perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 29.2 peratus. Sektor ini mencatatkan penyusutan 3.2 peratus berbanding pertumbuhan memberangsangkan 8.1 peratus pada tahun 2022 dengan nilai ditambah berjumlah RM15.1 bilion.

Penyusutan ini dipengaruhi oleh kemerosotan Produk elektrik, elektronik dan optikal kepada 4.6 peratus berbanding pertumbuhan kukuh 13.4 peratus pada tahun 2022. Produk ini merupakan pelopor sektor Pembuatan Kedah dengan sumbangan 51.2 peratus seperti pada **Carta 2.6**. Penurunan ini juga dicerminkan menerusi kejatuhan eksport barangan elektrik dan elektronik seperti kelengkapan telekomunikasi, alat ganti dan aksesori (-7.9%) dan kristal piezo elektrik & alat ganti (-42.4%). Import barangan berkenaan turut mencatatkan kemerosotan, antaranya litar elektronik bersepadu (-21.5%), kristal piezo elektrik & alat ganti (-20.2%) dan perkakas litar elektrik & alat ganti (-11.0%).

Sementara itu, subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik yang merupakan penyumbang kedua kepada sektor Pembuatan negeri ini menyusut 3.1 peratus (2022: -1.0%). Kejatuhan subsektor ini dipengaruhi oleh penurunan dalam produk getah seiring dengan penguncupan eksport terutamanya bagi produk sarung tangan getah.

Pada tempoh sama, subsektor Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan, prosesan makanan, minuman dan produk tembakau dan Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan turut menyusut, masing-masing 7.7 peratus dan 8.9 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka bertumbuh 2.3 peratus berbanding 2.4 peratus didorong oleh peningkatan produk logam yang direka.

Jumlah keseluruhan nilai pelaburan yang diluluskan di Kedah adalah sebanyak RM26.8 bilion yang merupakan nilai pelaburan kedua tertinggi di Malaysia sebanyak RM24.1 bilion merupakan pelaburan asing manakala selebihnya, iaitu RM2.8 bilion merupakan pelaburan domestik. Produk elektrik dan elektronik mendominasi nilai tersebut iaitu sebanyak RM11.1 bilion, diikuti oleh jentera dan peralatan (RM7.9 bilion) dan peralatan pengangkutan (RM4.5 bilion).

29.2%
Sumbangan sektor
Pembuatan Kedah
pada tahun 2023

SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor Perkhidmatan menunjukkan prestasi menggalakkan pada tahun 2023 disokong oleh aktiviti pelancongan yang semakin pesat. Ini ditunjukkan melalui peningkatan bilangan pelawat domestik yang berkunjung ke Kedah, iaitu kepada 13.4 juta orang (2022: 11.2 juta orang), dengan pertumbuhan tahunan 20.2 peratus. Senario ini telah mendorong pertumbuhan dalam pelbagai industri berkait seperti perdagangan borong & runcit, makanan dan minuman, pengangkutan, penginapan serta operasi pelancongan. Pada tahun 2023, sektor Perkhidmatan di Kedah merekodkan nilai ditambah RM29.1 bilion berbanding RM28.0 bilion pada tahun 2022, dengan peningkatan sebanyak RM1.1 bilion. Ia kekal mendominasi ekonomi negeri Kedah dengan sumbangan sebanyak 56.2 peratus kepada KDNK keseluruhan. Sektor ini berkembang 4.0 peratus pada tahun 2023 didorong oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan serta subsektor Utiliti, pengangkutan & penyimpanan dan maklumat dan komunikasi yang masing-masing meningkat 5.3 peratus dan 5.0 peratus. Prestasi mengikut subsektor dalam sektor Perkhidmatan ditunjukkan pada **Jadual 2.2**.

Perdagangan borong dan runcit

Pertumbuhan kukuh sektor Perkhidmatan Kedah pada tahun 2023 antaranya disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang telah menyumbang 23.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan negeri ini. Prestasi ekonomi subsektor ini bertumbuh 4.2 peratus (2022: 9.9%) disokong oleh segmen runcit.

Segmen runcit mencatatkan pertumbuhan 3.5 peratus, namun prestasinya perlahan berbanding 8.6 peratus yang direkodkan pada 2022. Prestasi positif ini disokong oleh aktiviti jualan runcit di stor bukan pengkhususan dan juga aktiviti jualan runcit barangan lain di stor

Paparan 2.2

Pertumbuhan subsektor Perkhidmatan, Kedah, 2023



pengkhususan. Sumbangan segmen runcit ini kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Kedah adalah 3.5 peratus (**Carta 2.7**).

Sementara itu, pertumbuhan dalam segmen borong terus kukuh kepada 5.0 peratus pada tahun 2023 (2022: 3.5%) disokong oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan jual borong barangan isi rumah serta aktiviti lain-lain pengkhususan jual borong. Sumbangan segmen borong kepada subsektor perdagangan borong & runcit di Kedah adalah 31.9 peratus.

Seterusnya, prestasi segmen kenderaan bermotor bertumbuh kepada 5.2 peratus (2022: 41.9%) disumbangkan oleh aktiviti jualan kenderaan motor. Aktiviti ini menyumbang lebih separuh kepada segmen kenderaan bermotor di Kedah.

Seterusnya, prestasi segmen kenderaan bermotor melonjak dengan ketara kepada 42.0 peratus (2021: -11.6%) dipengaruhi oleh aktiviti jualan komponen (termasuk alat ganti) & aksesori kenderaan bermotor dan juga jualan kenderaan bermotor.

Perkhidmatan maklumat dan komunikasi

Pada tahun 2023, subsektor Perkhidmatan maklumat dan komunikasi menyumbang 11.8 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Kedah. Subsektor ini merekodkan pertumbuhan 2.2 peratus berbanding 2.9 peratus pada tahun sebelumnya dengan nilai ditambah berjumlah RM3.4 bilion. Pertumbuhan prestasi ini didorong oleh segmen perkhidmatan telekomunikasi.

Segmen perkhidmatan telekomunikasi mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.1 peratus didorong oleh permintaan dalam aktiviti telekomunikasi tanpa wayar. Aktiviti pembelajaran, e-Kesihatan, e-Kerajaan, e-Dagang dan penggunaan platform media sosial seperti *WhatsApp*, *X*, *Telegram*, *Youtube* dan *Tiktok* turut mendorong kepada permintaan perkhidmatan ini.

Di samping itu, antara aktiviti lain yang turut menyumbang kepada prestasi keseluruhan subsektor Maklumat dan komunikasi ialah aktiviti perkhidmatan komputer & maklumat dan aktiviti penerbitan & penyiaran dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus dan 3.5 peratus.

2.2%
Subsektor Perkhidmatan maklumat & komunikasi
Kedah bertumbuh
pada tahun 2023



Pengangkutan dan penyimpanan

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan menyumbang sebanyak 4.4 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Kedah. Aktiviti operasi lebuhraya merupakan penyumbang utama dengan sumbangan 29.2 peratus, diikuti oleh pengangkutan darat (27.1%), pengangkutan udara (12.1%), pengangkutan lain (10.8%), perkhidmatan pos & kurier (8.1%), pengangkutan air (7.5%) dan pelabuhan & operasi penerbangan (5.2%) seperti pada

Carta 2.8.

Pada tahun 2023, subsektor ini mengekalkan pertumbuhan memberangsangkan iaitu 12.9 peratus (2022: 22.0%). Pertumbuhan ini didorong oleh aktiviti operasi lebuhraya yang mengukuh 18.5 peratus, pengangkutan darat, 12.1 peratus serta pengangkutan udara, 20.2 peratus.

Penginapan dan makanan & minuman

Subsektor penginapan di Kedah merekodkan pertumbuhan 27.6 peratus pada tahun 2023 (2022: 141.5%). Data Lembaga Pembangunan Langkawi turut memperlihatkan peningkatan

jumlah pelawat ke pulau peranginan tersebut sejumlah 2.8 juta orang berbanding 2.6 juta orang pada tahun 2022. Selain itu, bilangan penumpang yang dikendalikan mengikut lapangan terbang juga mencatatkan pertumbuhan 11.7 peratus berbanding 198.6 peratus pada tahun 2022.

Subsektor Makanan dan minuman turut berkembang, merekodkan 2.1 peratus (2022: 21.3%). Kedua-dua subsektor ini menyumbang sebanyak 7.2 peratus kepada sektor Perkhidmatan di negeri Kedah.

Perkhidmatan perniagaan

Subsektor perkhidmatan perniagaan merekodkan peningkatan 9.0 peratus pada tahun 2023 (2022: 20.5%) didorong oleh aktiviti profesional dan perkhidmatan perniagaan lain. Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal kekal mendominasi subsektor ini dengan sumbangan sebanyak 59.4 peratus. Aktiviti ini meningkat 4.0 peratus berbanding tahun 2022. Aktiviti utama yang menyokong prestasi tersebut ialah aktiviti guaman, perakaunan dan perkhidmatan kejuruteraan. Aktiviti lain yang turut memberi impak kepada peningkatan segmen ini ialah perkhidmatan arkitek dan perkhidmatan juruukur tanah.

Dalam pada itu, aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan yang menyumbang sebanyak 40.6 peratus, meningkat 17.4 peratus (2022: 30.9%) dipengaruhi oleh aktiviti agensi pengembaraan dan aktiviti keselamatan persendirian

Perkhidmatan pendidikan swasta

Pada tahun 2023, subsektor perkhidmatan pendidikan swasta mencatatkan pertumbuhan 7.7 peratus (2022: 7.0%) didorong oleh aktiviti pendidikan tinggi. Subsektor ini menyumbang 0.8 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan Kedah.

Aktiviti pendidikan tinggi menjadi penyumbang utama dengan sumbangan 38.8 peratus seperti pada **Carta 2.9**. Seterusnya, diikuti oleh pendidikan lain (23.2%), pendidikan pra-sekolah dan pendidikan rendah (22.4%), pendidikan menengah (14.6%) dan perkhidmatan sokongan pendidikan (1.0%).

Perkhidmatan kesihatan swasta

Subsektor perkhidmatan kesihatan swasta menyumbang sebanyak 1.7 peratus kepada sektor Perkhidmatan di Kedah. Subsektor ini mencatatkan pertumbuhan 7.2 peratus berbanding 10.1 peratus pada tahun 2022.

Aktiviti hospital dan rumah bersalin merupakan penyumbang utama subsektor ini iaitu sebanyak 54.9 peratus merekodkan pertumbuhan 6.6 peratus pada tahun 2023 (2022: 1.8%). Antara aktiviti lain yang menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan perkhidmatan ini adalah aktiviti amalan perubatan dan pergigian.



Perkhidmatan kerajaan

Pada tahun 2023, nilai ditambah Perkhidmatan kerajaan di Kedah adalah sebanyak RM7.5 bilion berbanding RM7.3 bilion pada tahun sebelumnya dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus (2022: 2.9%). Perkhidmatan ini menyumbang sebanyak 25.7 peratus kepada keseluruhan sektor Perkhidmatan di negeri ini.

Perkhidmatan kerajaan dikategorikan sebagai pengeluar bukan pasaran. Nilai ditambah bagi perkhidmatan ini diperoleh daripada nilai pampasan pekerja, pencen yang diperuntukkan kepada pekerja yang sedang bekerja dan penggunaan modal tetap.

Subsektor ini meliputi empat peringkat kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT). Penglibatan sektor kerajaan memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi negeri.



CARTA PRESTASI MENGIKUT SEKTOR


Carta 2.4

Prestasi sektor Pertanian, Kedah, 2022-2023




Carta 2.5

Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, Kedah, 2015-2023




Carta 2.6

Peratus sumbangan sektor Pembuatan, Kedah, 2023




Carta 2.7

Peratus sumbangan subsektor perdagangan borong dan runcit, Kedah, 2023




Carta 2.8

Peratus sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan, Kedah, 2023



Carta 2.9

Peratus sumbangan subsektor pendidikan swasta, Kedah, 2023



JADUAL PRESTASI MENGIKUT SEKTOR

Jadual 2.1 Statistik industri kelapa sawit, Kedah, 2022-2023

Sabah	Nilai		Pertumbuhan (%)	
	2022	2023	2022	2023
Buah tandan segar ('000 tan)	1,201	1,068	2.0	-11.0
Minyak sawit mentah ('000 tan)	237	214	0.3	-10.0
Isirong sawit ('000 tan)	61	55	-2.3	-9.3
Keluasan belum matang (hektar)	11,206	9,369	2.7	-16.4
Keluasan matang (hektar)	75,281	76,502	-1.0	1.6

Sumber: MPOB

Jadual 2.2 Prestasi sektor Perkhidmatan, Kedah, 2022-2023

Subsektor	2022 ^e			2023 ^p		
	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)	Nilai ditambah (RM juta)	Sumbangan (%)	Pertumbuhan (%)
Utiliti, pengangkutan dan penyimpanan, maklumat dan komunikasi	4,936	17.6	7.2	5,181	17.8	5.0
Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan	8,551	30.5	15.6	9,005	30.9	5.3
Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	3,842	13.7	5.8	3,893	13.4	1.3
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	3,411	12.2	5.3	3,553	12.2	4.2
Perkhidmatan kerajaan	7,251	25.9	2.9	7,484	25.7	3.2
Jumlah	27,992	100.0	8.0	29,116	100.0	4.0

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN PERSEKUTUAN, 2023

SEKTOR ICT & PENDIGITALAN



- Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA).
- Pelaksanaan & perluasan jaringan 5G
- Skim Geran Pendigitalan PKS dan Peniaga Kecil.
- Pendigitalan perniagaan (1 DUN 1 PED1).
- Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC).
- Projek internet luar bandar & PPR.
- *National Fibreisation & Connectivity Plan* (NFCP).
- Meningkatkan siber sekuriti.
- 80% perkhidmatan awam secara dalam talian.
- 80% perkhidmatan *cloud computing* sektor awam menerusi MyGovCloud.
- Semua agensi/ Kementerian menyediakan *cashless payment*.
- Dasar Pendidikan Digital (DPD).

BANTUAN ISI RUMAH



- Isi rumah kurang RM2,500: sumbangan sehingga RM2,500 bergantung kepada jumlah anak.
- Tambahan RM600 (bakul makanan & baucar).
- Kredit e-tunai belia Rahmah: RM200.
- Meningkatkan *disposable income* M40: kajian semula cukai pendapatan.
- Bantuan musim tengkujuh: pesawah padi, pekebun getah.
- Pindaan Akta Insolvensi.
- Bantuan Khas Aidilfitri Penjawat Awam & Pesara.
- Elaun guru KAFA dan sumbangan Khas RM600.
- Subsidi bil elektrik sehingga RM40 kepada isi rumah miskin tegar e-Kasih.
- Bantuan Awal Persekolahan RM150 pada Januari 2023.
- Diskaun pembayaran PTPTN: 20% untuk selama tiga bulan, mulai Mac 2023.
- Diskaun PERKESO untuk pekerja sendiri.
- Pelepasan cukai sehingga RM3,000 ke atas yuran taska dan tadika kerajaan.

SEKTOR PERTANIAN



- Skim Pembiayaan Agrofood untuk meningkatkan aktiviti pengeluaran.
- Skim geran penyelidikan produk herba bernilai tinggi.
- Program Pembangunan Semula Hasil Baru
- menerusi tanaman jangka pendek dan penanaman.
- Program pembangunan koko dan menambah baik kelestarian industri sawit.
- Insentif pengeluaran lateks serta pembangunan model perniagaan lateks.
- Projek pemodenan dan pemeraksanaan industri nanas.

PENGANGKUTAN AWAM



- Pas bulanan RM50 bagi penggunaan LRT, MRT & bas Rapid di Lembah Klang.
- Peluasan pelaksanaan Program SBST ke Bandar Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu.
- Subsidi pengangkutan udara untuk rakyat pedalaman Sabah dan Sarawak.
- Subsidi kos operasi perkhidmatan tren kurang ekonomik di Wilayah Timur.
- Pas Perjalanan Tanpa Had MYBAS50 untuk warga Johor Bharu yang menggunakan SBST.

PKS



- Program Peningkatan Prestasi Keupayaan dan Daya Saing PKS.
- Kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan PMKS.
- Pinjaman mikro usahawan wanita dan belia.

INSENTIF PEMBELIAN KENDERAAN



- Insentif bebas cukai: pengecualian SST sehingga 31 Mac 2023.
- Pelancaran model baharu termasuk EV (bebas cukai bagi CBU).

PEMBELIAN HARTANAH



- Skim Jaminan Kredit Perumahan.
- Pengecualian penuh duti setem sehingga akhir tahun 2025 untuk pembeli rumah pertama bernilai RM500,000 dan ke bawah.
- Pengecualian duti setem 75 peratus sehingga 31 Disember 2023 bagi pembeli rumah pertama membeli hartanah kediaman bernilai antara RM500,001 hingga RM 1 juta.

PERDAGANGAN BORONG RUNCIT



- Pembinaan baharu dan menaik taraf 3,000 unit gerai dan kiosk.
- Menaik taraf premis dan kemudahan perniagaan di bawah MARA, DBKL, PUNB dan UDA.
- Program jualan rahmah di setiap kawasan parlimen.

GREEN TECHNOLOGY



- Inisiatif oleh GENTARI: Pemasangan panel solar di premis kerajaan dan komersial menjelang tahun 2024 & penyediaan 500 unit kemudahan pengcasan EV di seluruh negara.
- Inisiatif oleh TNB: Pemasangan rooftop solar di bangunan kerajaan di Putrajaya & kemudahan pengcasan EV di 70 lokasi tumpuan.
- Galakan cukai menyokong penggunaan EV.

SEKTOR PELANCONGAN



- Usahasama dengan MAB bagi penerbitan carter.
- Potongan cukai khas kepada syarikat perhotelan sehingga RM150,000 ke atas perbelanjaan produk krafangan (1 Jan.2023-31 Dis.2025).
- Pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun bagi pelancong asing dan tempatan.
- Pengecualian duti eksais kenderaan pelancongan CKD sebanyak 50%: kereta sewa, pandu dan bas persiaran.
- Mengurangkan kesesakan jalan raya yang menjejaskan lokasi tumpuan pelancong.

Sumber: Laman Khas Belanjaan, <https://belanjaan.mof.gov.my/ms/bajet2023>

INISIATIF TERPILIH KERAJAAN NEGERI, 2023

JOHOR

- RM2.45 juta disediakan bagi pemasaran dan promosi Majestic Johor.
- RM1.9 juta diperuntukkan bagi program kolaborasi strategik, pementasan dan pertanian lestari.
- RM2 juta diperuntukkan bagi program pembangunan Industri Asas Tani (IAT).
- RM37 juta diperuntukkan bagi pembangunan Tunku Mahkota Iskandar Puteri.
- RM1.8 juta diperuntukkan bagi Taman Negara Gunung Ledang.

KEDAH

- RM1.5 juta diperuntukkan bagi Projek Penanaman Padi 5 kali 2 tahun.
- RM4.5 juta disalurkan kepada pembangunan industri tanaman padi, buah-buahan, sayur, tanaman ladang dan komoditi berprestasi.
- RM3.5 juta diperuntukkan bagi Projek Eko-Pelancangan Taman Eko-Rimba Sungai Teroi, Gunung Jerai.
- Peruntukan RM1 juta untuk promosi sektor pelancongan.
- RM3.5 juta diperuntukkan bagi Skim Pinjaman Mikro Kredit Sejahtera Kedah.

KELANTAN

- RM4.46 juta disalurkan kepada pembangunan Digital Ecosystem.
- RM21.65 juta bagi memperkasa sumber dan rantian bekalan makanan.
- RM14.0 juta bagi pembangunan dan naik taraf kemudahan pelancongan.
- RM5.47 juta bagi program pembangunan pelancongan dan kebudayaan.
- RM20 juta bagi pembinaan Terminal Bas Bersepadu KB Sentral.

MELAKA

- RM44.8 juta diperuntukkan bagi projek My Siring Warffront di Pantai Siring bersebelahan Jeti Anjung Batu, Mukim Umbai, Daerah Jasin.
- RM6.58 juta disediakan bagi pembangunan industri pertanian, perikanan dan penternakan.
- RM8 juta bagi pelaksanaan Projek Tanaman dan Pemrosesan Tumbuhan Hijau Sumber Makanan Haiwan Ternakan.
- RM1.9 juta bagi pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) di Sebatu.

NEGERI SEMBILAN

- RM3.5 juta diperuntukkan bagi inisiatif sekuriti makanan.
- RM500 ribu diperuntukkan bagi inisiatif Perpatin Fesi.
- RM500 ribu diperuntukkan bagi penyediaan tapak campervan di Taman Eko Rimba, Lenggeng dan Sungai Sugani, Port Dickson.
- RM11.35 juta diperuntukkan bagi jaminan bekalan makanan melalui program peningkatan hasil sayuran dan buah-buahan.
- RM6.04 juta diperuntukkan bagi jenama Pesona Negeri Sembilan.

PAHANG

- RM2 bilion diperuntukkan bagi pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuantan.
- RM9.1 juta diperuntukkan bagi program pelancongan bertaraf dunia seperti Pahang Ocean Paddle, Pahang Bilfish International Challenge, Pahang River Cruise dan Pahang Barat Trail Run.
- RM10 juta disalurkan untuk membiayai usahawan mikro Skim I-PUSH.
- RM3.35 juta kepada industri pertanian melibatkan pendekatan konsep smart farming dan Internet of Things.

PULAU PINANG

- RM17.23 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek di bawah binaan pembangunan Penang Transport Master Plan (PTMP).
- RM1.8 juta diperuntukkan bagi pembayaran insentif perkhidmatan kepada pemandu teksi dan pengusaha bas sekolah.
- RM1.5 juta diperuntukkan bagi George Town Festival 2023.
- RM6.92 juta diperuntukkan bagi program pembangunan pertanian untuk meningkatkan hasil pertanian.

PERAK

- RM2.1 juta diperuntukkan bagi perkhidmatan Bas Perak Sejahtera.
- RM8 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek myPATIL yang merupakan pembangunan teknologi bagi Lesen Premis Perniagaan Digital.
- RM8 juta diperuntukkan bagi merencanakan sektor pelancongan.
- RM1 juta diperuntukkan bagi mewujudkan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negeri Perak.

PERLIS

- RM2.97 juta diperuntukkan bagi meneruskan dan menambah baik program pembangunan industri pertanian.
- RM100 ribu diperuntukkan bagi pemberian geran Good Manufacturing Practice (GMP).
- RM34.71 juta disediakan di bawah Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) serta Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity (EFT).

SELANGOR

- RM25 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program-program promosi pengalakan pelaburan melalui anak syarikat, Invest Selangor.
- RM700 ribu diperuntukkan bagi Selangor International Halal Conference (ISELHAC) bertujuan mempromosi dan meningkatkan penyertaan industri halal.
- RM7.9 juta diperuntukkan bagi sektor Pertanian khususnya pertanian makanan melalui Program Keselamatan Bekalan Makanan Negeri Selangor atau Food Security.

TERENGGANU

- RM15 juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek berimpak tinggi yang memberikan kesan langsung kepada peningkatan sosioekonomi penduduk setempat.
- RM4.5 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program-program galakan pelancongan.
- RM1.3 juta disediakan untuk menaik taraf premis perniagaan di kawasan tumpuan orang ramai.

SABAH

- RM69.2 juta diperuntukkan untuk tujuan operasi serta membiayai pelbagai program bantuan untuk petani, nelayan dan penternak.
- RM16.35 juta diperuntukkan kepada Lembaga Perindustrian Getah Sabah untuk pembangunan subsektor komoditi getah.
- RM17.31 juta diperuntukkan kepada Jabatan Muzium yang bertanggungjawab membangunkan budaya dan khazanah sejarah.

SARAWAK

- Program Transformasi Luar Bandar dengan peruntukan RM420 juta dan Projek Rakyat dengan peruntukan RM500 juta.
- RM14.8 juta diperuntukkan bagi menyiapkan kemudahan pertanian di Sg. Baji Agropark dan untuk Agropark Parit Bugis.
- RM44 juta disalurkan bagi melaksanakan pelbagai program bagi menyokong pekebun kecil dalam tanaman, perikanan darat dan untuk pemprosesan serta pemasaran hasil dan produk PKS.

W.P. KL

- RM203 juta diperuntukkan bagi membiayai projek-projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan program NKEA Greater KL/KV.
- RM54.3 juta diperuntukkan bagi pengurusan penjaja.
- RM2.9 juta diperuntukkan bagi mempromosi produk-produk pelancongan Kuala Lumpur dan melaksanakan program Accessible Mayor Award untuk penggiat industri pelancongan.

W.P. LABUAN

- WP Labuan akan terus menikmati status Pelabuhan Bebas Cukai yang menjadi tarikan pelancong.
- Pihak berkuasa termasuk Jabatan Bekalan Air telah menambah Lori Bekalan Air dan tangki statik selain turut memastikan setiap rumah persendirian mempunyai sebuah tangki air berkapasiti 200 liter.



INDEKS HARGA PENGGUNA

Inflasi Malaysia pada tahun 2023 merekodkan peningkatan perlahan kepada 2.5 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Ini adalah selari dengan penyusutan kebanyakan harga komoditi global, gangguan bekalan yang mereda, kawalan harga dan pemberian subsidi untuk barangan terpilih.

Walaupun komoditi tenaga menunjukkan penyusutan pada tahun 2023 (-29.9%) berbanding tahun 2022 (60.0%), tingkat harga komoditi ini masih lagi tinggi berbanding harga pra-pandemik. Kenaikan kos bahan api dan kebergantungan kepada Gas Asli Cecair (LNG) yang diimport telah mendorong kerajaan untuk membuat pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) bagi pengguna di Semenanjung Malaysia untuk tempoh 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023. Pengguna domestik dengan unit penggunaan elektrik melebihi 1,500kWj akan dikenakan surcaj 10 sen/kWj.

Inisiatif lain yang diberikan oleh kerajaan secara langsung dapat dilihat melalui inisiatif Payung Rahmah yang meliputi Menu Rahmah, Jualan Rahmah, Bakul Rahmah, Pakej Rahmah dan Menu Siswa Rahmah. Inisiatif ini didasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan

1.7%

Inflasi Kedah meningkat pada tahun 2023

miskin tegar. Selain itu, kerajaan telah membelanjakan hampir RM8 bilion untuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang memanfaatkan 8.7 juta rakyat Malaysia. Inisiatif ini dapat mengurangkan beban kumpulan berpendapatan rendah dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup.

Kenaikan harga beras global dan sekatan eksport beras putih dari India mulai Julai 2023 telah menyebabkan kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) dan mendorong pengguna untuk beralih kepada Beras Putih Tempatan (BPT). Ini mengakibatkan kekurangan bekalan BPT di pasaran. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menubuhkan Task Force Khas Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan (BPT) melibatkan pelbagai agensi dengan melaksanakan pemeriksaan menyeluruh ke atas semua peringkat rangkaian industri termasuk semua kilang, pemborong dan peruncit beras.

Inflasi Kedah meningkat perlahan kepada 1.7 peratus berbanding 2.6 peratus pada tahun 2022 dengan mata indeks mencatatkan

125.6 mata (2022: 123.5 mata). Secara keseluruhannya, peningkatan inflasi ini disumbangkan oleh kumpulan Restoran & hotel (3.1%); Makanan & Minuman (2.9%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (1.7%); Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (1.6%) dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.6%) (**Jadual 2.4**).

Inflasi Makanan & Minuman meningkat perlahan kepada 2.9 peratus berbanding tahun 2022 (3.7%). Kesemua subkumpulan menunjukkan peningkatan di antara 0.6 peratus dan 4.3 peratus kecuali subkumpulan Minyak & lemak dan Sayur-sayuran masing-masing mencatatkan penurunan kepada negatif 1.1 peratus dan negatif 1.5 peratus. Subkumpulan Keluaran makanan t.t.t.l. merupakan penyumbang utama kepada kenaikan inflasi dengan peningkatan 4.3 peratus. Ini diikuti oleh Susu, keju & telur (4.2%); Beras, roti & bijirin (3.2%) dan Daging (3.0%) (**Jadual 2.5**).

Selain itu, peningkatan inflasi di Kedah juga turut disumbangkan oleh kenaikan inflasi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain sebanyak 1.6 peratus berbanding 1.9 peratus pada 2022. Subkumpulan perbelanjaan Sewa sebenar untuk rumah masing-masing dan Penyelenggaraan & pembaikan rumah kediaman menunjukkan peningkatan kepada

2.2 peratus (2022: 1.1%) dan 0.5 peratus (2022: 3.5%).

Inflasi Pengangkutan meningkat dengan kadar perlahan pada 1.2 peratus berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan perlahan ini disebabkan terutamanya oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan dan Pengurusan alat pengangkutan persendirian yang masing-masing meningkat kepada 4.6 peratus (2022: -1.5%) dan 1.4 peratus (2022: 4.6%).

Jadual 2.3 Purata harga item terpilih, Kedah, 2022-2023

Item Terpilih	Unit	Purata Harga (RM)	
		2022	2023
Ayam Bersih-Standard	1kg	9.13	9.54
Telur Gred A	10 biji	4.46	4.66
Telur Gred B	10 biji	4.24	4.39
Telur Gred C	10 biji	4.08	4.29
Ikan kembung	1 kg	14.61	15.70
Ikan selayang	1 kg	12.71	13.18
Bawang besar (India)	1 kg	4.21	4.31
Bayam	1 kg	4.80	4.79
Sawi	1 kg	5.62	5.48
Pisang berangan	1 kg	5.49	6.22

CARTA INDEKS HARGA PENGGUNA

Carta 2.10

Inflasi tahunan, Kedah, 2011-2023



Jadual 2.4

Inflasi tahunan mengikut kumpulan utama, Kedah, 2022-2023

Tahun	2022	2023
Makanan & minuman bukan alkohol	3.7	2.9
Minuman alkohol & tembakau	0.4	0.3
Pakaian & kasut	-0.3	-0.2
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	1.9	1.6
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	3.0	1.7
Kesihatan	1.2	1.3
Pengangkutan	3.3	1.2
Komunikasi	-0.1	-3.1
Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan	1.5	0.8
Pendidikan	0.7	1.3
Restoran & hotel	4.6	3.1
Pelbagai barangan & perkhidmatan	1.2	1.6
Keseluruhan	2.6	1.7

Jadual 2.5

Inflasi tahunan subkumpulan Makanan dan Minuman, Kedah, 2022-2023

Tahun	2022	2023
Makanan & minuman	3.7	2.9
Makanan di luar rumah	4.8	5.0
Beras, roti dan bijirin	2.4	3.2
Daging	7.2	3.0
Ikan segar dan makanan laut	2.5	0.6
Susu, keju dan telur	5.6	4.2
Minyak dan lemak	3.8	-1.1
Buah-buahan	0.3	1.4
Sayur-sayuran	1.1	-1.5
Gula, jem, madu, coklat dan manisan	2.1	1.7
Keluaran makanan t.t.t.l	3.9	4.3
Kopi, teh, koko dan minuman bukan alkohol	1.4	3.4

Rencana 2:

Pengaruh Tempoh Penglibatan Pemain Industri Terhadap Cabaran Penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) Dalam Sektor Pembinaan di Negeri Kedah¹

Nur Adilah Hassan, Nadia Marzuki
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah

1.0 Pendahuluan

Ekonomi Malaysia mengukuh pada tahun 2022 dengan mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7 peratus, mencapai nilai RM1.5 trilion. Angka ini mengatasi nilai KDNK pra-pandemik tahun 2019 yang berjumlah RM1.4 trilion. Sektor Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 10.9 peratus diikuti oleh sektor Pembuatan (1.8 peratus) dan Perlombongan serta Pengkuarian (3.4 peratus). Sektor Pembinaan dan Pertanian pula kembali pulih pada tahun 2022 dengan pertumbuhan masing-masing 5.0 peratus dan 0.1 peratus selepas kedua-dua sektor ini merekodkan penurunan selama dua tahun berturut-turut (BERNAMA, 2023).

Bagi Negeri Kedah, sektor Pembinaan di negeri Kedah berkembang dengan pesat sebanyak 18.3 peratus berbanding penyusutan 8.4 peratus pada tahun 2021 sekali gus menyumbang sebanyak 2.4 peratus kepada keseluruhan ekonomi Kedah. Pertumbuhan memberangsangkan ini disokong oleh subsektor Aktiviti pertukangan khas yang merupakan peneraju utama, menyumbang 37.3 peratus. Selain itu, subsektor Bangunan bukan kediaman dan Bangunan kediaman masing-masing menyumbang 26.2 peratus dan 23.5 peratus. Ini diikuti oleh subsektor kejuruteraan awam dengan sumbangan sebanyak 13.0 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022).

Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang sering dibahaskan kebelakangan ini memerlukan Sektor Pembinaan bergerak seiring dengan pembangunan pesat teknologi dan sistem lebih pintar. Justeru, Sistem Binaan Berindustri atau "*Industrialised Building System*" (IBS) merupakan salah satu komponen besar yang menyokong IR 4.0. IBS merupakan sistem atau kaedah pembinaan bangunan yang mana komponennya dihasilkan di dalam keadaan terkawal (di kilang atau di tapak bina), diangkut dan dipasang dalam kerja pembinaan dengan penggunaan pekerja yang minimum di tapak (CIDB, 2024).

Selain itu, IBS merujuk kepada teknik pembinaan di mana komponen-komponen dihasilkan dalam persekitaran terkawal – sama ada di tapak atau di luar tapak – diletakkan dan dipasang menjadi kerja-kerja pembinaan. Istilah IBS sering digunakan dalam dunia pembinaan di Malaysia, sementara di luar negara ia dikenali dengan istilah lain seperti pembinaan pratuang (*Pre-fabricated construction*), Kaedah Pembinaan Moden (*Modern Method of Construction*) atau Pembinaan di Luar Tapak (*Off-site Construction*). IBS juga didefinisikan sebagai proses pembuatan dan pembinaan bersepadu, perancangan organisasi yang teliti dari segi pengurusan yang cekap, persediaan kawalan sumber, aktiviti dan hasil daripada komponen terkini. Pembuatan komponen dihasilkan oleh mesin, templat dan pelbagai bentuk mesin serta peralatan lain. Komponen yang dihasilkan di luar tapak, setelah siap ianya akan dihantar ke Kawasan pengumpulan untuk edaran ke tapak pembinaan (Leviat, 2023).

Semua sistem pembinaan terkini di luar negara menggunakan hampir 100 peratus IBS dengan Singapura dan Australia adalah contoh terbaik (Berita Harian, 2020). *Housing and Development*

¹ Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Board (HDB) Singapura telah meningkatkan penggunaan kaedah pembinaan berasaskan IBS dalam projek perumahan BTO (*Build-To-Order*). Ini termasuk penggunaan komponen pasang siap seperti dinding dan lantai yang dihasilkan di kilang sebelum dipasang di tapak pembinaan bagi mengurangkan masa pembinaan dan mengurangkan gangguan kepada persekitaran sekeliling. (Asiah Abdul Rahim, 2018) Di samping itu, penggunaan prinsip *Design for Manufacturing and Assembly* (DfMA) di Singapura telah menyokong peningkatan keberkesanan IBS. DfMA membantu dalam merancang dan mereka bentuk komponen bangunan untuk pembuatan dan pemasangan yang lebih mudah, efisien dan seterusnya meningkatkan kualiti dan ketepatan dalam projek pembinaan (Mohammed Izrai Abd Razak, 2022).

IBS di Malaysia telah berkembang dengan kukuh sejak 15 tahun lepas dipacu oleh Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 - 2020, Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2021 - 2025 dan Pelan Strategik Pembinaan 4.0 2021 - 2025. Pelan strategik ini dibangunkan selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Dasar Industri 4.0 Nasional (Industry4WRD). Selain itu, ianya menyokong dan melengkapi dasar-dasar nasional yang lain antaranya adalah Pelan Hala Tuju Strategik *Internet of Things* (IoT) Kebangsaan, Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia dan Dasar Ekonomi Digital (Construction Research Institute of Malaysia (CREAM), 2024).

Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Kedah 2035, IBS terkandung di dalam Dasar Ketiga, Kemampanan Alam Sekitar iaitu Pengaplikasian Teknologi dan Gaya Hidup Hijau Dalam Kehidupan. Kerajaan Negeri Kedah menggalakkan penggunaan bahan-bahan binaan jenis IBS di dalam rekabentuk projek-projek baharu yang akan dibangunkan. Hal ini jelas menunjukkan sokongan Kerajaan Negeri Kedah dalam memperkasa teknologi pembinaan di negeri ini (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah, 2020). Contoh terkini adalah Terminal dan Bangunan Kastam dan Imigresen di Jeti Kuah, Langkawi yang mengaplikasikan sistem IBS dalam binaannya. Mengambil masa hanya 16 bulan, pengubahsuaian dan pembangunan telah siap sepenuhnya dan boleh digunakan oleh orang ramai. Sistem IBS yang diguna pakai adalah "*Precast Concrete System*" manakala komponen IBS yang digunakan adalah "*Precast Column*", "*Precast Beams*", "*Precast Half Slabs*" dan "*Precast Staircase*" (IBS, CIDB, 2020).

Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkenaan Pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) turut dikuatkuasakan pada 15 Januari 2020. Menurut pekeliling ini, kerajaan bersetuju untuk mewajibkan penggunaan kaedah IBS bagi projek kerajaan bernilai RM10 juta dan ke atas dengan kadar minimum 70 peratus nilai skor IBS serta menetapkan koordinasi modular untuk dijadikan sebagai piawaian dalam reka bentuk bangunan. Pelaksanaan IBS ini adalah terpakai untuk perolehan kerja secara tender dan rundingan terus. Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah IBS juga dilampirkan untuk rujukan terperinci kontraktor binaan. Dengan ini, secara tidak langsung menunjukkan bahawa Kerajaan menyokong penuh pelaksanaan IBS dalam sektor Pembinaan di Malaysia.

Walaupun pelbagai pendekatan telah diambil kerana kelebihannya, pembinaan menggunakan IBS juga menghadapi cabaran dan had yang perlu dipertimbangkan. Menurut Sharizan Rosely, Penganalisis CGS-CIMB Research, penggunaan IBS juga masih rendah dalam projek sektor swasta berbanding awam dan antara faktornya disebabkan penambahan dari segi kos pembinaan yang mungkin diterjemahkan ke dalam ruang yang terhad bagi menyalurkan kos kepada pengguna untuk kategori daripada hartanah (ZAINON, 2022).

Menurut Presiden 'Real Estate and Housing Developers Association Malaysia' (REHDA), Datuk Seri FD Iskandar, terdapat banyak isu-isu berkaitan dengan penggunaan IBS yang masih dipersoalkan, termasuklah kos mesin yang tinggi dan kemahiran pekerja akibat kekangan skala ekonomi yang rendah, perspektif negatif terhadap kualiti IBS dan persediaan kepakaran pekerja dalam penggunaan sistem ini (Hee, 2017). Isu-isu yang dinyatakan tersebut merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh Sektor Pembinaan di Negeri Kedah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam Sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

2.0 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengkaji sama ada terdapat perbezaan signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di negeri Kedah. Cabaran-cabaran tersebut adalah kos pembinaan yang tinggi, persaingan dengan sistem konvensional, risiko kerugian yang tinggi, kekurangan tenaga kerja mahir, kekurangan pengetahuan dan kemahiran serta pematuhan keselamatan dan kualiti yang ketat.

3.0 Metodologi Kajian

3.1 Sumber data

Pengumpulan data dilakukan melalui borang soal selidik yang dihasilkan berdasarkan kajian terdahulu. Soal selidik ini menggunakan skala *Likert*, skala jawapan Ya atau Tidak dan soalan berbentuk terbuka. Skala *Likert* mengandungi lima (5) pilihan jawapan turut digunakan. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden Survei Pembinaan Suku Tahunan (Suku Tahun Pertama 2024) dengan merujuk kepada pelaksanaan projek tahun 2023.

3.2 Metodologi

One-way Analysis of Variance (ANOVA) atau *Kruskal-Wallis Test* digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh bagi menentukan jika terdapat perbezaan signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di negeri Kedah. Jika semua prasyarat-prasyarat dipenuhi, kajian ini akan menggunakan *One-way Analysis of Variance* (ANOVA), namun jika sebaliknya, kajian ini akan menggunakan *Kruskal-Wallis Test*. Semua analisis dijalankan dengan bantuan perisian *Python*.

3.2.1 One-way Analysis of Variance (ANOVA)

Ujian *One-way Analysis of Variance* (ANOVA) merupakan satu ujian parametrik yang digunakan untuk menganalisis data di antara dua atau lebih kumpulan sama ada terdapat perbezaan signifikan di antara dua atau lebih kumpulan tersebut atau tidak. Sebelum menjalankan *One-way Analysis of Variance* (ANOVA), terdapat beberapa prasyarat untuk dipenuhi iaitu:

1. **Normaliti:** Data dalam setiap kumpulan harus mengikuti taburan normal.
2. **Independen:** Pemerhatian dalam setiap kumpulan harus saling bebas.
3. **Kehomogenan Varians:** Varians kedua-dua atau lebih kumpulan harus lebih kurang sama.

H_0 : Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara purata tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di negeri Kedah.

H_1 : Wujud perbezaan yang signifikan di antara purata tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di negeri Kedah.

Jika nilai p kurang daripada aras kepentingan, p -value (biasanya 0.05), kita menolak hipotesis tidak wujud perbezaan dan menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua atau lebih kumpulan tersebut.

3.2.2 Kruskal-Wallis Test

Kruskal-Wallis Test adalah ujian bukan parametrik dan tidak memerlukan prasyarat normaliti atau kehomogenan varians. Ujian ini membantu mengesan perbezaan yang signifikan di antara dua atau lebih kumpulan dan memberikan alternatif yang sesuai apabila prasyarat ujian *One-way Analysis of Variance* (ANOVA) tidak dipenuhi. Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H_0 : Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara median tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di negeri Kedah.

H_1 : Wujud perbezaan yang signifikan di antara median tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di negeri Kedah.

Jika nilai p kurang daripada aras kepentingan, p -value (biasanya 0.05), kita menolak hipotesis tidak wujud perbezaan dan menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara median dua atau lebih kumpulan tersebut.

4.0 Sorotan Literatur

Tempoh merujuk kepada jangka masa yang diperuntukkan untuk menyelesaikan sesuatu projek pembinaan atau kerja-kerja pembinaan tertentu. Tempoh ini melibatkan waktu yang diperlukan untuk melakukan perancangan, pembelian bahan-bahan, pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan penyempurnaan projek. Penglibatan pula merujuk kepada tindakan atau proses seseorang atau sesuatu entiti mengambil bahagian atau terlibat dalam suatu aktiviti atau sektor tertentu. Di sini, ia merujuk kepada sejauh mana pemain industri terlibat dalam Sektor Pembinaan. ((DBP), 2024) Secara umumnya, tempoh penglibatan yang lebih lama cenderung memberikan kelebihan dalam mengatasi cabaran dan memaksimumkan manfaat IBS. Kontraktor yang berpengalaman juga dapat mengendalikan projek dengan lebih cekap dan mengelakkan

masalah yang tidak dijangka. Menurut Mojtaba Saeedi dan Mohammad Reza Kavian pour (2017), semakin berpengalaman kontraktor dalam mengaplikasikan penggunaan kaedah dan teknologi moden dalam pembinaan, semakin baik kualiti dan prestasi struktur serta kemudahan yang diperoleh dan juga semakin sedikit pemasangan semula yang diperlukan.

Pemain industri dalam sektor Pembinaan boleh didefinisikan sebagai semua pihak yang terlibat dalam industri pembinaan termasuk kontraktor, pemaju, arkitek, jurutera, pembekal bahan dan pihak berkuasa yang berkaitan. Mereka bertanggungjawab untuk perancangan, pelaksanaan dan pengurusan projek pembinaan (Hee, 2017).

Cabaran penggunaan IBS bermaksud kesukaran atau halangan yang dihadapi dalam pelaksanaan dan penggunaan IBS. Cabaran ini termasuk kos awal yang tinggi, kekurangan pekerja mahir, masalah logistik dan persepsi negatif terhadap kualiti IBS (Masjaya Eco Construction Sdn. Bhd., 2023).

Beberapa kajian lepas turut menjelaskan berkenaan cabaran penggunaan IBS dalam sektor Pembinaan. Menurut Nawawi, M.N.M (2008), kajian yang dijalankan mendapati halangan-halangan ke arah menggunakan teknologi IBS adalah kos pembinaan yang tinggi, persaingan dengan sistem konvensional, risiko kerugian yang tinggi, peningkatan kos pengangkutan, kekurangan pengetahuan dan masalah kebocoran pada komponen sambungan sesebuah bangunan. Keputusan menunjukkan faktor kos yang lebih tinggi berbanding sistem konvensional merupakan halangan utama ke arah penggunaan IBS dengan majoriti 87 peratus daripada responden bersetuju sebaliknya hanya 13 peratus sahaja responden yang tidak bersetuju terhadap faktor ini. Ini diikuti dengan faktor persaingan dengan sistem konvensional iaitu sebanyak 83 peratus adalah bersetuju dan selebihnya 17 peratus adalah tidak bersetuju. Risiko kerugian juga antara faktor halangan dalam mengaplikasikan teknologi IBS iaitu sebanyak 79 peratus bersetuju dengan faktor ini manakala 21 peratus pula tidak bersetuju. Seterusnya tiga faktor lain yang menjadi halangan penggunaan IBS adalah faktor kos pengangkutan yang tinggi dengan 75 peratus bersetuju sementara 25 peratus tidak bersetuju, faktor kurang pengetahuan iaitu 73 peratus bersetuju manakala 27 peratus tidak bersetuju dan faktor masalah kebocoran dengan 67 peratus bersetuju dan selebihnya memberi jawapan tidak bersetuju.

Mohd Syafiq Che Ngah dan Dr. Rohaizah Saad (2013), telah menjalankan kajian tentang faktor penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) di Malaysia. Di antara dapatan kajian adalah teknologi IBS ini mempunyai beberapa kekurangan iaitu, masalah tenaga mahir kerana ianya masih baru dan jika para pekerja dilatih ia mampu untuk menjadi penghalang kepada masalah tersebut. Seterusnya masalah modal, contohnya penyediaan jentera untuk pengangkutan komponen ke tapak projek.

Menurut Abd. Hamid (2011), perpecahan dalam aliran kesempurnaan rantai bekalan pembinaan adalah sebagai punca utama kitaran aliran rantai pembekalan cacat serta tidak sempurna, malah bermasalah. Perpecahan ini bermaksud kurang kesepakatan secara berpasukan dalam menjayakan satu aliran dan kesempurnaan jalinan rantai bekalan hingga ke pengguna akhir. Selain itu kata beliau, rantai bekalan IBS memerlukan kawalan ketat bahan-bahan dan pengurusan sumber untuk memastikan kesinambungan dan penghantaran komponen pembinaan tepat pada masanya ke tapak pembinaan. Rantai bekalan diuruskan dengan cara yang membolehkan kontraktor mengawal sepenuhnya proses itu dengan niat untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing.

Melalui Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030, turut dinyatakan cabaran yang dihadapi oleh pemain industri dalam penerimgunaan teknologi IBS di Malaysia. Dalam konteks umum, isu-isu ini berkait dengan Perbelanjaan Modal (CAPEX) dan kos permulaan yang tinggi. Oleh kerana kos pendahuluan tinggi, CAPEX diperlukan dalam mendirikan kilang IBS, mendapatkan peralatan, perisian canggih dan menggaji professional berkemahiran tinggi. Maka, penggunaan IBS jauh lebih sesuai untuk projek pembinaan yang besar dan kawasan bandar dengan kemampuan untuk mencapai ekonomi skala. Dari segi penyertaan Bumiputera, penglibatan mereka dalam IBS masih agak rendah. Walaupun kontraktor Bumiputera merupakan 83 peratus daripada kontraktor binaan, pada masa ini hanya 27 peratus daripada pembekal Bumiputera IBS yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Selain itu, majoriti kontraktor tidak mempunyai akses kepada latihan dan pengetahuan terkini sehingga menjadikan mereka kurang berdaya saing dalam rantai bekalan IBS. (TERAJU, 2020) Menerusi Laporan IBS Malaysia 2021, hasil dapatan menunjukkan kontraktor berhasrat untuk menggunakan IBS dalam projek pembinaan mereka. Walau bagaimanapun, disebabkan kapasiti dan pengetahuan yang terhad, kontraktor mencadangkan latihan berkaitan IBS yang komprehensif disediakan kepada tenaga kerja pembinaan secara berterusan. Kontraktor juga menekankan kos tambahan seperti penyewaan peralatan dan mesin diperlukan untuk melaksanakan IBS.

5.0 Hasil dan Penemuan

5.1 Statistik Deskriptif

Borang soal selidik yang dihantar kepada 260 responden Survei Pembinaan Suku Tahunan mendapati sebanyak 244 responden telah memberikan komitmen mereka untuk menjayakan kajian ini (93.8 peratus). Berdasarkan daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 responden menyatakan bahawa mereka menggunakan IBS pada tahun 2023 iaitu mewakili 16.8 peratus. Manakala responden yang tidak menggunakan IBS di dalam projek mereka pada tahun 2023 adalah sebanyak 203 responden atau 83.2 peratus. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada responden yang tidak menggunakan IBS dalam projek pembinaan mereka.

Daripada jumlah responden yang tidak menggunakan IBS tersebut, kajian mendapati bahawa majoriti pemain industri dalam Sektor Pembinaan di Kedah mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun dengan jumlah 130 responden berbanding kategori tempoh penglibatan yang lain. Kategori tempoh penglibatan 6 hingga 10 tahun adalah yang kedua tertinggi dengan 46 responden manakala kategori 1 hingga 5 tahun mempunyai bilangan pemain industri terendah dengan 27 responden. Ini menunjukkan bahawa terdapat banyak pemain industri yang telah lama berkecimpung dalam Sektor Pembinaan di Negeri Kedah seperti pada Carta 1 (a).

Carta 1(a): Bilangan Responden Mengikut Tempoh Penglibatan Dalam Sektor Pembinaan di Negeri Kedah



5.2 Ujian Normaliti

Ujian normaliti adalah salah satu prasyarat yang wajib dilakukan untuk menentukan statistik inferensi yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Ujian normaliti bagi taburan data boleh dibahagi kepada dua cara iaitu sama ada melalui graf (histogram, Q-Q Plot) atau ujian statistik. Tiga kaedah atau ujian statistik yang biasa digunakan untuk menguji kenormalan data ialah:

- i. Ujian Kolmogorov-Smirnov,
- ii. Ujian Saphiro-Wilk atau
- iii. Skewness dan Kurtosis

Ujian Saphiro-Wilk adalah ujian terbaik kerana ujian ini adalah sangat sesuai bagi ujian kenormalan pada saiz sampel yang kecil berbanding dengan ujian-ujian lain (Nor Aishah Ahmad, 2011). Oleh itu, kajian ini menjalankan ujian Shapiro-Wilk, Histogram dan Quantile-Quantile plot dalam menentukan normaliti data terhadap 6 cabaran yang terdapat dalam kajian ini iaitu kos pembinaan yang tinggi, persaingan dengan sistem konvensional, risiko kerugian yang tinggi, kekurangan tenaga kerja mahir, kekurangan pengetahuan dan kemahiran serta pematuhan keselamatan dan kualiti yang ketat.

5.2.1 Ujian Saphiro-Wilk

Berikut adalah keputusan bagi ujian-ujian berikut:

```
import pandas as pd
from scipy import stats
from scipy.stats import shapiro

data_cabaran1 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 1.csv')
data_cabaran2 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 2.csv')
data_cabaran3 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 3.csv')
data_cabaran4 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 4.csv')
data_cabaran5 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 5.csv')
data_cabaran6 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 6.csv')
```

i. Kos Pembinaan yang Tinggi

Data Cabaran 1

```
data_cabaran1.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Kos_pembinaan_yang_tinggi
0	> 10 Tahun	2
1	6 - 10 Tahun	3
2	> 10 Tahun	2
3	> 10 Tahun	4
4	> 10 Tahun	4

```
# Normality test using Shapiro-Wilk Test
shapiro(data_cabaran1['Kos_pembinaan_yang_tinggi'])

# P-value less than 0.05, thus reject the assumption where the data is normally distributed.

ShapiroResult(statistic=0.8561485409736633, pvalue=6.701804367535702e-13)
```

Berdasarkan hasil ujian *Shapiro-Wilk*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan ($p\text{-value}: 0.05$). Oleh itu, ujian ini menunjukkan data cabaran 1, kos pembinaan yang tinggi tidak mengikuti distribusi normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Kruskal Wallis Test*) untuk meneruskan kajian ini.

ii. Persaingan dengan sistem konvensional

Data Cabaran 2

```
data_cabaran2.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Persaingan_dengan_sistem_konvensional
0	> 10 Tahun	4
1	6 - 10 Tahun	4
2	> 10 Tahun	4
3	> 10 Tahun	4
4	> 10 Tahun	4

```
# Normality test using Shapiro-Wilk Test
shapiro(data_cabaran2['Persaingan_dengan_sistem_konvensional'])

# P-value less than 0.05, thus reject the assumption where the data is normally distributed.

ShapiroResult(statistic=0.7696978449821472, pvalue=1.495384258213856e-16)
```

Berdasarkan hasil ujian *Shapiro-Wilk*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan ($p\text{-value}: 0.05$). Oleh itu, ujian ini menunjukkan data cabaran 2, persaingan dengan sistem konvensional dalam kajian ini tidak mengikuti distribusi normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Kruskal Wallis Test*) untuk meneruskan kajian ini.

iii. Risiko kerugian yang tinggi

Data Cabaran 3

```
data_cabaran3.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Risiko_kerugian_yang_tinggi
0	> 10 Tahun	4
1	6 - 10 Tahun	4
2	> 10 Tahun	4
3	> 10 Tahun	4
4	> 10 Tahun	4

```
# Normality test using Shapiro-Wilk Test
shapiro(data_cabaran3['Risiko_kerugian_yang_tinggi'])

# P-value less than 0.05, thus reject the assumption where the data is normally distributed.
ShapiroResult(statistic=0.8066743612289429, pvalue=3.902399796129651e-15)
```

Berdasarkan hasil ujian *Shapiro-Wilk*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan data cabaran 3, risiko kerugian yang tinggi tidak mengikuti distribusi normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Kruskal Wallis Test*) untuk meneruskan kajian ini.

iv. Kekurangan Tenaga Kerja Mahir

Data Cabaran 4

```
data_cabaran4.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Kekurangan_tenaga_kerja_mahir
0	> 10 Tahun	4
1	6 - 10 Tahun	4
2	> 10 Tahun	4
3	> 10 Tahun	2
4	> 10 Tahun	4

```
# Normality test using Shapiro-Wilk Test
shapiro(data_cabaran4['Kekurangan_tenaga_kerja_mahir'])

# P-value less than 0.05, thus reject the assumption where the data is normally distributed.
ShapiroResult(statistic=0.8089006543159485, pvalue=4.815334024262704e-15)
```

Berdasarkan hasil ujian *Shapiro-Wilk*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan data cabaran 4, kekurangan tenaga kerja mahir tidak mengikuti distribusi normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Kruskal Wallis Test*) untuk meneruskan kajian ini.

v. Kekurangan Pengetahuan dan Kemahiran

Data Cabaran 5

```
data_cabaran5.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Kekurangan_pengetahuan_dan_kemahiran
0	> 10 Tahun	4
1	6 - 10 Tahun	4
2	> 10 Tahun	4
3	> 10 Tahun	2
4	> 10 Tahun	4

```
# Normality test using Shapiro-Wilk Test
shapiro(data_cabaran5['Kekurangan_pengetahuan_dan_kemahiran'])

# P-value less than 0.05, thus reject the assumption where the data is normally distributed.

ShapiroResult(statistic=0.8535110354423523, pvalue=4.949164992759658e-13)
```

Berdasarkan hasil ujian *Shapiro-Wilk*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan data cabaran 5, kekurangan pengetahuan dan kemahiran tidak mengikuti distribusi normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Kruskal Wallis Test*) untuk meneruskan kajian ini.

vi. Pematuhan Keselamatan dan Kualiti yang ketat

Data Cabaran 6

```
data_cabaran6.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Pematuhan_keselamatan_dan_kualiti_yang_ketat
0	> 10 Tahun	3
1	6 - 10 Tahun	4
2	> 10 Tahun	4
3	> 10 Tahun	4
4	> 10 Tahun	4

```
# Normality test using Shapiro-Wilk Test
shapiro(data_cabaran6['Pematuhan_keselamatan_dan_kualiti_yang_ketat'])

# P-value less than 0.05, thus reject the assumption where the data is normally distributed.

ShapiroResult(statistic=0.8015304207801819, pvalue=2.416659749174114e-15)
```

Berdasarkan hasil ujian *Shapiro-Wilk*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan data cabaran 6, pematuhan keselamatan dan kualiti yang ketat tidak mengikuti distribusi normal. Justeru, kajian ini akan menggunakan ujian bukan parametrik (*Kruskal Wallis Test*) untuk meneruskan kajian ini.

5.2.2 Kruskal-Wallis Test

Kruskal-Wallis Test adalah ujian bukan parametrik dan tidak memerlukan prasyarat normaliti atau kehomogenan varians. Ujian ini membantu mengesan perbezaan yang signifikan antara dua atau lebih kumpulan dan memberikan alternatif yang sesuai apabila prasyarat ujian *One-way Analysis of Variance* (ANOVA) tidak dipenuhi. Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

H_0 : Tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara median tempoh penglibatan pemain industri dalam Sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

H_1 : Wujud perbezaan yang signifikan di antara median tempoh penglibatan pemain industri dalam Sektor Pembinaan dengan cabaran dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

i. Kos Pembinaan yang Tinggi

Data Cabaran 1

```
data_cabaran1 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 11.csv')
data_cabaran1.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Kos_pembinaan_yang_tinggi
0	20	2
1	10	3
2	15	2
3	25	4
4	13	4

```
stats.kruskal(data_cabaran1['Tempoh_Penglibatan'], data_cabaran1['Kos_pembinaan_yang_tinggi'])
KruskalResult(statistic=229.5320360116827, pvalue=7.54046570223818e-52)
```

Berdasarkan hasil ujian *Kruskal-Wallis*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor pembinaan dengan cabaran 1, kos pembinaan yang tinggi dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

ii. Persaingan dengan sistem konvensional

Data Cabaran 2

```
data_cabaran2 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 22.csv')
data_cabaran2.head()
```

	Tempoh_penglibatan	Persaingan_dengan_sistem_konvensional
0	20	4
1	10	4
2	15	4
3	25	4
4	13	4

```
stats.kruskal(data_cabaran2['Tempoh_penglibatan'], data_cabaran2['Persaingan_dengan_sistem_konvensional'])
KruskalResult(statistic=227.25561617916722, pvalue=2.3651693690940727e-51)
```

Berdasarkan hasil ujian *Kruskal-Wallis*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran 2, persaingan dengan sistem konvensional dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

iii. Risiko kerugian yang tinggi

Data Cabaran 3

```
data_cabaran3 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 33.csv')
data_cabaran3.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Risiko_kerugian_yang_tinggi
0	20	4
1	10	4
2	15	4
3	25	4
4	13	4

```
stats.kruskal(data_cabaran3['Tempoh_Penglibatan'], data_cabaran3['Risiko_kerugian_yang_tinggi'])
KruskalResult(statistic=229.3324659196401, pvalue=8.335305771560585e-52)
```

Berdasarkan hasil ujian *Kruskal-Wallis*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran 3, risiko kerugian yang tinggi dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

iv. Kekurangan Tenaga Kerja Mahir

Data Cabaran 4

```
data_cabaran4 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 44.csv')
data_cabaran4.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Kekurangan_tenaga_kerja_mahir
0	20	4
1	10	4
2	15	4
3	25	2
4	13	4

```
stats.kruskal(data_cabaran4['Tempoh_Penglibatan'], data_cabaran4['Kekurangan_tenaga_kerja_mahir'])
KruskalResult(statistic=224.65426293904355, pvalue=8.734081714482871e-51)
```

Berdasarkan hasil ujian *Kruskal-Wallis*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran 4, kekurangan tenaga kerja mahir dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

v. Kekurangan Pengetahuan dan Kemahiran

Data Cabaran 5

```
data_cabaran5 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 55.csv')
data_cabaran5.head()
```

	Tempoh_Penglibatan	Kekurangan_pengetahuan_dan_kemahiran
0	20	4
1	10	4
2	15	4
3	25	2
4	13	4

```
stats.kruskal(data_cabaran5['Tempoh_Penglibatan'], data_cabaran5['Kekurangan_pengetahuan_dan_kemahiran'])
KruskalResult(statistic=225.04862087965938, pvalue=7.164831490141778e-51)
```

Berdasarkan hasil ujian *Kruskal-Wallis*, nilai p yang diperoleh adalah $[p=0.000]$ adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran 5, kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

vi. Pematuhan Keselamatan dan Kualiti yang ketat

Data Cabaran 6

```
data_cabaran6 = pd.read_csv('C:\\Users\\Nur Adilah\\Cabaran 66.csv')
data_cabaran6.head()
```

	Tempoh_penglibatan	Pematuhan_keselamatan_dan_kualiti_yang_ketat
0	20	3
1	10	4
2	15	4
3	25	4
4	13	4

```
stats.kruskal(data_cabaran6['Tempoh_penglibatan'], data_cabaran6['Pematuhan_keselamatan_dan_kualiti_yang_ketat'])
KruskalResult(statistic=227.50083041434172, pvalue=2.0911370005752034e-51)
```

Berdasarkan hasil ujian *Kruskal-Wallis*, nilai p yang diperoleh adalah [$p=0.000$] adalah lebih kecil daripada aras signifikansi yang ditetapkan (p -value: 0.05). Oleh itu, ujian ini menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan di antara tempoh penglibatan pemain industri dalam sektor Pembinaan dengan cabaran 6, pematuhan keselamatan dan kualiti yang ketat dalam penggunaan IBS di Negeri Kedah.

6.0 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati tempoh penglibatan pemain industri dalam Sektor Pembinaan di Negeri Kedah tidak menunjukkan perbezaan signifikan dengan setiap cabaran penggunaan IBS yang disenaraikan. Hal ini bermaksud, walaupun tempoh penglibatan pemain industri adalah berbeza, ia tidak mempengaruhi cabaran penggunaan IBS iaitu kos pembinaan yang tinggi, persaingan dengan sistem konvensional, risiko kerugian yang tinggi, kekurangan tenaga mahir, kekurangan pengetahuan dan kemahiran serta pematuhan keselamatan dan kualiti yang ketat. Majoriti responden memaklumkan bahawa mereka telah didedahkan dengan penggunaan IBS dan berminat untuk menggunakannya namun bergantung kepada nilai projek. Projek bernilai tinggi berpotensi untuk menggunakan IBS kerana memerlukan pelaburan awal yang tinggi untuk membina kilang dan membeli peralatan yang diperlukan. Perancangan kewangan yang teliti dan pembiayaan yang mencukupi dapat membantu mengatasi cabaran ini. Ringkasnya, kesinambungan usaha dari semua pihak terlibat mampu menjadikan IBS terus menjadi penanda aras dalam pembinaan bangunan yang efisien, selamat dan mampan.

7.0 Rujukan

- (DBP), D. B. (2024). *Kamus Online*. Retrieved from Pusat Rujukan Persuratan Melayu: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tempoh>
- Abd. Hamid, Z. M. (2011). Industrialised Building System (IBS) Construction Supply-Chain. *Sixth International Conference on Construction*.
- Asiah Abdul Rahim, S. L. (2018). A Review of IBS Implementation in Malaysia and Singapore. *PLANNING MALAYSIA*, 323 - 333.
- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah. (2020). *Rancangan Struktur Negeri Kedah 2035*. KEDAH: BPEN Kedah.
- Berita Harian. (2020, December 30). *Pengguna IBS Meningkat*. Retrieved from CIDB IBS: <https://cidbibsofficial.medium.com/penggunaan-ibs-meningkat-c16e8b14904a>
- BERNAMA. (2023, February 10). *Malaysia Rekod Pertumbuhan KDNK 8.7 Peratus Pada 2022, Tertinggi Dalam Tempoh Dua Dekad*. Retrieved from BERNAMA.COM: <https://bernama.com/bm/news.php?id=2163344>
- CIDB. (2024). *Teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS)*. Retrieved from CIDB Malaysia: <https://www.cidb.gov.my/ibs/#apakahibs>
- Construction Research Institute of Malaysia (CREAM). (2024). *Construction Research Institute of Malaysia (CREAM)*. Retrieved from Pelan Strategik Pembinaan (2021-2025): <https://www.cream.my/pelan-strategik-pembinaan-2021-2025>
- Hee, M. A. (2017). Penggunaan IBS di Malaysia - Kelebihan dan Cabarannya. *IPM Professional Services*.
- IBS, CIDB. (2020, November 30). *10 Bukti Projek Pembinaan Menggunakan Kaedah IBS yang Anda Tahu Tanpa Anda Sedari*. Retrieved from Medium: <https://cidbibsofficial.medium.com/10-bukti-projek-pembinaan-menggunakan-kaedah-ibs-yang-anda-tahu-tanpa-anda-sedari-7b6c240cab6>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan Sosioekonomi Negeri Kedah*. Jabatan Perangkaan Malaysia .
- Leviat. (2023). *Industrialized Building System: The Malaysian Approach*. Retrieved from Moment-Solution.Com: <http://www.moment-solutions.com/industrialized-building-system-the-malaysian-approach/>
- Masjaya Eco Construction Sdn. Bhd. (2023, Disember 27). *Menganalisis Kos Pembinaan IBS di Malaysia*. Retrieved from RumahIBS: <https://ibsfocus.my/menganalisis-kos-pembinaan-ibs-di-malaysia/>
- Mohammed Izrai Abd Razak, M. A. (2022). *DfMA for a Better Industrialised Building System. buildings*.
- Mohd Nasrun Mohd Naw, F. Z. (2008). Kajian perspektif di kalangan pemaju perumahan tentang Sistem Binaan Bangunan Berindustri (IBS) di Negeri Kedah dan Perlis. *National Seminar on Science, Technology & Social Science (STSS)*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Mojtaba Saeedi, M. R. (2017). Study the Effects of Construction's New. *Journal of Civil Engineering and Materials Application*.

- Nor Aishah Ahmad, T. S. (2011). Sensitivity of Normality Tests to Non-normal Data. *ResearchGate*.
- Nurulhuda Mat Kilau, M. Z. (2021). *Laporan IBS Malaysia 2021*. Construction Research Institute of Malaysia.
- Perbendaharaan, P. (2020). *Pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS)*. Malaysia: Kerajaan Malaysia.
- Saad, M. S. (2013). Faktor Penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) di Malaysia. *Prosiding Simposium Pengurusan Teknologi, Operasi & Logistik (SIPTIK IV)*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- TERAJU. (2020). *Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TBP2030)*. Jabatan Perdana Menteri.
- ZAINON, Z. (2022, Mac 23). *Penggunaan IBS di Malaysia masih ketinggalan terutama projek pembinaan swasta*. Retrieved from Dagang News.Com: <https://www.dagangnews.com/article/penggunaan-ibs-di-malaysia-masih-ketinggalan-terutama-projek-pembinaan-swasta-14075>

BAB 3

DEMOGRAFI SOSIAL



**PENDUDUK
KELAHIRAN
KESUBURAN
KEMATIAN
JANGKAAN HAYAT**

**MIGRASI
TENAGA BURUH
GAJI & UPAH
STATISTIK SISWAZAH**

**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN
ISI RUMAH**

3 | DEMOGRAFI SOSIAL

PENDUDUK



Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk

Anggaran penduduk Kedah bertambah daripada 2.16 juta pada tahun 2022 kepada 2.19 juta pada tahun 2023 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 1.1 peratus. Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2023 adalah 95.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Kedah.

Jadual 3.1 Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Kedah, 2022-2023

Penduduk	2022	2023 ^p	Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%)
Bilangan penduduk ('000)	2,163.1	2,187.5	1.1

Struktur umur

Struktur umur penduduk dikategorikan kepada tiga kumpulan umur utama iaitu umur muda, umur bekerja dan umur tua. Pada tahun 2023, peratusan umur muda mencatatkan penurunan kepada 24.4 peratus (2022: 24.9%) manakala peratusan penduduk kumpulan umur tua meningkat kepada 8.8 peratus (2022: 8.3%). Peratusan penduduk umur bekerja kekal pada 66.8 peratus bagi tahun 2023.

Jadual 3.2 Struktur umur penduduk, Kedah, 2022-2023

Kumpulan umur	2022 (%)	2023 ^p (%)
Penduduk berumur 0-14 tahun (umur muda)	24.9	24.4
Penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja)	66.8	66.8
Penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua)	8.3	8.8



2.19 juta

Penduduk
Kedah,
2023^p



Warganegara

95.5% (2023^p)
95.9% (2022)



**Bukan
Warganegara**
4.5% (2023^p)
4.1% (2022)



Nisbah Jantina

♂ : ♀
104 : 100
Lelaki : Perempuan



36.5

Nisbah tanggungan
umur muda,
2023^P



13.2

Nisbah tanggungan
umur tua,
2023^P

Nisbah jantina

Nisbah jantina penduduk Kedah kekal sama pada tahun 2023 dengan nisbah 104 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan

Nisbah tanggungan jumlah penduduk Kedah menurun kepada 49.6 (2023) daripada 49.7 pada tahun 2022. Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan peningkatan daripada 12.8 pada tahun 2022 kepada 13.2 pada tahun 2023 manakala nisbah tanggungan umur muda menurun kepada 36.5 pada tahun 2023 berbanding 36.9 pada tahun 2022.

Jadual 3.3 Nisbah tanggungan, Kedah, 2022-2023

Nisbah tanggungan	2022	2023 ^P
Umur muda	36.9	36.5
Umur tua	12.8	13.2
Jumlah	49.7	49.6

Kumpulan etnik warganegara


Pada tahun 2023, peratusan Bumiputera menunjukkan peningkatan kepada 80.7 peratus (2022: 80.5%) manakala Cina dan Etnik lain mencatatkan penurunan kepada 11.9 peratus (2022: 12.0%) dan 1.2 peratus (2022: 1.3%). India kekal sama pada 6.2 peratus bagi tahun 2023 daripada keseluruhan warganegara di Kedah.

Jadual 3.4 Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Kedah, 2022-2023

Kumpulan etnik warganegara Kedah	2022(%)	2023 ^P (%)
Bumiputera	80.5	80.7
Cina	12.0	11.9
India	6.2	6.2
Etnik lain	1.3	1.2


Penduduk mengikut daerah pentadbiran

Kuala Muda merupakan daerah yang mempunyai bilangan penduduk tertinggi pada tahun 2023 berbanding sebelas daerah pentadbiran yang lain dengan jumlah penduduk sebanyak 559.5 ribu diikuti daerah Kota Setar (379.2 ribu) dan Kulim (346.2 ribu). Daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan penduduk tertinggi bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2023 iaitu masing-masing 288.0 ribu dan 271.5 ribu.

Carta 3.1 Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Kedah, 2023

559.5 ribu

Kuala Muda mencatatkan bilangan penduduk tertinggi, 2023^P

Paparan 3.1 Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Kedah, 2023 ('000)

45.0 ribu

Bandar Baharu mencatatkan bilangan penduduk terendah, 2023^P

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
2. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.
3. ^P Permulaan



14.2

**Kadar kelahiran kasar
bagi setiap 1,000
penduduk, 2022**



16.5


**Bumiputera
Kadar kelahiran kasar
tertinggi bagi setiap
1,000 penduduk, 2022**

KELAHIRAN HIDUP

Kadar kelahiran kasar

Kadar kelahiran kasar di Kedah merekodkan penurunan daripada 15.4 pada 2021 kepada 14.2 pada 2022 bagi setiap 1,000 penduduk. Kadar kelahiran kasar bagi lelaki dan perempuan pada tahun 2022 turut menunjukkan penurunan berbanding tahun 2021 iaitu masing-masing menurun daripada 15.5 kepada 14.3 dan 15.2 kepada 14.1 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk.

Carta 3.2 Kadar kelahiran kasar, Kedah, 2011-2022



Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kelahiran kasar tertinggi pada tahun 2022 iaitu 16.5 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk, manakala Cina merekodkan kadar terendah iaitu 4.8 kelahiran. Kadar kelahiran kasar bagi India dan Etnik Lain pada tahun 2022 masing-masing adalah 7.9 dan 8.7 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.5 Kadar kelahiran kasar mengikut kumpulan etnik, Kedah, 2016-2022 (setiap 1,000 penduduk)

Kumpulan etnik	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Bumiputera	19.5	19.8	19.1	18.3	18.2	17.8	16.5
Cina	8.6	8.5	7.2	7.0	6.6	5.8	4.8
India	10.3	9.5	9.1	9.0	10.0	9.0	7.9
Etnik Lain ¹	8.2	8.2	8.7	9.0	9.3	7.6	8.7

¹Termasuk bukan warganegara

Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran


Daerah Kuala Muda merekodkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 6,493 kelahiran, manakala bilangan kelahiran terendah direkodkan di Bandar Baharu iaitu 623 kelahiran. Kadar kelahiran kasar tertinggi direkodkan di Baling dengan 19.7 bagi setiap 1,000 penduduk, manakala yang terendah direkodkan di Kuala Muda iaitu 11.8 kelahiran.



6,493 bayi

Kuala Muda mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi, 2022

Paparan 3.2 Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Kedah, 2022 (setiap 1,000 penduduk)



19.7

Baling mencatatkan kadar kelahiran kasar tertinggi, 2022



1.8 bayi

Kadar kesuburan jumlah
bagi setiap wanita
berumur 15-49 tahun,
2022



2.1 bayi

Bumiputera
Kadar kesuburan tertinggi
bagi setiap wanita
berumur 15-49 tahun, 2022

KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah

Kadar kesuburan jumlah bagi Kedah merekodkan penurunan daripada 2.0 bayi pada 2021 kepada 1.8 bayi pada 2022 bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun. **Carta 3.3** menunjukkan kadar kesuburan jumlah bagi Kedah berada di bawah paras penggantian iaitu purata 2.1 anak bagi setiap perempuan umur reproduktif (15-49 tahun).

Carta 3.3 Kadar kesuburan jumlah, Kedah, 2011-2022



Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik

Bumiputera merekodkan kadar kesuburan jumlah tertinggi pada tahun 2022 iaitu 2.1 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun, manakala kadar terendah direkodkan oleh Cina iaitu 0.7 anak. Kadar kesuburan jumlah bagi India dan Etnik Lain pada tahun 2022 masing-masing adalah 1.0 anak dan 1.5 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Kedah, 2016-2022 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

Kumpulan etnik	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Bumiputera	2.7	2.7	2.6	2.5	2.4	2.3	2.1
Cina	1.4	1.3	1.1	1.0	1.0	0.8	0.7
India	1.3	1.2	1.1	1.1	1.3	1.1	1.0
Etnik lain ¹	0.8	0.8	0.9	0.9	1.7	1.4	1.5

¹Termasuk bukan warganegara

KEMATIAN

Bilangan dan kadar kematian

Bilangan kematian di Kedah direkodkan sebanyak 17,628 kematian pada tahun 2022, menurun 4.5 peratus berbanding kematian pada tahun 2021 (18,457) kematian. Kadar kematian kasar adalah 8.1 kematian bagi setiap 1,000 penduduk (2021: 8.6 kematian).

Carta 3.4 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Kedah, 2010-2022 (setiap 1,000 penduduk)



Jadual 3.7 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Kedah, 2016-2022 (setiap 1,000 penduduk)

Kematian	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah kematian	13,771	14,332	14,552	14,302	13,671	18,457	17,628
Kadar kematian kasar (Lelaki)	7.2	7.4	7.5	7.3	7.1	9.2	8.9
Kadar kematian kasar (Perempuan)	5.8	6.0	5.9	5.8	5.7	7.9	7.4

Kematian bayi

Kadar kematian bayi pada tahun 2022 adalah 6.3 kematian, meningkat 0.2 mata berbanding 6.1 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2021.

Carta 3.5 Kadar kematian bayi, Kedah, 2010-2022



8.6 kematian

Bagi tempoh 2010-2022, kadar kematian kasar tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk adalah pada tahun 2021.



Jumlah Kematian



Lelaki
9,792 (55.5%)



Perempuan
7,836 (44.5%)



6.3 kematian

Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2022



81.7 kematian

Nisbah mortaliti ibu bersalin tertinggi, 2021 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup dalam tempoh




9.3 kematian

Cina
Kadar kematian tertinggi bagi setiap 1,000 penduduk, 2022

Nisbah mortaliti ibu bersalin

Nisbah mortaliti ibu bersalin pada tahun 2022 menurun kepada 35.7 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup berbanding 81.7 kematian pada tahun 2021.

Carta 3.6 Nisbah mortaliti ibu bersalin, Kedah, 2010-2022



Kadar kematian mengikut kumpulan etnik

Etnik Cina merekodkan kadar kematian kasar tertinggi iaitu 9.3 kematian bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2022, manakala Etnik Lain merekodkan kadar terendah iaitu 3.4 kematian. Kadar kematian kasar bagi Bumiputera dan India pada tahun 2022 masing-masing adalah 8.2 dan 9.1 bagi setiap 1,000 penduduk.

Jadual 3.8 Kadar kematian kasar mengikut etnik, Kedah, 2016-2022 (setiap 1,000 penduduk)


Etnik	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Bumiputera	6.6	6.9	6.9	6.6	6.5	8.6	8.2
Cina	7.2	7.3	7.5	7.5	7.5	9.0	9.3
India	6.7	6.8	7.1	7.6	7.5	11.2	9.1
Etnik Lain ¹	2.8	2.8	2.6	2.8	2.2	3.7	3.4

¹Termasuk bukan warganegara

Sebab kematian utama (disahkan secara perubatan)

Penyakit jantung iskemia merupakan sebab kematian yang mencatatkan peratusan kematian tertinggi iaitu 17.6 peratus (1,935 kematian). Ini diikuti oleh radang paru-paru dan penyakit serebrovaskular iaitu masing-masing 16.8 peratus dan 8.7 peratus.

Paparan 3.3 Tiga sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan, Kedah, 2022



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang disahkan secara perubatan.



Penyakit jantung iskemia


Sebab kematian utama yang disahkan secara perubatan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2022

Sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan, 2022

Tiga sebab kematian utama tidak disahkan secara perubatan pada tahun 2022 adalah sakit tua (65 tahun dan lebih) iaitu 3,182 kematian (47.8%) yang melibatkan 40.5 peratus lelaki dan 55.2 peratus perempuan. Ini diikuti oleh darah tinggi dan kencing manis dengan masing-masing sebanyak 7.0 peratus dan 6.0 peratus.



Paparan 3.4 Tiga sebab kematian utama yang tidak disahkan secara perubatan, Kedah, 2022



Nota: Statistik adalah merujuk kepada sebab kematian yang tidak disahkan secara perubatan.



Sakit tua

Sebab kematian utama tidak disahkan mencatatkan peratusan tertinggi pada 2022

Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran

Daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan kematian tertinggi pada tahun 2022 iaitu 3,822 kematian manakala daerah Bandar Baharu mencatatkan bilangan kematian terendah iaitu 455 kematian. Namun begitu, kadar kematian kasar tertinggi direkodkan di Pendang iaitu 11.4 kematian bagi setiap 1,000 penduduk manakala kadar terendah dicatatkan di Kulim pada kadar 6.5 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.



11.4


Pendang
mencatatkan kadar
kematian kasar tertinggi,
2022



69.9 tahun

Bayi lelaki
Jangkaan hayat
ketika lahir, 2023

Paparan 3.5 Bilangan dan kadar kematian kasar mengikut daerah pentadbiran, Kedah, 2022




JANGKAAN HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir

Seorang bayi perempuan yang lahir pada tahun 2023 di Kedah dijangka hidup lebih lama sehingga 75.8 tahun berbanding dengan seorang bayi lelaki, dijangka hidup sehingga 69.9 tahun.

Bagi tahun 2020 sehingga 2022, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki menurun 1.3 tahun dan perempuan menurun 1.5 tahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, jangkaan hayat ketika lahir bagi bayi lelaki meningkat 0.8 tahun dan bayi perempuan, meningkat 1.2 tahun.

Paparan 3.6 Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Kedah, 2018-2023




^p Permulaan
^e Anggaran

2018-2019 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010
2020-2023 : Berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Jangkaan hayat pada umur 15 tahun

Lelaki dan perempuan yang mencapai umur 15 tahun pada 2023 dijangka hidup selama 55.5 tahun dan 61.5 tahun lagi. Ini bermakna, lelaki pada umur 15 tahun dijangka hidup sehingga 70.5 tahun dan perempuan dijangka hidup sehingga 76.5 tahun.

Paparan 3.7 Jangkaan hayat pada umur 15 tahun mengikut jantina, Kedah, 2018-2023



61.5 tahun

Perempuan yang
berumur 15 tahun pada
2022 dijangka hidup



Jangkaan hayat pada umur 65 tahun

Lelaki dan perempuan yang berumur 65 tahun masing-masing dijangka hidup selama 14.1 tahun dan 16.6 tahun lagi. Ini bermakna, seorang lelaki yang berumur 65 tahun dijangka hidup sehingga 79.1 tahun dan perempuan sehingga 81.6 tahun.

Bagi tempoh 2018 sehingga 2023, perbezaan jangkaan hayat pada umur 65 tahun antara lelaki dan perempuan adalah di antara 2.1 hingga 2.6 tahun.

Paparan 3.8 Jangkaan hayat pada umur 65 tahun mengikut jantina, Kedah, 2018-2023



14.1 tahun

Lelaki yang
berumur 65 tahun
pada 2022 dijangka
hidup



MIGRASI

MIGRASI MALAYSIA



158.8 ribu

Bilangan migrasi
Malaysia, 2022


Penduduk berumur satu tahun dan ke atas yang telah berhijrah pada tahun 2022 menurun kepada 158.8 ribu orang (2020: 484.1 ribu orang). Kadar migrasi menurun kepada 0.5 peratus berbanding 1.5 peratus pada 2020.

Migrasi dalam negeri meningkat kepada 62.3 peratus pada 2022 berbanding 58.4 peratus pada 2020. Sebaliknya, migrasi antara negeri menunjukkan penurunan 0.9 mata peratus daripada 31.2 peratus pada 2020 kepada 30.3 peratus pada 2022.

Sementara itu, migrasi antarabangsa dari luar negara ke Malaysia menurun kepada 7.4 peratus pada 2022 berbanding 10.4 peratus pada 2020.



Carta 3.7 Penduduk berumur 1 tahun dan lebih mengikut status migrasi, Malaysia, 2020 dan 2022



0.5%

Kadar migrasi
Malaysia, 2022

MIGRASI NEGERI KEDAH

Kadar migrasi Kedah

Kedah mencatatkan kadar migrasi 0.5 peratus pada tahun 2022 berbanding 0.8 peratus pada 2020. Peratusan migrasi Kedah datangnya daripada migrasi dalam negeri iaitu 72.9 peratus, diikuti migrasi antara negeri (27.1%).

Migrasi antara negeri

Peratusan migrasi antara negeri bagi Kedah ialah 27.1 peratus pada tahun 2022, menurun berbanding 43.4 peratus pada tahun 2020. Migrasi bersih merekodkan Kedah sebagai negeri penerima migran iaitu meningkat 0.1 ribu orang kepada 0.3 ribu orang pada 2022 berbanding 0.2 ribu orang pada 2020. Sebahagian besar migran masuk ke Kedah adalah dari Selangor, Negeri Sembilan dan Kelantan. Manakala majoriti migran keluar dari Kedah berhijrah ke Perlis, Negeri Sembilan dan Selangor.

Jadual 3.9 Tiga negeri destinasi oleh migran keluar dari Kedah dan negeri asal oleh migran masuk ke Kedah, 2022

Negeri destinasi	Negeri asal
Perlis	Selangor
Negeri Sembilan	Negeri Sembilan
Selangor	Kelantan

Nisbah keberkesanan migrasi

Kedah mencatatkan nisbah keberkesanan migrasi positif pada 2022 iaitu 5.9 peratus. Ini menunjukkan penduduk Kedah bertambah seramai enam orang bagi setiap 100 orang migrasi kasar berbanding 2020 (1.3%).

Migrasi antara negeri mengikut aliran migrasi

Peratusan migrasi antara negeri dari bandar ke bandar di Kedah adalah lebih tinggi iaitu 91.8 peratus berbanding dari bandar ke luar bandar (8.2%).

Nota:

Data migrasi bersih dan data migrasi mengikut negeri asal dan destinasi bagi Kedah tertakluk kepada ralat piawai relatif yang tinggi dan perlu diguna dengan berhati-hati.



0.5%

Kadar migrasi
Kedah, 2022



5.9%

Nisbah keberkesanan
migrasi, Kedah
2022



TENAGA BURUH

Tenaga Buruh




955.1 ribu

Tenaga buruh di
Kedah,
2023

Tenaga buruh di Kedah bertumbuh sebanyak 2.4 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 2.9%). Sejumlah 955.1 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2023 berbanding 928.0 ribu orang pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 927.5 ribu orang pada tahun 2023 daripada 900.4 ribu orang pada tahun 2022.

Carta 3.8 Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Kedah, 2020-2023

('000)



927.5 ribu

Bilangan
penduduk bekerja,
2023

Penduduk bekerja

Kategori pekerja perkhidmatan & jualan mendominasi penduduk bekerja di Kedah dengan peratus sumbangan sebanyak 24.6 peratus pada tahun 2023. Ini diikuti oleh kategori operator mesin & loji serta pemasang dan kategori profesional dengan peratus sumbangan 14.5 peratus dan 11.4 peratus. Sementara itu, kategori pekerja mahir yang merangkumi kategori pengurus, profesional dan juruteknik & profesional bersekutu meliputi 25.1 peratus daripada keseluruhan pekerja di Kedah.

Jadual 3.10 Penduduk bekerja mengikut kategori pekerjaan, Kedah, 2020-2023

Kategori pekerjaan	Bilangan ('000)			
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023
Pengurus	24.9	28.0	32.8	31.2
Profesional	92.3	113.5	105.3	105.4
Juruteknik & profesional bersekutu	71.6	93.3	97.8	95.2
Pekerja sokongan perkeranian	49.7	82.1	71.7	70.5
Pekerja perkhidmatan & jualan	240.4	203.7	224.7	228.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	98.8	70.7	67.2	67.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	87.6	89.4	86.6	98.2
Operator mesin & loji dan pemasangan	108.6	113.9	121.1	134.1
Pekerja asas	93.0	85.5	93.2	97.2
Jumlah	867.0	880.1	900.4	927.5

Kategori pekerjaan	Komposisi (%)			
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023
Pengurus	2.9	3.2	3.6	3.4
Profesional	10.6	12.9	11.7	11.4
Juruteknik & profesional bersekutu	8.3	10.6	10.9	10.3
Pekerja sokongan perkeranian	5.7	9.3	8.0	7.6
Pekerja perkhidmatan & jualan	27.7	23.1	25.0	24.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan & perikanan	11.4	8.0	7.5	7.2
Pekerja kemahiran & pekerja pertukangan yang berkaitan	10.1	10.2	9.6	10.6
Operator mesin & loji dan pemasangan	12.5	12.9	13.4	14.5
Pekerja asas	10.7	9.7	10.4	10.5
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

**231.8 ribu**

Bilangan pekerja
mahir,
2023

**62.9%**

Pekerja di sektor
perkhidmatan catat
peratusan tertinggi,
2023

Seramai 583.2 ribu orang pekerja (62.9%) tertumpu di sektor Perkhidmatan pada tahun 2023 dan diikuti oleh sektor Pembuatan yang merangkumi 184.0 ribu orang (19.8%), Pertanian (92.3 ribu; 10.0%) dan Pembinaan (65.5 ribu; 7.1%). Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan bilangan pekerja terendah iaitu seramai 2.4 ribu orang (0.3%) (**Jadual 3.11**).



65.3%

**Kadar penyertaan
tenaga buruh di
Kedah, 2023**



2.9%

**Kadar
pengangguran di
Kedah, 2023**

Jadual 3.11 Penduduk bekerja mengikut sektor, Kedah, 2020-2023


Sektor	Bilangan ('000)			
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023
Pertanian	115.4	94.5	99.9	92.3
Perlombongan dan pengkuarian	1.8	1.2	1.8	2.4
Pembuatan	163.2	162.3	181.0	184.0
Pembinaan	53.5	72.1	55.5	65.5
Perkhidmatan	533.0	549.9	562.2	583.2
Jumlah	867.0	880.1	900.4	927.5

Sektor	Komposisi (%)			
	2020 ^r	2021 ^r	2022 ^r	2023
Pertanian	13.3	10.7	11.1	10.0
Perlombongan dan pengkuarian	0.2	0.1	0.2	0.3
Pembuatan	18.8	18.4	20.1	19.8
Pembinaan	6.2	8.2	6.2	7.1
Perkhidmatan	61.5	62.5	62.4	62.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0

Kadar penyertaan tenaga buruh dan kadar pengangguran

Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) di Kedah meningkat 1.9 mata peratus daripada 64.5 peratus pada tahun 2022 kepada 66.4 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, kadar pengangguran di Kedah menurun 0.5 mata peratus kepada 2.4 peratus pada tahun 2023 (2022: 2.9%) (**Carta 3.9**).

Carta 3.9 KPTB dan kadar pengangguran, Kedah, 2020-2023




GAJI & UPAH

GAJI & UPAH MALAYSIA

Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2022 meningkat dengan kadar perlahan sebanyak 2.4 peratus kepada 9.9 juta orang (2021: 3.4%; 9.7 juta orang). Pada tempoh yang sama, penengah gaji & upah bulanan mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7 peratus daripada RM2,250 kepada RM2,424. Begitu juga purata gaji & upah bulanan turut menunjukkan peningkatan daripada RM3,037 kepada RM3,212 (5.8%).

Carta 3.10 Kerangka analisis gaji & upah bulanan, Malaysia, 2021-2022



Nota:

² Bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau sekurang-kurangnya 20 hari sebulan pada bulan rujukan

³ Bekerja sekurang-kurangnya 1 jam semasa minggu rujukan dan bekerja kurang daripada 6 jam sehari atau 20 hari sebulan pada bulan rujukan



RM 3,212

Purata gaji & upah bulanan, 2022



RM 2,424

Penengah gaji & upah bulanan, 2022



9.9 juta

Bilangan penerima gaji & upah, 2022

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Pada 2022, penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja lelaki adalah RM2,493 dan pekerja perempuan RM 2,301 masing-masing meningkat sebanyak 7.7 peratus dan 7.3 peratus berbanding 2021. Purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM3,262 manakala bagi pekerja perempuan pula sebanyak 5.8 peratus kepada RM3,140 berbanding tahun sebelumnya.


**7.7%**

Pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan bagi
pekerja lelaki, 2022

**RM 5,639**

Sektor pendidikan
Purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2022

Carta 3.11 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Malaysia, 2021-2022



Gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri

Pada 2022, penengah gaji & upah bulanan tertinggi dicatatkan oleh pekerja dalam Pendidikan iaitu RM5,504 diikuti aktiviti Kesihatan kemanusiaan & kerja sosial dengan RM4,332. Bagi purata gaji & upah bulanan pula, Pendidikan turut mencatatkan purata gaji & upah bulanan tertinggi iaitu RM5,639 diikuti Perlombongan dan pengkuarian (RM5,247).

Carta 3.12 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut industri⁴, Malaysia, 2021-2022


Industri	Penengah 2021	Penengah 2022	Purata 2021	Purata 2022
Jumlah	2,250	2,424	3,037	3,212
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1,490	1,504	1,776	1,927
Perlombongan dan Pengkuarian	3,921	4,268	5,040	5,247
Pembuatan	1,976	2,205	2,606	2,813
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	2,993	3,083	3,401	3,565
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	2,067	2,170	2,650	2,747
Pembinaan	1,781	1,839	2,347	2,535
Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,697	1,772	2,063	2,219
Pengangkutan dan penyimpanan	2,091	2,223	2,576	2,740
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,581	1,623	1,950	2,091
Maklumat dan komunikasi	3,754	4,034	4,346	4,547
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	3,330	3,431	3,949	4,204
Aktiviti hartanah	3,255	3,382	3,636	3,866
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	3,162	3,409	3,916	4,138
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	1,692	1,773	2,040	2,202
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial	3,929	4,110	4,313	4,469
Pendidikan	5,331	5,504	5,550	5,639
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	4,193	4,332	4,546	4,715
Kesenian, hiburan dan rekreasi	2,562	2,592	2,908	3,054
Aktiviti Perkhidmatan lain	1,735	1,798	2,016	2,197

⁴Industri dikelaskan mengikut piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 versi 1.0

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri

Penengah dan purata gaji & upah bulanan menunjukkan peningkatan di semua negeri pada 2022. W.P. Putrajaya mencatatkan penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi (penengah: RM3,916; purata: RM4,666) diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur (penengah: RM3,276; purata: RM4,207) dan Selangor (penengah: RM3,194; purata: RM3,737).

Carta 3.13 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut negeri, Malaysia, 2021-2022



7.9%

Kedah
Kadar pertumbuhan
purata gaji & upah
bulanan tertinggi, 2022



10.7%

Selangor
Kadar pertumbuhan
penengah gaji & upah
bulanan tertinggi, 2022

GAJI & UPAH KEDAH

Penemuan utama gaji & upah bulanan pekerja

Bilangan penerima gaji & upah bulanan pada 2022 di Kedah adalah sebanyak 641.3 ribu orang iaitu meningkat 3.0 peratus berbanding tahun sebelumnya. Penengah gaji & upah bulanan telah meningkat kepada RM1,863 berbanding RM1,757 dan mencatatkan pertumbuhan pada kadar positif 6.0 peratus, manakala purata gaji & upah bulanan meningkat kepada positif 7.9 peratus kepada RM2,659 berbanding RM2,465 pada 2021.

**2.4%**

Kadar pertumbuhan
bilangan penerima gaji &
upah bulanan **pekerja
perempuan**, 2022

**RM 2,613**


Purata gaji & upah
bulanan **pekerja
lelaki**, 2022

Jadual 3.12 Gaji & upah bulanan, Kedah, 2018-2022

	2018	2019	2020	2021	2022
Bilangan Penerima ('000)	529.3	550.6	583.8	622.8	641.3
Penengah (RM)	1,703	1,748	1,474	1,757	1,863
Purata (RM)	2,294	2,413	2,300	2,465	2,659

Gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina

Bilangan penerima gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki dan perempuan Kedah merekodkan kadar pertumbuhan yang positif iaitu 3.4 peratus (380.9 ribu orang) dan 2.4 peratus (260.4 ribu orang) pada tahun 2022. Penengah gaji & upah bulanan bagi lelaki meningkat sebanyak 10.0 peratus (RM1,887) manakala perempuan meningkat sebanyak 3.3 peratus (RM1,863). Sementara itu, purata gaji & upah bulanan pekerja lelaki dan perempuan masing-masing meningkat kepada RM2,613 (9.0%) dan RM2,727 (6.4%).

Paparan 3.9 Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja mengikut jantina, Kedah, 2021-2022

STATISTIK SISWAZAH




STATISTIK SISWAZAH MALAYSIA

Statistik utama siswazah

Bilangan siswazah di Malaysia pada 2022 meningkat 5.1 peratus mencatatkan 5.92 juta orang berbanding tahun sebelumnya (2021: 5.63 juta orang) (**Carta 3.14**).

Carta 3.14 Statistik utama siswazah, Malaysia, 2021-2022



5.9 juta

Bilangan siswazah
Malaysia, 2022



Bilangan siswazah dalam tenaga buruh yang merangkumi siswazah bekerja dan menganggur, meningkat 5.6 peratus kepada 5.06 juta orang (2021: 4.79 juta orang). Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) turut meningkat kepada 0.4 peratus kepada 85.4 peratus.

Siswazah bekerja meningkat 6.0 peratus mencatatkan 4.87 juta orang berbanding tahun 2021 (4.59 juta orang). Kadar pengangguran siswazah bertambah baik kepada 3.7 peratus berbanding 4.1 peratus yang direkodkan pada tahun sebelumnya.

Siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan meliputi 76.7 peratus (3.73 juta orang). Sebanyak 14.4 peratus (702.1 ribu orang) bekerja di dalam sektor Pembuatan, diikuti 5.7 peratus dalam sektor Pembinaan (297.7 ribu orang). Pada masa yang sama sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.2 peratus (105.2 ribu orang) dan 0.9 peratus (45.7 ribu orang) (**Paparan 3.10**).



85.4%


Kadar penyertaan
tenaga buruh siswazah
Malaysia, 2022



76.7%

Siswazah bekerja
berada dalam **sektor
Perkhidmatan**, 2022

Paparan 3.10 Siswazah bekerja mengikut jenis aktiviti ekonomi, Malaysia, 2022 ('000)



Statistik gaji & upah siswazah, Malaysia

Purata dan penengah gaji & upah pada tahun 2022 masing-masing adalah RM4,760 dan RM4,128. Purata gaji & upah bulanan merekodkan peningkatan 3.9 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya iaitu pada RM4,582. Manakala penengah gaji naik 5.5 peratus daripada RM3,911.


Peningkatan penengah dan purata gaji & upah yang diterima oleh siswazah seiring dengan peningkatan umur yang mana boleh juga dikaitkan dengan pengalaman dan jawatan dalam pekerjaan. Siswazah yang berumur 45 tahun dan ke atas menerima penengah dan purata gaji & upah tertinggi iaitu masing-masing RM6,721 dan RM7,148. Selain itu, siswazah berumur 24 tahun dan ke bawah menerima penengah dan purata gaji & upah yang paling rendah, masing-masing RM1,624 dan RM2,063 (Paparan 3.11).



RM4,760

Purata gaji & upah
bulanan siswazah di
Malaysia, 2022

Paparan 3.11 Statistik gaji & upah siswazah mengikut kumpulan umur, Malaysia, 2021-2022





Perbandingan mengikut jantina menunjukkan siswazah lelaki menerima gaji & upah bulanan lebih tinggi berbanding siswazah perempuan. Penengah gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM4,239 manakala perempuan menerima RM3,848. Demikian juga purata gaji & upah bulanan bagi siswazah lelaki adalah RM5,137 berbanding RM4,374 sebulan diterima oleh siswazah perempuan (Paparan 3.12).

Paparan 3.12



Purata gaji & upah bulanan diterima oleh siswazah di semua sektor ekonomi mencatatkan peningkatan pada 2022. Sektor Perlombongan dan pengkuarian mencatatkan peningkatan 5.2 peratus kepada RM7,623 (2021: RM7,247). Sektor Pertanian pula meningkat 0.5 peratus kepada RM3,317 (2021: RM3,301) dan sektor Pembuatan meningkat 1.1 peratus kepada RM4,160 (2021: RM4,113). Manakala sektor Pembinaan dan Perkhidmatan masing-masing meningkat 0.4 peratus (2022: RM4,265, 2021: RM4,246) dan 4.2 peratus (2022: RM4,881, 2021: RM4,682) (**Paparan 3.13**).



Paparan 3.13



STATISTIK SISWAZAH KEDAH




375.3 ribu

Bilangan siswazah
Kedah, 2022

Statistik utama siswazah

Bilangan siswazah di Kedah adalah seramai 375.3 ribu orang, meningkat 4.5 peratus daripada 359.1 ribu orang pada tahun 2021. Dari jumlah tersebut, tenaga buruh siswazah adalah 303.7 ribu orang, meningkat 5.0 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: 289.2 ribu orang). Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah (KPTBS) adalah 80.9 peratus, naik 0.4 mata peratus berbanding 80.5 peratus pada tahun 2021 (**Carta 3.15**).

Carta 3.15 Statistik utama siswazah, Kedah, 2021-2022




303.7 ribu

Bilangan tenaga buruh
siswazah Kedah, 2022

Seramai 290.9 ribu orang siswazah bekerja di Kedah pada tahun 2022 dengan pertumbuhan tahunan 5.4 peratus (2021: 276.0 ribu orang). Sementara itu, penganggur siswazah mencatatkan bilangan sebanyak 12.8 ribu orang (2021: 13.2 ribu orang). Kadar pengangguran siswazah di Kedah pada tahun 2022 adalah 4.2 peratus (2021: 4.6%).

Siswazah luar tenaga buruh pula merangkumi 19.1 peratus daripada jumlah siswazah di Kedah iaitu seramai 71.6 ribu orang pada tahun 2022, meningkat 2.4 peratus daripada 69.9 ribu orang pada tahun sebelumnya.

Perbandingan mengikut jantina di Kedah menunjukkan komposisi siswazah di Kedah didominasi oleh perempuan dengan sumbangan 59.1 peratus (221.8 ribu orang) manakala siswazah lelaki merangkumi 40.9 peratus (153.6 ribu orang) pada tahun 2022. Kadar penyertaan tenaga buruh siswazah lelaki adalah 86.5 peratus manakala siswazah perempuan adalah 77.1 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran siswazah lelaki lebih rendah iaitu 3.3 peratus berbanding perempuan 4.9 peratus (**Carta 3.16**).

Carta 3.16 Statistik utama siswazah mengikut jantina, Kedah, 2022
5.2%

Peningkatan **tenaga buruh siswazah lelaki** di Kedah, 2022

Seramai 170.9 ribu siswazah perempuan direkodkan pada tahun 2022, meningkat 4.8 peratus daripada tahun sebelumnya. Sementara itu, tenaga buruh siswazah lelaki mencatatkan peningkatan 5.2 peratus kepada 132.8 ribu orang.

Siswazah bekerja lelaki di Kedah adalah seramai 128.4 ribu orang, lebih tinggi berbanding siswazah bekerja perempuan (162.5 ribu orang). Sebaliknya, penganggur siswazah lelaki adalah seramai 4.4 ribu orang dengan kadar pengangguran pada 3.3 peratus. Manakala perempuan pula adalah seramai 8.4 ribu orang dengan kadar pengangguran pada 4.9 peratus.

Melihat kepada siswazah luar tenaga buruh pula, didapati bilangan siswazah perempuan luar tenaga buruh meningkat 4.5 peratus kepada 50.9 ribu orang manakala siswazah lelaki merekodkan penurunan 2.4 peratus kepada 20.7 ribu orang.

Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Kedah, 2022

Secara keseluruhannya, purata gaji & upah bulanan siswazah di Kedah pada tahun 2022 adalah RM3,806 lebih tinggi dari tahun 2021 iaitu RM3,729. Sementara itu, penengah gaji & upah bulanan siswazah pula adalah RM3,138 pada tahun 2022, menurun dari RM3,052 pada tahun sebelumnya (**Jadual 3.12**).

Jadual 3.13 Purata dan penengah gaji & upah bulanan siswazah bekerja, Kedah, 2021-2022

Gaji & upah	Jumlah	
	2021 ^e	2022 ^p
Purata gaji (RM)	3,729	3,806
Penengah gaji (RM)	3,052	3,138


RM3,806

Purata gaji & upah siswazah di Kedah, 2022



PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH

PENDAPATAN ISI RUMAH

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Kedah telah meningkat kepada RM4,402 pada tahun 2022 berbanding RM4,325 pada tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.6 peratus.



RM4,402

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah Kedah, 2022



RM5,250

Langkawi
Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi, 2022



0.6%


Kadar pertumbuhan tahunan pendapatan kasar isi rumah bulanan penengah antara tahun 2019-2022

Pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah mengikut daerah pentadbiran

Daerah Langkawi mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM5,250 pada 2022 (2019: RM5,905) diikuti Kubang Pasu RM5,201 (2019: RM4,814), Kota Setar RM4,751 (2019: RM4,532) dan Kulim RM4,498 (2019: RM4,489). Daerah lain merekodkan pendapatan di bawah paras pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah negeri iaitu RM4,402. Daerah tersebut adalah Kuala Muda RM4,200 (2019: RM4,247), Yan RM4,080 (2019: RM3,502), Bandar Baharu RM3,922 (2019: RM4,022), Padang Terap RM3,902 (2019: RM3,722), Pendang RM 3,801 (2019: RM3,765), Sik RM 3,703 (2019: RM4,904) dan Baling RM3,400 (2019: RM3,563).

Daerah Yan mencatatkan peningkatan tertinggi purata pertumbuhan tahunan bagi pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah iaitu 5.1 peratus diikuti Pokok Sena kedua tertinggi (3.2%) antara tempoh 2019 hingga 2022.

Carta 3.17 Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Kedah, 2019 dan 2022



Ketaksamarataan Pendapatan

Nilai Pekali Gini meningkat kepada 0.359 pada tahun 2022 daripada 0.354 pada tahun 2019. Ini menunjukkan ketidakseimbangan agihan pendapatan isi rumah di Kedah semakin melebar.

Taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan

Pembahagian isi rumah mengikut kumpulan pendapatan pula menunjukkan isi rumah T20 di Kedah pada tahun 2022 menerima pendapatan penengah sebanyak RM10,051 diikuti isi rumah M40 (RM5,138) dan isi rumah B40 (RM2,666).

Kemiskinan


Pada tahun 2022, nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Malaysia telah disemak semula berdasarkan keperluan semasa. Semakan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang optimum dan sihat serta keperluan asas bukan makanan yang berkualiti.

Nilai purata PGK Kedah pada tahun 2022 ialah RM2,271 sebulan manakala purata nilai PGK makanan adalah RM1,156 sebulan dengan saiz isi rumah seramai 3.8 orang.

Insiden kemiskinan mutlak Kedah meningkat daripada 8.8⁵ peratus pada tahun 2019 kepada 9.0 peratus. Dalam tempoh yang sama, insiden kemiskinan mutlak di bandar dan luar bandar masing-masing adalah 8.8 peratus dan 9.5 peratus. Sementara itu, kemiskinan tegar direkodkan sebanyak 0.3 peratus pada tahun 2022 berbanding 0.5⁵ peratus pada tahun 2019. Nilai kemiskinan relatif ada tahun 2022 pula adalah 11.9 peratus berbanding 10.9 peratus pada tahun 2019.

Paparan 3.14

Agihan pendapatan dan pendapatan isi rumah penengah mengikut kumpulan isi rumah desil, Kedah, 2022



Petunjuk:

- Agihan pendapatan
- Pendapatan isi rumah penengah

⁵Disemak semula berdasarkan metodologi PGK 2019



RM3,765

Perbelanjaan
penggunaan isi rumah
bulanan purata Kedah,
2022



3.7%

Kadar
pertumbuhan
tahunan

PERBELANJAAN PENGGUNAAN ISI RUMAH


Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Kedah meningkat daripada RM3,373 pada tahun 2019 kepada RM3,765 pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.7 peratus.

Komposisi perbelanjaan isi rumah

Empat kumpulan utama perbelanjaan oleh isi rumah di Kedah kekal tidak berubah pada 2022 berbanding 2019 iaitu keutamaan kepada perbelanjaan untuk makanan & minuman (22.7%), perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (18.0%), pengangkutan (14.3%), dan Restoran dan perkhidmatan penginapan (12.6%) yang menyumbang 67.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.

Carta 3.18 Komposisi perbelanjaan penggunaan isi rumah, Kedah, 2019 dan 2022



Kumpulan Utama Perbelanjaan Penggunaan

- | | |
|---|---|
| 01 Makanan & minuman | 08 Maklumat & komunikasi |
| 02 Minuman alkohol & tembakau | 09 Rekreasi, sukan & kebudayaan |
| 03 Pakaian & kasut | 10 Perkhidmatan pendidikan |
| 04 Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain | 11 Restoran dan perkhidmatan penginapan |
| 05 Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah | 12 Insurans & perkhidmatan kewangan |
| 06 Kesihatan | 13 Penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan & perkhidmatan |
| 07 Pengangkutan | |

Kumpulan utama perbelanjaan perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dan makanan & minuman mencatatkan peningkatan masing-masing 0.9 mata peratus, serta Restoran & perkhidmatan penginapan (0.4 mata peratus). Sementara itu, perbelanjaan ke atas pengangkutan menurun 3.1 mata peratus berbanding 2019. Kumpulan perbelanjaan lain yang juga terdiri daripada barangan dan perkhidmatan keperluan asas seperti kesihatan dan komunikasi turut meningkat dari segi komposisi perbelanjaan manakala pendidikan menurun kepada 0.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan isi rumah.



22.7%

Perbelanjaan utama 2023,
makanan dan minuman

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran


Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Kota Setar dan terendah di daerah Baling. Secara perbandingan, empat daerah pentadbiran yang mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata melebihi paras negeri adalah Kota Setar (RM4,253), Kubang Pasu (RM4,062), Pokok Sena (RM4,033) dan Kuala Muda (RM3,840).



Empat Daerah

Mencatatkan perbelanjaan
penggunaan isi rumah
bulanan purata melebihi
paras negeri

Carta 3.19 Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Kedah, 2022



RM 4,253

Daerah Kota Setar

Perbelanjaan penggunaan
isi rumah bulanan purata
tertinggi, 2022

BAB 4

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA
STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK NEGERI
KEDAH



4 | STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MALAYSIA

Statistik utama pelancongan domestik

Prestasi pelancongan domestik Malaysia menunjukkan peningkatan yang signifikan bagi bilangan pelawat domestik, bilangan perjalanan dan perbelanjaan pelancongan pada tahun 2023 selepas beberapa tahun bergelut dengan krisis pandemik COVID-19. Seramai 213.7 juta pelawat domestik dicatatkan pada 2023 dengan kenaikan sebanyak 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya (2022: 160.1%). Sementara itu, sebanyak 241.5 juta bilangan perjalanan telah dilakukan oleh pelawat domestik di dalam negara dengan purata perjalanan sebanyak 1.13 perjalanan bagi setiap pelawat.

Secara keseluruhan, perbelanjaan pelancongan domestik meningkat sebanyak 32.5 peratus pada 2023 (2022: 248.1%). Sejumlah RM84.9 bilion telah dibelanjakan bagi pelancongan domestik pada 2023 berbanding RM64.1 bilion yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini menyebabkan kenaikan dalam purata perbelanjaan bagi setiap perjalanan kepada RM352 berbanding RM308 pada tahun 2022. Sementara itu, purata bilangan hari menginap pada 2023 menurun kepada 2.45 malam berbanding 2.55 malam pada tahun sebelumnya.

Jadual 4.1 Statistik utama pelancongan domestik, 2022-2023

Statistik utama	2022	2023	Perubahan tahunan (%)
Bilangan pelawat ¹ (juta)	171.6	213.7	24.6
Bilangan perjalanan (juta)	207.8	241.5	16.2
Jumlah perbelanjaan (RM bilion)	64.1	84.9	32.5
Purata perbelanjaan (RM)	308	352	14.0
Purata bilangan hari menginap (hari)	2.55	2.45	-4.0
Purata perjalanan	1.21	1.13	-6.7

¹ Jumlah ini adalah termasuk pelawat yang sama yang melakukan satu atau lebih perjalanan pada tahun tersebut.



213.7 juta

Jumlah pelawat domestik, 2023



Bilangan ketibaan pelawat dan perbelanjaan meningkat pada tahun 2023



RM84.9 bilion

Perbelanjaan pelawat domestik, 2023



22.3%

Peningkatan
bilangan pelancong
pada tahun 2023



65.0%

Sumbangan
perjalanan harian
pada tahun 2023

Pelawat domestik

Bilangan pelawat harian pada tahun 2023 adalah seramai 134.2 juta orang dengan peningkatan sebanyak 25.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, bilangan pelancong meningkat daripada 65.1 juta orang pada tahun 2022 kepada 79.6 juta orang (22.3%) seperti ditunjukkan di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2 Bilangan pelawat domestik mengikut jenis pelawat, 2022-2023

Jenis pelawat	Juta		Perubahan tahunan (%)
	2022	2023	
Pelawat harian	106.5	134.2	25.9
Pelancong	65.1	79.6	22.3
Jumlah	171.6	213.7	24.6

Perjalanan pelancongan domestik

Perjalanan pelancongan domestik terdiri daripada perjalanan harian dan perjalanan bermalam. Peratus sumbangan perjalanan harian dan perjalanan bermalam masing-masing adalah 65.0 peratus (157.0 juta perjalanan) dan 35.0 peratus (84.5 juta perjalanan). Peratus sumbangan perjalanan bermalam meningkat sebanyak 0.4 mata peratus berbanding yang dicatatkan pada 2022, iaitu 34.6 peratus (**Paparan 4.1**).

Paparan 4.1 Peratus sumbangan perjalanan pelawat domestik, 2022-2023

Perjalanan Harian


	2023	65.0%
	2022	65.4%

Perjalanan Bermalam

	2023	35.0%
	2022	34.6%

Perbelanjaan pelancongan domestik

Perbelanjaan pelancongan domestik disumbangkan oleh kedua-dua perbelanjaan pelawat harian dan pelancong. Secara keseluruhan, perbelanjaan domestik bagi pelawat harian dan pelancong masing-masing merekodkan peningkatan signifikan pada tahun 2023. Perbelanjaan bagi pelancong telah meningkat sebanyak 34.4 peratus, merekodkan RM52.2 bilion pada tahun 2023 (2022: RM38.9 bilion). Sementara itu, perbelanjaan pelawat harian meningkat 29.7 peratus kepada RM32.7 bilion (2022: RM25.2 bilion) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4.2**.

Paparan 4.2 Jumlah perbelanjaan mengikut jenis perjalanan, 2022-2023**32.5%**

Perbelanjaan
pelancongan domestik
meningkat pada 2023

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK KEDAH**Kedatangan pelawat, 2023**

Kedah menerima seramai 13.44 juta pelawat domestik pada 2023 berbanding 11.19 juta pelawat yang telah direkodkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan bilangan pelawat didorong oleh kenaikan bilangan pelancong sebanyak 15.3 peratus iaitu kepada 6.45 juta pelancong berbanding 5.59 juta pelancong pada tahun 2022 seperti pada **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3 Bilangan kedatangan pelancong dan pelawat domestik ke Kedah, 2022-2023


Jenis pelawat	Juta		Perubahan tahunan (%)
	2022	2023	
Pelancong	5.59	6.45	15.3
Pelawat domestik	11.19	13.44	20.2

**13.44 juta**

Ketibaan pelawat
domestik di Kedah
pada 2023

Negeri asal pelancong, 2023

Carta 4.1 memaparkan lima negeri asal pelancong tertinggi yang mengunjungi negeri Kedah pada tahun 2023. Merujuk survei, pelancong berasal dari negeri Selangor adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 1.82 juta pelancong. Ini diikuti oleh pelancong dari Kedah (1.55 juta pelancong), Pulau Pinang (1.39 juta pelancong), Perak (0.51 juta pelancong) dan Johor (0.29 juta pelancong).

Carta 4.1 Lima negeri asal pelancong tertinggi yang berkunjung ke Kedah, 2023**Selangor**

Negeri asal pelancong
yang paling ramai
berkunjung ke Kedah,
2023



1.82 juta
Pelancong dari
Selangor yang mengunjungi
Kedah pada tahun
2023



Destinasi tumpuan utama pelawat domestik, 2023

Paparan 4.3 menunjukkan lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Kedah pada tahun 2023, iaitu Pantai Cenang, Aman Central Mall, Langkawi Cable Car, National Art Gallery dan Pantai Merdeka.

Paparan 4.3 Lima destinasi tumpuan utama pelawat domestik di Kedah, 2023



Terimaan pelancongan domestik, 2022

Jumlah terimaan pelancongan domestik bagi Kedah pada tahun 2022 meningkat 312.0 peratus berbanding penurunan 62.9 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan positif ini didorong oleh kenaikan jumlah terimaan bagi perjalanan bermalam dan harian masing-masing sebanyak 348.4 peratus dan 222.0 peratus di **Paparan 4.4**.

Paparan 4.4 Terimaan pelancongan domestik, 2021-2022


**Pantai
Cenang**
Destinasi tumpuan
utama pelawat domestik
pada tahun 2023



Sementara itu, purata terimaan bagi setiap perjalanan pada 2022 turut meningkat kepada RM292 berbanding RM199 seperti yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Bagi jumlah terimaan mengikut komponen pula, membeli-belah mencatatkan sumbangan tertinggi iaitu 32.3 peratus daripada jumlah terimaan (2021: 30.7%). Ini diikuti oleh makanan & minuman (18.2%), pembelian bahan api kenderaan (15.3%) dan pengangkutan (10.6%) seperti yang ditunjukkan di **Paparan 4.5**.

Paparan 4.5 Terimaan daripada pelawat domestik ke Kedah mengikut komponen, 2021-2022




RM3.5 billion
 Nilai terimaan yang
 dibelanjakan oleh
 pelawat domestik ke
Kedah, 2022

Tujuan perjalanan, 2022

Pada tahun 2022, majoriti pelancong berkunjung ke Kedah untuk tujuan melawat saudara-mara dan rakan iaitu sebanyak 63.0 peratus seperti **Paparan 4.6**. Ini diikuti oleh perjalanan bagi tujuan percutian/mengisi masa lapang/berehat (31.9%) dan perjalanan insentif/lain-lain (2.2%).

Paparan 4.6 Peratusan tujuan perjalanan Kedah, 2022



32.3%
 Jumlah terimaan
 tertinggi dicatatkan
 oleh komponen
 membeli-belah, 2022



63.0%
 Melawat saudara
 mara & rakan merupakan
 tujuan utama tertinggi
 pelancong melakukan
 perjalanan ke **Kedah, 2022**

BAB 5

STATISTIK PERDAGANGAN ANTARABANGSA



STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

STATISTIK PERDAGANGAN KEDAH

5 | STATISTIK PERDAGANGAN ANTARABANGSA

STATISTIK PERDAGANGAN MALAYSIA

Jumlah perdagangan antarabangsa

Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM2.6 trilion, menurun 7.3 peratus atau RM206.7 bilion pada tahun 2023 berbanding RM2.8 trilion pada tahun sebelumnya. Nilai eksport Malaysia berjumlah RM1.4 trilion, manakala jumlah import sebanyak RM1.2 trilion, sekali gus mendorong lebih perdagangan Malaysia berjumlah RM214.1 bilion, menurun 16.4 peratus daripada RM256.2 bilion pada tahun 2022.

Jumlah perdagangan bagi negeri Pulau Pinang sebanyak RM697.7 bilion, diikuti oleh Selangor (RM574.9 bilion), Johor (RM561.6 bilion), W.P. Kuala Lumpur (RM157.9 bilion), Sarawak (RM142.4 bilion), Kedah (RM126.9 bilion), Negeri Sembilan (RM71.1 bilion), Melaka (RM70.8 bilion), Perak (RM66.2 bilion), Pahang (RM56.8 bilion), Sabah (RM41.5 bilion), Terengganu (RM22.8 bilion), W.P. Labuan (RM19.1 bilion), Kelantan (RM6.5 bilion) dan Perlis (RM2.8 bilion).

Eksport

Eksport Malaysia merekodkan nilai RM1.4 trilion pada tahun 2023 menurun sebanyak RM124.4 bilion atau 8.0 peratus (2022: 1.6 trilion). Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi utama adalah seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang menyumbang 21.0 peratus daripada jumlah eksport, menurun RM3.2 bilion (-1.1%) kepada RM298.9 bilion.

2

Keluaran petroleum bertapis yang merangkumi 9.4 peratus daripada jumlah eksport, turun RM16.0 bilion atau 10.7 peratus kepada RM133.9 bilion.

3

Barangan elektrik dan elektronik yang lain menyumbang 7.4 peratus daripada jumlah eksport menurun sebanyak RM12.5 bilion (-10.6%) kepada RM105.8 bilion.



Jumlah perdagangan tertinggi adalah di **Pulau Pinang dan Selangor**



RM2.6 trilion

Jumlah perdagangan **Malaysia, 2023**



China & Singapura

Destinasi utama
eksport
Malaysia



15.4%

Peratusan
eksport ke China
pada tahun 2023

Eksport mengikut negara destinasi

Dua destinasi utama eksport Malaysia pada 2023 ialah China dan Singapura.

Paparan 5.1 Rakan dagangan utama, Malaysia, 2023



China

Eksport

RM192.2 b

↓ -8.7%

Import

RM258.6 b

↑ 91.5%



Singapura

Eksport

RM219.3 b

↓ -5.7%

Import


RM143.8 b

↓ -47.9%

Eksport ke Singapura merangkumi 15.4 peratus daripada eksport Malaysia. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi ke Singapura adalah seperti **Paparan 5.2**.

Paparan 5.2

Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke Singapura, 2023



Litar elektronik bersepadu

32.9%
Sumbangan

-10.9%
Perubahan tahunan

RM72.1 billion
Nilai eksport




Keluaran petroleum bertapis

13.3%
Sumbangan

-12.1%
Perubahan tahunan

RM29.3 billion
Nilai eksport



Kristal piezo elektrik & alat ganti

4.7%
Sumbangan


16.0%
Perubahan tahunan

RM10.4 billion
Nilai eksport

Eksport ke China meliputi 13.5 peratus daripada eksport Malaysia pada 2023. Eksport barangan Malaysia mengikut komoditi utama ke China adalah litar elektronik bersepadu, gas asli cecair dan kristal piezo elektrik & alat ganti seperti **Paparan 5.3**.

Paparan 5.3

Produk yang mendorong kenaikan eksport Malaysia ke China, 2023



Litar elektronik bersepadu

24.3%
Sumbangan

-2.1%
Perubahan tahunan

RM46.6 billion
Nilai eksport



Kristal piezo elektrik & alat ganti

8.0%
Sumbangan

-14.5%
Perubahan tahunan

RM15.4 billion
Nilai eksport



Gas asli cecair - LNG

7.7%
Sumbangan

-0.4%
Perubahan tahunan

RM14.8 billion
Nilai eksport

Import

Import Malaysia merekodkan nilai RM1.2 trilion pada tahun 2023, menurun sebanyak RM82.3 bilion atau 6.4 peratus (2022: RM1.3 trilion). Import barangan Malaysia mengikut komoditi utama adalah seperti di bawah:

1

Litar elektronik bersepadu yang merangkumi 13.1 peratus daripada jumlah import, turun RM26.5 bilion atau 14.3 peratus kepada RM159.2 bilion

2

Keluaran petroleum bertapis menyumbang 10.8 peratus daripada jumlah import, menurun sebanyak RM6.5 bilion (-4.8%) kepada RM130.3 bilion


3

Barangan elektrik dan elektronik yang lain menyumbang 5.2 peratus daripada jumlah import, menurun sebanyak RM0.04 bilion (-0.1%) kepada RM63.0 bilion

Import mengikut negara asal


Import dari China bernilai RM258.6 bilion merangkumi 21.3 peratus dari jumlah import Malaysia. Import barangan Malaysia mengikut komoditi dari China adalah seperti pada **Paparan 5.4**.

Paparan 5.4 Produk yang menyumbang peningkatan import dari China, 2023



Import dari Singapura bernilai RM143.8 bilion (11.9% dari jumlah import Malaysia). Import barangan Malaysia mengikut komoditi utama dari Singapura adalah keluaran petroleum bertapis, litar elektronik bersepadu dan barangan elektrik dan elektronik yang lain seperti **Paparan 5.5**.

Paparan 5.5 Produk yang menyumbang peningkatan import dari Singapura, 2023



RM1.2 trilion

Jumlah
import Malaysia,
2023



RM258.6 bilion

Nilai import
dari China,
2023



RM143.8 bilion

Nilai import
dari Singapura,
2023

SOROTAN PERDAGANGAN KEDAH



RM126.9 bilion

**Jumlah perdagangan
Kedah, 2023**




RM61.2 bilion

**Jumlah eksport
barangan
Kedah, 2023**

Eksport dan Import Utama

Jumlah perdagangan Kedah pada tahun 2023 bernilai RM126.9 bilion. Nilai eksport Kedah berjumlah RM61.2 bilion pada tahun 2023, meningkat sebanyak 11.3 peratus berbanding RM55.0 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, nilai import Kedah juga menurun 10.6 peratus kepada RM65.6 bilion berbanding RM73.5 bilion pada tahun 2022.

Carta 5.1 Perdagangan Kedah dengan dunia, 2015-2023



Eksport Barangan

Antara eksport barangan utama Kedah pada tahun 2023 adalah litar elektronik bersepadu yang bernilai RM22.3 bilion dengan pertumbuhan 19.9 peratus. Injap dan tiub lain, fotosel, d.l.l. pula meningkat 51.7 peratus manakala barangan elektrik dan elektronik yang lain meningkat 25.9 peratus. Selain itu, alat dan perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, t.s.t.l. meningkat 9.7 peratus manakala perkakas litar elektrik dan alat ganti meningkat 9.3 peratus.

Jadual 5.1 Eksport barangan mengikut komoditi utama Kedah, 2019-2023

Komoditi utama	Eksport barangan (RM juta)					Peratus perubahan 2023*/2022
	2019	2020	2021	2022	2023*	
Jumlah eksport barangan	27,206	27,393	40,033	54,982	61,206	11.3
Litar elektronik bersepadu	2,025	2,900	14,191	18,572	22,269	19.9
Injap dan tiub lain, fotosel, dll.	6,523	3,424	3,625	5,065	7,687	51.7
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	904	1,701	2,971	4,023	5,064	25.9
Alat dan perkakas ikhtisas, sains dan kawalan, t.s.t.l.	2,109	3,004	2,634	3,219	3,532	9.7
Perkakas litar elektrik & alat ganti	1,371	1,201	1,043	2,896	3,167	9.3

Destinasi eksport utama Kedah pada tahun 2023 adalah Viet Nam dengan jumlah eksport bernilai RM17.4 bilion, diikuti Amerika Syarikat dengan RM12.9 bilion. Selain itu, eksport ke China bernilai RM9.6 bilion manakala eksport ke Hong Kong dan Thailand masing-masing bernilai RM2.6 bilion dan RM2.4 bilion.

Import Barangan

Antara import barangan utama Kedah pada tahun 2023 adalah litar elektronik bersepadu yang menurun 21.5 peratus, diikuti oleh kristal piezo elektrik & alat ganti yang menurun 20.2 peratus dan perkakas litar elektrik & alat ganti menurun 11.0 peratus. Selain itu, penurunan turut direkodkan oleh jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat ganti sebanyak 3.1 peratus serta barangan elektrik dan elektronik yang lain menurun 5.5 peratus.

Pada tahun 2023, sumber import utama Kedah adalah daripada Amerika Syarikat (RM13.7 bilion) dan Ireland (RM13.0 bilion), diikuti oleh China (RM11.9 bilion), Jepun (RM4.2 bilion) dan Jerman (RM4.1 bilion).

Jadual 5.2 Import barangan mengikut komoditi utama Kedah, 2019-2023

Komoditi utama	Import barangan (RM juta)					Peratus perubahan 2023*/2022
	2019	2020	2021	2022	2023*	
Jumlah import barangan	34,707	38,767	57,882	73,460	65,647	-10.6
Litar elektronik bersepadu	11,657	14,167	29,840	35,860	28,138	-21.5
Kristal piezo elektrik & alat ganti	2,506	2,849	3,361	5,678	4,530	-20.2
Perkakas litar elektrik & alat ganti	1,677	1,937	2,621	3,591	3,194	-11.0
Jentera & kelengkapan khusus untuk industri tertentu & alat	1,483	1,570	1,375	3,282	3,180	-3.1
Barangan elektrik dan elektronik yang lain	1,236	1,349	1,551	2,173	2,053	-5.5

Rakan Dagang Utama

Amerika Syarikat merupakan rakan dagang dua hala terbesar dengan Kedah yang menyumbang sebanyak 21.0 peratus (RM26.6 bilion) daripada jumlah perdagangan. China (RM21.5 bilion) adalah rakan dagang kedua terbesar, diikuti oleh Viet Nam (RM18.5 bilion), Ireland (RM13.0 bilion) dan Jepun (RM6.2 bilion).



RM65.6 bilion

Jumlah
import barangan
Kedah, 2023



-21.5%

Import litar elektronik
bersepadu
menurun pada 2023



Amerika Syarikat

Rakan dagangan
dua hala terbesar
Kedah



Imbangan perdagangan
dua hala **Kedah** dengan
Ireland merekodkan
defisit



Imbangan perdagangan
dua hala **Kedah** dengan
Viet Nam mencatatkan
lebih

Imbangan Perdagangan

Dari sudut imbangan perdagangan dua hala, Kedah mencatatkan eksport sebanyak RM25.0 juta ke Ireland, sementara import Kedah dari Ireland sebanyak RM13.0 bilion. Perbezaan dari segi nilai eksport dan import merekodkan pengurangan kepada Kedah sebanyak RM13.0 bilion. Imbangan perdagangan dua hala Kedah dengan Jepun, China dan Amerika Syarikat pada tahun 2023 juga mencatatkan defisit masing-masing sebanyak RM2.3 bilion, RM2.2 bilion dan RM0.8 bilion. Walau bagaimanapun, nilai eksport daripada negara Viet Nam yang melebihi nilai import telah mendorong kepada lebih perdagangan sebanyak RM16.3 bilion.

Jadual 5.3 Perdagangan barangan mengikut rakan dagang utama, Kedah, 2023

Komoditi utama	Eksport		Import		Eksport bersih	Jumlah perdagangan		
	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	Peratus sumbangan (%)	RM juta	RM juta	Peratus sumbangan (%)	Kedudukan
Seluruh Dunia	61,206	100.0	65,647	100.0	-4,441	126,853	100.0	
Amerika	12,924	21.1	13,722	20.9	-798	26,645	21.0	1
China	9,648	15.8	11,884	18.1	-2,236	21,532	17.0	2
Viet Nam	17,388	28.4	1,132	1.7	16,257	18,520	14.6	3
Ireland	25	0.0	13,002	19.8	-12,977	13,027	10.3	4
Jepun	1,948	3.2	4,223	6.4	-2,275	6,172	4.9	5

Nota:

Eksport diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri asal dalam Malaysia di mana peringkat akhir pengeluaran berlaku. Sebaliknya, import diperuntukkan kepada negeri berdasarkan negeri destinasi terakhir (iaitu negeri di mana barangan dikeluarkan daripada kawalan Kastam, tetapi tidak semestinya di mana barangan itu akhirnya dijual atau digunakan. Dalam hal ini, negeri pemuatan/pelepasan boleh digunakan sebagai proksi bagi negeri asal/destinasi akhir yang sebenar.

BAB 6

STATISTIK AKAUN KERAJAAN



STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN
STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

PIHAK BERKUASA TEMPATAN
STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI KEDAH



6 | STATISTIK AKAUN KERAJAAN

STATISTIK AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Tahun 2022 menandakan fasa peralihan daripada pandemik COVID-19 kepada endemik, yang telah menyemarakkan semula aktiviti sosial dan ekonomi negara. Momentum pemulihan ekonomi pasca pandemik, ditambah pula dengan kenaikan harga komoditi dalam pasaran global, telah menyumbang kepada peningkatan ketara dalam kutipan hasil cukai dan hasil bukan cukai.

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan terutamanya dari segi kutipan hasil, mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan. Ini didorong oleh pemulihan ekonomi yang kukuh serta trend kenaikan harga komoditi. Hasil Kerajaan Persekutuan mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 25.9 peratus pada tahun 2022. Jumlah hasil meningkat sebanyak RM60.6 bilion, daripada RM233.8 bilion pada tahun 2021 kepada RM294.4 bilion pada tahun 2022, seperti di **Jadual 6.1**.

Peningkatan ini dipacu terutamanya oleh pertumbuhan komponen kutipan hasil cukai yang mencatatkan peningkatan yang amat memberangsangkan. Hasil cukai kekal mendominasi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan dengan sumbangan sebanyak 70.9 peratus dan merekodkan peningkatan sebanyak 20.2 peratus pada tahun 2022.

Jadual 6.1 Hasil Kerajaan Persekutuan, 2021-2022

Hasil	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2021	2022	
Hasil cukai	173.7	208.8	20.2
Hasil bukan cukai	51.1	79.6	55.7
Terimaan bukan hasil	8.4	5.3	-37.0
Hasil Wilayah Persekutuan	0.5	0.7	33.1
Jumlah hasil	233.8	294.4	25.9

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia



RM294.4 bilion

Jumlah hasil
Kerajaan Persekutuan
pada tahun 2022



20.2%

Peningkatan pertumbuhan
hasil cukai pada
tahun 2022


23.2%

Kenaikan perbelanjaan
Kerajaan Persekutuan
pada tahun 2022


RM49.2 bilion

Pertambahan perbelanjaan
dalam pemberian dan
kenaan bayaran tetap pada
tahun 2022

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan

Jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM364.3 bilion pada tahun 2022 seperti pada **Jadual 6.2**. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh lonjakan perbelanjaan mengurus yang meningkat sebanyak 26.4 peratus, iaitu daripada RM231.5 bilion pada tahun 2021 kepada RM292.7 bilion pada tahun 2022. Antara penyumbang utama kepada kenaikan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan ialah pemberian dan kenaaan bayaran tetap, yang mencatatkan pertambahan ketara sebanyak RM49.2 bilion atau 41.3 peratus, meningkat daripada RM119.3 bilion kepada RM168.6 bilion pada tahun 2022.

Di samping itu, perbelanjaan pembangunan turut menunjukkan trend peningkatan dengan pertumbuhan sebanyak 11.4 peratus, iaitu daripada RM64.3 bilion pada tahun 2021 kepada RM71.6 bilion pada tahun 2022.

Jadual 6.2 Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, 2021-2022

Perbelanjaan	RM bilion		Pertumbuhan (%)
	2021	2022	
Perbelanjaan mengurus	231.5	292.7	26.4
Perbelanjaan pembangunan	64.3	71.6	11.4
Jumlah perbelanjaan	295.8	364.3	23.2

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) telah diwartakan pada 26 Oktober 2020 sebagai salah satu inisiatif untuk menangani wabak COVID-19 di bawah Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]. Tahun 2022 menandakan tahun terakhir tempoh kuat kuasa KWC-19, dengan siling kewangan yang telah ditingkatkan kepada RM110,000 juta melalui pindaan akta pada tahun 2021.

Pada tahun 2022, sejumlah RM30,979 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai program di bawah pakej bantuan dan rangsangan ekonomi. Perbelanjaan utama merangkumi Sokongan Bantuan Sosial untuk Golongan Mudah Terjejas sebanyak RM9,043 juta (29.2%), Bantuan Prihatin Nasional (BPN) sebanyak RM7,910 juta (25.5%) dan Diskaun Bil Elektrik sebanyak RM5,876 juta (19.0%). Di samping itu, RM2,323 juta (7.5%) telah digunakan untuk Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan, Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan bagi menyokong pasaran buruh.

STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI

Hasil kerajaan negeri

Kerajaan negeri memperoleh hasil daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang meliputi beberapa sumber seperti hasil tanah, hasil hutan, hasil daripada lesen, duti hiburan dan bayaran lain.

Bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri Sarawak mendahului negeri-negeri lain dengan mencatatkan kutipan hasil tertinggi berjumlah RM11.9 bilion berbanding RM7.6 bilion pada tahun sebelumnya (**Carta 6.1**). Peningkatan memberangsangkan sebanyak 56.3 peratus ini didorong terutamanya oleh kenaikan hasil cukai yang melonjak 58.8 peratus pada tahun tersebut.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Sabah yang menduduki tangga kedua dalam kutipan hasil turut merekodkan peningkatan ketara sebanyak 27.7 peratus pada tahun 2022. Pertumbuhan ini dipacu oleh kenaikan dalam hasil cukai sebanyak RM0.8 bilion, mewakili peningkatan 26.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor berada di kedudukan ketiga juga menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan peningkatan hasil sebanyak RM0.2 bilion, menjadikan jumlah kutipan hasil RM2.5 bilion. Secara keseluruhannya, majoriti negeri mencatatkan peningkatan dalam kutipan hasil kecuali Kedah, Pulau Pinang dan Melaka.




RM **11.9** bilion

Sarawak
kutipan hasil tertinggi
pada tahun 2022



Carta 6.1 Kutipan hasil kerajaan negeri, 2021-2022



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



27.7%

Peningkatan kutipan
hasil **Sabah**
pada tahun 2022



RM **10.8** billion

Sarawak mencatatkan
perbelanjaan mengurus
tertinggi



10 negeri
mencatatkan
peningkatan dalam
perbelanjaan mengurus


Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama bagi membiayai perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri Sarawak mencatatkan perbelanjaan mengurus tertinggi berjumlah RM10.8 bilion berbanding RM11.3 bilion pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, ia menunjukkan penyusutan sebanyak RM0.5 bilion atau 4.7 peratus berbanding tahun sebelumnya (**Carta 6.2**). Pengurangan ini didorong oleh penurunan dalam perbelanjaan lain serta pemberian dan kenan bayaran tetap.

Di samping itu, Kerajaan Negeri Sabah merekodkan RM5.0 bilion bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2022. Negeri ini mencatatkan peningkatan perbelanjaan sebanyak 9.7 peratus, dipengaruhi oleh pertambahan perbelanjaan aset sebanyak RM248.8 juta.

Selain Sarawak dan Sabah, terdapat sembilan negeri lain yang turut mencatatkan peningkatan dalam perbelanjaan mengurus pada tahun 2022. Kerajaan Negeri Selangor mendahului dengan peningkatan 17.8 peratus iaitu sebanyak RM2,396.3 juta. Ini diikuti oleh Kerajaan Negeri Terengganu (RM1,934.3 juta), Johor (RM1,627.1 juta), Pahang (RM1,195.2 juta), Perak (RM1,064.1 juta), Kelantan (RM922.8 juta), Pulau Pinang (RM755.0 juta), Melaka (RM417.9 juta) dan Perlis (RM156.2 juta). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Sembilan merekodkan pengurangan dalam perbelanjaan mengurus masing-masing 4.4 peratus dan 1.5 peratus.

Carta 6.2 Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri, 2021-2022



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit kerajaan negeri

Penyata Akaun Hasil Disatukan memaparkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri bagi satu tahun kewangan. Berdasarkan analisis keseluruhan, didapati bahawa Kerajaan Negeri Sabah mencatatkan surplus terbesar berjumlah RM2.0 bilion pada tahun 2022, meningkat berbanding surplus RM0.9 bilion yang dicatatkan pada tahun 2021. Peningkatan hasil cukai merupakan pemacu utama surplus ini.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencatatkan defisit terbesar berjumlah RM160.0 juta pada tahun 2022, meningkat daripada defisit RM38.7 juta pada tahun 2021. Defisit ini berpunca daripada penurunan dalam hasil bukan cukai serta peningkatan dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan.

Secara keseluruhan, sembilan negeri merekodkan surplus pada tahun 2022, manakala empat negeri mengalami defisit seperti di **Carta 6.3**.

Carta 6.3 Surplus/defisit mengikut negeri, 2021-2022 - RM juta



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



9 negeri

mencatatkan **surplus**
pada tahun 2022



RM2.0 bilion
Surplus bagi Kerajaan
Negeri Sabah
pada tahun 2022

PIHAK BERKUASA TEMPATAN



155 PBT

19 Dewan/majlis bandaraya
40 Majlis perbandaran
92 Majlis daerah
4 Agensi diberi kuasa PBT

Terdapat 155 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang terdiri daripada dewan/majlis bandaraya (DB/MB), majlis perbandaran (MP) dan majlis daerah (MD). Dewan/majlis bandaraya merangkumi 19 PBT manakala majlis perbandaran dan majlis daerah masing-masing sebanyak 40 dan 92 PBT dengan fungsi, tugas atau bidang kuasa yang berbeza antara satu sama lain. Selain itu, empat badan lain yang diberi kuasa oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan fungsi PBT ialah PBT Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan dan Lembaga Pembangunan Tioman.

Sementara itu, prestasi kewangan PBT diukur berdasarkan pendapatan yang diperoleh daripada hasil kutipan cukai taksiran. Kutipan cukai taksiran ini lazimnya akan dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

Prestasi kewangan PBT

Berikut adalah PBT yang memperoleh pendapatan tertinggi mengikut tiga kategori PBT iaitu dewan/majlis bandaraya, majlis perbandaran dan majlis daerah:

a. Dewan/Majlis bandaraya

Daripada keseluruhan 19 dewan/majlis bandaraya, 10 dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi kewangan tertinggi melibatkan pihak berkuasa tempatan W.P. Kuala Lumpur, Johor, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Secara umumnya, daripada 10 PBT tersebut, tujuh dewan/majlis bandaraya mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2022. Namun, tiga dewan/majlis bandaraya memperlihatkan penyusutan terdiri daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Seremban seperti di **Carta 6.4**.

Bagi aspek pendapatan sepuluh tertinggi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mendahului dengan pendapatan sebanyak RM2.5 bilion, bertumbuh 3.9 peratus pada tahun 2022. Di Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru memperoleh pendapatan kedua tertinggi dalam kelompok dewan/majlis bandaraya iaitu sebanyak RM632.5 juta, diikuti Majlis Bandaraya Iskandar Puteri dengan pendapatan sebanyak RM361.3 juta.



RM2.5 bilion

Pendapatan DBKL
pada tahun 2022

Selain itu, tiga PBT daripada Selangor iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Subang Jaya masing-masing sebanyak RM546.3 juta, RM398.1 juta dan RM314.7 juta. Sementara itu, dua PBT Pulau Pinang iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai mencatatkan pendapatan berjumlah RM380.8 juta dan RM315.1 juta. Di samping itu, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Seremban merekodkan pendapatan sebanyak RM392.7 juta dan RM342.3 juta pada tahun 2022.




19.4%

**Pertumbuhan positif
MB Iskandar Puteri
pada tahun 2022**

Carta 6.4

Prestasi kewangan 10 dewan/majlis bandaraya tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2021-2022



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



b. Majlis perbandaran

Daripada keseluruhan 40 majlis perbandaran, 10 majlis perbandaran dengan prestasi kewangan tertinggi merangkumi pihak berkuasa tempatan di Johor, Selangor, Sarawak dan Perak (**Carta 6.5**).

Pada tahun 2022, dua pihak berkuasa tempatan di Johor mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan. Majlis Perbandaran Kulai memperoleh pendapatan tertinggi dalam kelompok majlis perbandaran pada tahun 2022 iaitu RM502.8 juta, menunjukkan peningkatan yang ketara sebanyak 115.9 peratus berbanding RM232.9 juta pada tahun 2021. Sementara itu, Majlis Perbandaran Pengerang turut merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 82.5 peratus daripada RM63.1 juta kepada RM115.2 juta.

Bagi prestasi kewangan di Selangor, Majlis Perbandaran Klang merekodkan pendapatan kedua tertinggi dengan pertumbuhan 20.3 peratus menjadikan pendapatan berjumlah RM329.1 juta



115.9%

**Pertumbuhan pendapatan
MP Kulai
pada tahun 2022**



6

PBT **Selangor** tergolong dalam kelompok 10 majlis perbandaran tertinggi



RM**226.7** juta
Pendapatan
MD Tangkak
pada tahun 2022

berbanding RM273.7 juta pada tahun sebelumnya. Di samping itu, terdapat lima lagi majlis perbandaran di Selangor berada dalam kelompok penyumbang tertinggi di kalangan majlis perbandaran iaitu Majlis Perbandaran Selayang (RM281.6 juta), Majlis Perbandaran Kajang (RM274.2 juta), Majlis Perbandaran Sepang (RM218.7 juta), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (RM192.5 juta) dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor (RM121.3 juta).

Beralih ke negeri Sarawak, majlis perbandaran yang mencatatkan pendapatan tertinggi iaitu Lembaga Kemajuan Bintulu merekodkan pertumbuhan 13.4 peratus menjadikan pendapatan pada tahun 2022 berjumlah RM225.9 juta. Di Perak pula, Majlis Perbandaran Manjung mencatatkan pertumbuhan 2.3 peratus daripada RM131.0 juta kepada RM134.0 juta pada tahun 2022.

Carta 6.5 Prestasi kewangan 10 majlis perbandaran tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2021-2022



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

c. Majlis daerah

Daripada 92 majlis daerah, 10 majlis daerah menunjukkan prestasi kewangan tertinggi terdiri daripada pihak berkuasa tempatan di Johor, Perak, Terengganu, Pahang dan Negeri Sembilan. Secara keseluruhan, dua daripada 10 majlis daerah ini menunjukkan penurunan pendapatan, iaitu Majlis Daerah Kerian dan Majlis Daerah Rembau.

Majlis Daerah Tangkak di Johor merekodkan prestasi kewangan tertinggi dalam kelompok majlis daerah dengan pendapatan sebanyak RM226.7 juta pada tahun 2022 seperti pada **Carta 6.6**.

Tiga majlis daerah di Perak yang berada di dalam kategori 10 pendapatan tertinggi ialah Majlis Daerah Kampar dengan merekodkan prestasi kewangan berjumlah RM53.0 juta, diikuti Majlis Daerah Batu Gajah dengan perolehan pendapatan RM52.6 juta dan Majlis Daerah Kerian dengan pendapatan sebanyak RM39.2 juta pada tahun 2022.

Sementara itu, Majlis Daerah Besut mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM48.7 juta berbanding RM24.9 juta tahun sebelumnya, manakala Majlis Daerah Marang memperoleh pendapatan berjumlah RM40.3 juta pada tahun 2022.

Majlis Daerah Maran di Pahang menunjukkan peningkatan pendapatan yang memberangsangkan sebanyak 88.6 peratus, meningkat daripada RM22.1 juta kepada RM41.7 juta.

Terdapat tiga lagi majlis daerah di Negeri Sembilan yang berada dalam kategori 10 pendapatan tertinggi iaitu Majlis Daerah Jelebu (RM36.5 juta), Majlis Daerah Tampin (RM34.1 juta) dan Majlis Daerah Rembau (RM34.1 juta)




228.7%

Pertumbuhan pendapatan
MD Jelebu
pada tahun 2022



Carta 6.6

Prestasi kewangan 10 majlis daerah tertinggi (RM juta) dan pertumbuhan pendapatan (%), 2021-2022



RM53.0 juta
Pendapatan MD
Kampar pada
tahun 2022

Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan



STATISTIK AKAUN KERAJAAN NEGERI KEDAH




RM **596.2** juta

Hasil Kerajaan Negeri
Kedah pada tahun
2022

Hasil Kerajaan Negeri Kedah

Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Pada tahun 2022, kutipan hasil Kerajaan Negeri Kedah adalah sebanyak RM596.2 juta. Penyumbang tertinggi kutipan hasil kerajaan ini adalah daripada hasil cukai dengan sumbangan sebanyak 43.6 peratus seperti pada **Carta 6.7**.

Carta 6.7 Hasil Kerajaan Negeri Kedah, 2022



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Secara keseluruhan, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2022 merekodkan penyusutan 13.4 peratus iaitu daripada RM688.0 juta kepada RM596.2 juta (**Carta 6.8**). Penyusutan ini didorong oleh pengurangan dalam penerimaan hasil bukan cukai dan hasil cukai yang berkurang masing-masing sebanyak RM76.6 juta dan RM29.4 juta.

Carta 6.8 Siri masa hasil Kerajaan Negeri Kedah, 2015-2022



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



43.6%

Sumbangan hasil
cukai pada
tahun 2022

Hasil tertinggi Kerajaan Negeri Kedah disumbangkan oleh cukai tanah bernilai RM180.2 juta diikuti premium tanah yang berjumlah RM59.9 juta. Tiga lagi sumber hasil yang menyumbang kepada pendapatan negeri Kedah adalah pemberian bayaran bagi membiayai separuh kos perbelanjaan pengurusan (50%) bagi jabatan di bawah senarai bersama, caruman untuk pembayaran pinjaman dan bayaran pendaftaran tanah seperti pada **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3 Perbandingan penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Kedah, 2021-2022

Penyumbang utama hasil	RM juta	
	2021	2022
Cukai tanah	173.0	180.2
Premium tanah	157.0	59.9
Pemberian bayaran bagi membiayai separuh kos perbelanjaan pengurusan (50%) bagi jabatan di bawah senarai bersama	39.0	41.7
Caruman untuk pembayaran pinjaman	36.7	38.5
Bayaran pendaftaran tanah	25.7	35.0
Jumlah	431.4	355.2

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



RM 180.2 juta


Cukai tanah
merupakan penyumbang
hasil tertinggi



Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Kedah

Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri terdiri daripada bayaran emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan lain. Peruntukan yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2022 berjumlah RM815.2 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM607.5 juta atau 74.5 peratus telah dibelanjakan (**Carta 6.9**).

Carta 6.9 Siri masa perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Kedah 2015-2022



Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



RM 607.5 juta

Perbelanjaan mengurus
negeri **Kedah**
pada tahun 2022



21.0%

Peningkatan perbelanjaan
perkhidmatan dan
bekalan pada tahun 2022



RM 11.4 juta

**Defisit Kerajaan
Negeri Kedah
pada tahun 2022**

Secara keseluruhan, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Kedah mencatatkan pengurangan sebanyak RM27.8 juta atau 4.4 peratus, iaitu daripada RM635.4 juta pada tahun 2021 kepada RM607.5 juta pada tahun 2022 (**Jadual 6.4**).

Pemberian dan kenaan bayaran tetap Kerajaan Negeri Kedah merupakan penyumbang utama terbesar kepada penurunan perbelanjaan mengurus dengan penyusutan sebanyak RM60.7 juta. Selain itu, perbelanjaan aset juga menyumbang kepada penurunan perbelanjaan mengurus ini. Walau bagaimanapun, perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, serta perbelanjaan lain menunjukkan peningkatan berbanding pada tahun 2021.

Jadual 6.4 Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Kedah, 2021-2022

Butiran perbelanjaan	RM juta		Perubahan	
	2021	2022	RM juta	%
Emolumen	229.4	236.5	7.0	3.1
Perkhidmatan dan bekalan	126.3	152.8	26.5	21.0
Aset	10.0	9.2	-0.8	-7.8
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	262.7	202.0	-60.7	-23.1
Perbelanjaan lain	6.9	7.0	0.08	1.2
Jumlah	635.4	607.5	27.8	-4.4

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia

Surplus/defisit Kerajaan Negeri Kedah

Kerajaan Negeri Kedah mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan defisit semasa berjumlah RM11.4 juta berbanding surplus berjumlah RM52.7 juta pada tahun 2021 seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5 Surplus/defisit Kerajaan Negeri Kedah, 2021-2022

Butiran	RM juta		Perubahan	
	2021	2022	RM juta	%
Hasil	688.0	596.2	-91.9	-13.4
Perbelanjaan mengurus	635.4	607.5	-27.8	-4.4
Surplus/defisit	52.7	-11.4	-64.1	-121.6

Sumber: Laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara Malaysia



KEDAH

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

KEDAH

mempunyai 1 majlis bandaraya,
4 majlis perbandaran dan
6 majlis daerah

MB ALOR SETAR

merekodkan pendapatan
tertinggi pada tahun 2022 iaitu
RM85.2 juta

01

LANGKAWI



MP LANGKAWI
BANDARAYA
PELANCONGAN



RM46.6 juta



96.4

05

PADANG TERAP



MD PADANG
TERAP



RM8.3 juta



66.5

07

PENDANG



MD PENDANG



RM8.0 juta



99.8

11

KULIM



MP KULIM



RM54.6 juta



341.3



TAMAN
PERINDUSTRIAN
HI-TECH KULIM



RM9.0 juta

02

KUBANG PASU



MP KUBANG
PASU



RM53.0 juta



249.7

03

KOTA SETAR



MB ALOR SETAR



RM85.2 juta



376.8

04

POKOK SENJA



50.0

06

YAN



MD YAN



RM8.0 juta



73.8

08

KUALA MUDA



MP SUNGAI
PETANI



RM77.9 juta



550.5

12

BANDAR BARU



MD BANDAR
BARU



RM7.5 juta



44.7

09

SIK



MD SIK



RM9.4 juta



68.6

10

BALING




MD BALING



RM32.0 juta



144.9



Nota:

- Anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.
- Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan oleh pembundaran.



Pihak berkuasa tempatan



Pendapatan PBT 2022



Jumlah penduduk 2022 ('000) orang

Pihak berkuasa tempatan Kedah



RM18.6 juta

**Defisit bagi
MB Alor Setar
pada tahun 2022**



Pada tahun 2022, Majlis Bandaraya Alor Setar mencatatkan perolehan pendapatan sebanyak RM85.2 juta yang juga merupakan pendapatan tertinggi bagi keseluruhan PBT di Kedah. Pendapatan PBT ini meningkat sebanyak 13.5 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Di samping itu, majlis bandaraya ini merekodkan defisit berjumlah RM18.6 juta.

Sementara itu, dalam kumpulan majlis perbandaran, Majlis Perbandaran Sungai Petani menunjukkan pendapatan tertinggi pada tahun 2022 dengan kenaikan sebanyak 8.7 peratus daripada RM71.7 juta pada tahun 2021 kepada RM77.9 juta. Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kubang Pasu dan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan juga merekodkan kenaikan pendapatan dengan pertumbuhan positif masing-masing 37.6 peratus, 11.3 peratus dan 57.6 peratus.

Secara keseluruhannya tiga majlis perbandaran merekodkan surplus pada tahun 2022. Surplus tertinggi bagi kumpulan majlis perbandaran ialah Majlis Perbandaran Kubang Pasu (RM19.3 juta) diikuti Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan yang berjumlah RM10.1 juta dan Majlis Perbandaran Sungai Petani berjumlah RM6.2 juta. Manakala, Majlis Perbandaran Kulim merekodkan defisit berjumlah RM8.1 juta.



RM19.3 juta

**Surplus bagi
MP Kubang Pasu
pada tahun 2022**

Dalam kumpulan majlis daerah pula, Majlis Daerah Baling merupakan majlis daerah yang mempunyai pendapatan tertinggi pada tahun 2022 dengan pendapatan sebanyak RM32.0 juta, berkembang 115.8 peratus dari tahun sebelumnya. Lima lagi majlis daerah juga menunjukkan pertumbuhan pendapatan yang positif iaitu Majlis Daerah Sik (12.4 peratus), Majlis Daerah Bandar Baharu (11.5 peratus), Majlis Daerah Pendang (9.2 peratus) dan Majlis Daerah Padang Terap (3.7 peratus). Namun kesemua majlis daerah merekodkan prestasi kewangan yang defisit pada tahun 2022.

Jadual 6.6 Kedudukan kewangan PBT Kedah, 2021-2022

Pihak berkuasa tempatan	RM juta					
	2021			2022		
	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit	Pendapatan	Perbelanjaan	Surplus/defisit
MB Alor Setar	75.1	100.5	-25.4	85.2	103.8	-18.6
MP Sungai Petani	71.7	66.1	5.6	77.9	71.7	6.2
MP Kulim	39.7	56.1	-16.4	54.6	62.7	-8.1
MP Kubang Pasu	47.6	33.3	14.3	53.0	33.7	19.3
MP Langkawi Bandaraya Pelancongan	29.5	28.4	1.1	46.6	36.5	10.1
MD Baling	14.8	18.5	-3.7	32.0	33.1	-1.1
MD Sik	8.4	7.0	1.4	9.4	9.6	-0.2
Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim	9.1	12.4	-3.3	9.0	12.8	-3.8
MD Padang Terap	8.0	8.4	-0.4	8.3	9.8	-1.5
MD Yan	6.5	9.5	-3.0	8.0	9.4	-1.4
MD Pendang	7.3	11.4	-4.1	8.0	11.5	-3.5
MD Bandar Baharu	6.7	9.7	-3.0	7.5	10.7	-3.3
Jumlah	324.5	361.5	-37.0	399.6	405.3	-5.8

Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Sebahagian daripada pendapatan PBT di Kedah diperolehi daripada hasil kutipan cukai taksiran ke atas penduduk. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan PBT. Cukai ini dikenakan ke atas pegangan seperti kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang, hotel dan sebagainya.

Penyumbang utama bagi kutipan hasil cukai taksiran dicatatkan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Perbandaran Kulim seperti pada **Carta 6.10**. Ketiga-tiga PBT ini menyumbang sebanyak 73.1 peratus kepada hasil cukai taksiran di Kedah.



RM44.5 juta

Hasil cukai taksiran
MP Sungai Petani
pada tahun 2022





RM2.7 juta


Hasil cukai taksiran
MD Baling
pada tahun 2022



Secara keseluruhan, sembilan PBT menunjukkan peningkatan jumlah kutipan cukai taksiran. Kutipan tertinggi direkodkan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani dengan kutipan bernilai RM44.5 juta. Kutipan cukai taksiran ini menyusut 0.2 peratus, daripada RM44.6 juta pada tahun 2021 kepada RM44.5 juta pada tahun 2022.


Majlis Bandaraya Alor Setar menunjukkan kutipan hasil cukai taksiran sebanyak RM36.1 juta, meningkat 0.4 peratus. Bagi kumpulan majlis daerah pula, perolehan cukai taksiran tertinggi direkodkan oleh Majlis Daerah Baling berjumlah RM2.7 juta.

Carta 6.10 Hasil cukai taksiran PBT Kedah, 2021-2022



Sumber: Jabatan Audit Negara Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

JADUAL STATISTIK



**AKAUN NEGARA
INDEKS HARGA PENGGUNA
PENDUDUK
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
TENAGA BURUH
STATISTIK SISWAZAH
STATISTIK GAJI DAN UPAH
STATISTIK MIGRASI
STATISTIK PELANCONGAN
EKSPORT DAN IMPORT
STATISTIK PERTUBUHAN PERNIAGAAN
ALAM SEKITAR
INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT**

JADUAL STATISTIK



KDNK MALAYSIA TAHUNAN
KDNK MALAYSIA SUKU TAHUNAN

Jadual A1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia
RM Juta

Jenis aktiviti ekonomi	2019	2020	2021	2022^e	2023^p
1. Pertanian	101,573	99,109	98,843	100,082	100,812
1.1 Getah	3,002	2,444	2,230	1,790	1,672
1.2 Kelapa sawit	38,239	36,869	34,789	36,120	36,203
1.3 Ternakan	15,459	16,002	16,495	16,579	16,701
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	9,267	9,683	9,993	10,117	10,163
1.3.2 Lembu/kerbau	1,101	1,199	1,258	1,246	1,338
1.3.3 Ternakan lain	5,091	5,120	5,244	5,216	5,200
1.4 Pertanian lain	26,369	27,367	28,838	28,768	29,829
1.4.1 Padi	2,363	2,388	2,433	2,224	2,194
1.4.2 Sayur-sayuran	11,374	12,152	13,120	13,148	13,842
1.4.3 Buah-buahan	4,760	4,929	5,335	5,369	5,600
1.4.4 Tanaman makanan	6,694	6,687	6,710	6,725	6,852
1.4.5 Lain-lain	1,178	1,212	1,240	1,302	1,341
1.5 Perhutanan dan pembalakan	6,382	5,140	5,241	5,271	4,799
1.6 Perikanan	12,122	11,286	11,250	11,555	11,608
1.6.1 Perikanan laut	8,054	7,293	7,266	7,255	7,306
1.6.2 Akuakultur	4,068	3,992	3,984	4,300	4,303
2. Perlombongan dan pengkuarian	102,887	92,879	93,717	97,001	97,513
2.1 Minyak mentah dan kondensat	42,460	38,430	36,410	36,283	36,155
2.2 Gas asli	50,643	45,896	49,166	51,748	52,063
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	9,784	8,554	8,142	8,969	9,295
3. Pembuatan	316,283	307,606	336,724	364,124	366,694
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	13,178	12,771	11,618	11,381	11,861
3.2 Prosesan makanan	17,270	18,110	19,898	21,474	22,664
3.3 Minuman	5,282	4,526	4,975	5,624	5,706
3.4 Produk tembakau	3,899	3,183	2,781	3,438	3,919
3.5 Tekstil dan pakaian	5,466	4,809	5,132	5,294	5,301
3.6 Kulit dan produk berkaitan	786	635	705	877	943
3.7 Keluaran kayu	7,691	6,768	7,383	7,893	7,567
3.8 Kertas dan produk kertas	4,672	4,547	5,238	5,632	5,848
3.9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	4,182	3,974	4,107	4,364	4,620
3.10 Produk petroleum bertapis	39,026	35,286	39,784	41,934	40,986
3.11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	33,767	32,201	35,502	36,600	37,926
3.12 Produk getah	7,939	12,076	14,722	12,255	11,381
3.13 Produk plastik	10,250	10,521	11,779	12,103	11,774
3.14 Produk mineral bukan logam	12,438	10,569	10,695	11,671	12,168
3.15 Logam asas	8,498	8,055	8,277	8,827	9,086
3.16 Produk logam yang direka	16,780	14,173	15,129	16,191	17,331
3.17 jentera dan peralatan	10,075	10,212	11,291	12,007	11,770
3.18 Komputer dan kelengkapan peranti	5,715	5,637	6,407	6,730	7,045

Jadual A1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia (samb.)

RM Juta

Jenis aktiviti ekonomi	2019	2020	2021	2022 ^e	2023 ^p
3.19 Kelengkapan elektrik	6,293	6,317	7,187	7,924	8,083
3.20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	61,671	63,889	74,092	86,501	83,918
3.21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	5,379	5,307	5,768	6,452	6,892
3.22 Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	26,171	24,935	25,265	29,114	30,149
3.23 Perabot	5,140	4,785	4,613	5,058	4,829
3.24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	4,716	4,320	4,375	4,778	4,927
4. Pembinaan	66,453	53,616	50,839	53,426	56,659
4.1 Bangunan kediaman	15,352	12,819	11,227	11,098	11,369
4.2 Bangunan bukan kediaman	14,188	11,945	11,731	13,726	13,664
4.3 Kejuruteraan awam	24,823	17,836	14,590	14,452	16,548
4.4 Aktiviti pembinaan pertukangan khas	12,089	11,015	13,291	14,151	15,077
5. Perkhidmatan	820,576	777,693	795,116	882,723	927,904
5.1 Utiliti	38,326	37,950	39,021	40,358	41,411
5.1.1 Elektrik dan gas	30,596	29,610	30,200	31,306	31,994
5.1.2 Air, pembentungan dan pengurusan sisa	7,731	8,341	8,821	9,052	9,417
5.2 Perdagangan borong dan runcit	242,704	228,561	233,686	265,813	281,372
5.2.1 Perdagangan borong	107,690	102,246	106,071	110,153	115,281
5.2.2 Perdagangan runcit	110,245	103,999	107,382	127,362	135,254
5.2.3 Kenderaan bermotor	24,769	22,315	20,233	28,298	30,836
5.3 Makanan & minuman dan penginapan	49,821	36,539	32,622	43,927	47,305
5.3.1 Makanan dan minuman	39,971	31,675	28,938	35,369	36,251
5.3.2 Penginapan	9,851	4,864	3,684	8,558	11,054
5.4 Pengangkutan dan penyimpanan	53,632	42,078	42,603	55,148	62,782
5.4.1 Pengangkutan darat	13,463	9,830	10,171	14,001	16,149
5.4.2 Pengangkutan air	6,625	6,006	6,217	6,975	7,810
5.4.3 Pengangkutan udara	6,388	2,113	1,311	2,891	3,890
5.4.4 Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	7,946	7,082	7,239	9,018	9,945
5.4.5 Operasi lebuhraya	8,378	7,190	7,051	9,423	10,749
5.4.6 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	8,417	7,048	7,456	9,461	10,631
5.4.7 Pos dan kurier	2,414	2,809	3,158	3,379	3,608
5.5 Maklumat dan komunikasi	84,225	89,203	94,600	99,283	102,828
5.5.1 Aktiviti penerbitan dan penyiaran	8,091	7,222	7,140	7,868	8,363
5.5.2 Telekomunikasi	57,104	62,387	67,458	70,191	72,447
5.5.3 Aktiviti komputer dan perkhidmatan maklumat	19,031	19,594	20,002	21,225	22,018
5.6 Kewangan	69,388	70,952	77,344	79,351	78,693
5.6.1 Pengantara kewangan	58,507	58,675	64,717	67,322	64,855
5.6.2 Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	10,881	12,277	12,627	12,029	13,838

Jadual A1: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia (samb.)

RM Juta

Jenis aktiviti ekonomi	2019	2020	2021	2022^e	2023^p
5.7 Insurans	23,970	25,150	28,428	27,280	25,496
5.7.1 Insurans dan tabungan pencen	23,362	24,591	27,838	26,625	24,786
5.7.2 Aktiviti sokongan insurans	608	559	590	655	710
5.8 Hartanah	21,433	17,766	15,466	20,083	20,935
5.9 Perkhidmatan perniagaan	47,330	40,999	37,954	45,475	50,329
5.9.1 Profesional, saintifik dan teknikal	32,710	30,041	28,506	33,475	36,573
5.9.2 Pentadbiran dan khidmat sokongan	14,620	10,959	9,448	12,000	13,756
5.10 Kediaman yang didiami oleh pemilik	31,514	32,606	33,104	33,650	34,731
5.11 Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	37,788	29,589	27,315	33,351	36,456
5.11.1 Perkhidmatan kesihatan swasta	10,070	9,454	10,246	11,219	12,275
5.11.2 Perkhidmatan pendidikan swasta	11,801	10,994	10,592	11,428	12,268
5.11.3 Perkhidmatan swasta lain	15,917	9,141	6,477	10,704	11,912
5.12 Perkhidmatan kerajaan	118,804	124,699	131,482	137,435	143,868
5.12.1 Perkhidmatan awam am	14,241	12,147	15,400	21,473	23,088
5.12.2 Pertahanan	7,801	8,148	8,240	8,318	8,709
5.12.3 Ketenteraman dan keselamatan awam	9,707	10,204	10,739	10,665	11,270
5.12.4 Perkhidmatan ekonomi	16,097	17,669	17,696	19,074	19,446
5.12.5 Perlindungan alam sekitar	333	421	468	436	410
5.12.6 Kemudahan perumahan dan kemasyarakatan	2,952	3,897	3,694	3,516	3,764
5.12.7 Kesihatan	17,650	19,652	21,521	20,211	22,345
5.12.8 Rekreasi, kebudayaan dan keagamaan	2,193	2,256	2,602	2,774	2,736
5.12.9 Pendidikan	46,115	47,583	48,983	48,942	49,819
5.12.10 Perlindungan sosial	1,716	2,722	2,140	2,026	2,281
5.13 Institusi bukan keuntungan yang berkhidmat kepada isi rumah	373	460	498	569	604
5.14 Perkhidmatan domestik bagi isi rumah	1,268	1,141	993	1,000	1,096
6. Tambah: Duti import	16,179	15,346	15,642	16,784	18,392
KDNK pada harga pembeli	1,423,952	1,346,249	1,390,882	1,514,139	1,567,974

Jadual A2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia - Perubahan peratusan tahunan

(%)

Jenis aktiviti ekonomi	2019	2020	2021	2022 ^e	2023 ^p
1. Pertanian	1.9	-2.4	-0.3	1.3	0.7
1.1 Getah	6.1	-18.6	-8.8	-19.7	-6.6
1.2 Kelapa sawit	1.5	-3.6	-5.6	3.8	0.2
1.3 Ternakan	6.0	3.5	3.1	0.5	0.7
1.3.1 Ternakan ayam dan itik	6.9	4.5	3.2	1.2	0.5
1.3.2 Lembu/kerbau	6.1	8.9	5.0	-0.9	7.4
1.3.3 Ternakan lain	4.4	0.6	2.4	-0.5	-0.3
1.4 Pertanian lain	4.0	3.8	5.4	-0.2	3.7
1.4.1 Padi	0.1	1.1	1.9	-8.6	-1.3
1.4.2 Sayur-sayuran	5.0	6.8	8.0	0.2	5.3
1.4.3 Buah-buahan	3.2	3.5	8.3	0.6	4.3
1.4.4 Tanaman makanan	4.7	-0.1	0.3	0.2	1.9
1.4.5 Lain-lain	3.1	2.9	2.3	5.0	3.0
1.5 Perhutanan dan pembalakan	-8.6	-19.5	2.0	0.6	-9.0
1.6 Perikanan	-0.8	-6.9	-0.3	2.7	0.5
1.6.1 Perikanan laut	-0.3	-9.4	-0.4	-0.2	0.7
1.6.2 Akuakultur	-1.8	-1.9	-0.2	7.9	0.1
2. Perlombongan dan pengkuarian	-0.6	-9.7	0.9	3.5	0.5
2.1 Minyak mentah dan kondensat	-6.5	-9.5	-5.3	-0.3	-0.4
2.2 Gas asli	2.7	-9.4	7.1	5.3	0.6
2.3 Perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan	11.1	-12.6	-4.8	10.2	3.6
3. Pembuatan	3.8	-2.7	9.5	8.1	0.7
3.1 Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	-1.1	-3.1	-9.0	-2.0	4.2
3.2 Prosesan makanan	6.9	4.9	9.9	7.9	5.5
3.3 Minuman	2.9	-14.3	9.9	13.0	1.5
3.4 Produk tembakau	5.8	-18.4	-12.6	23.6	14.0
3.5 Tekstil dan pakaian	5.5	-12.0	6.7	3.1	0.1
3.6 Kulit dan produk berkaitan	5.0	-19.2	11.1	24.3	7.5
3.7 Keluaran kayu	5.0	-12.0	9.1	6.9	-4.1
3.8 Kertas dan produk kertas	4.5	-2.7	15.2	7.5	3.8
3.9 Percetakan dan pengeluaran semula media rakaman	4.2	-5.0	3.3	6.2	5.9
3.10 Produk petroleum bertapis	2.8	-9.6	12.7	5.4	-2.3
3.11 Bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal	2.1	-4.6	10.2	3.1	3.6
3.12 Produk getah	7.0	52.1	21.9	-16.8	-7.1
3.13 Produk plastik	2.8	2.6	12.0	2.7	-2.7
3.14 Produk mineral bukan logam	4.6	-15.0	1.2	9.1	4.3
3.15 Logam asas	3.9	-5.2	2.8	6.6	2.9
3.16 Produk logam yang direka	3.8	-15.5	6.7	7.0	7.0
3.17 Jentera dan peralatan	4.0	1.4	10.6	6.3	-2.0
3.18 Komputer dan kelengkapan peranti	4.8	-1.4	13.7	5.0	4.7

Jadual A2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia (samb.) - Perubahan peratusan tahunan

(%)

Jenis aktiviti ekonomi	2019	2020	2021	2022 ^e	2023 ^p
3.19 Kelengkapan elektrik	2.9	0.4	13.8	10.2	2.0
3.20 Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna	3.3	3.6	16.0	16.7	-3.0
3.21 Pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, jam tangan dan jam	0.4	-1.3	8.7	11.8	6.8
3.22 Kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan	6.5	-4.7	1.3	15.2	3.6
3.23 Perabot	8.0	-6.9	-3.6	9.6	-4.5
3.24 Pembuatan lain dan pembaikan & pemasangan mesin dan kelengkapan	4.4	-8.4	1.3	9.2	3.1
4. Pembinaan	0.4	-19.3	-5.2	5.1	6.1
4.1 Bangunan kediaman	-2.9	-16.5	-12.4	-1.2	2.4
4.2 Bangunan bukan kediaman	-7.6	-15.8	-1.8	17.0	-0.5
4.3 Kejuruteraan awam	6.3	-28.1	-18.2	-0.9	14.5
4.4 Aktiviti pembinaan pertukangan khas	3.5	-8.9	20.7	6.5	6.5
5. Perkhidmatan	6.2	-5.2	2.2	11.0	5.1
5.1 Utiliti	6.1	-1.0	2.8	3.4	2.6
5.1.1 Elektrik dan gas	5.8	-3.2	2.0	3.7	2.2
5.1.2 Air, pembentungan dan pengurusan sisa	7.7	7.9	5.8	2.6	4.0
5.2 Perdagangan borong dan runcit	6.8	-5.8	2.2	13.7	5.9
5.2.1 Perdagangan borong	5.7	-5.1	3.7	3.8	4.7
5.2.2 Perdagangan runcit	8.6	-5.7	3.3	18.6	6.2
5.2.3 Kenderaan bermotor	4.2	-9.9	-9.3	39.9	9.0
5.3 Makanan & minuman dan penginapan	9.5	-26.7	-10.7	34.7	7.7
5.3.1 Makanan dan minuman	10.2	-20.8	-8.6	22.2	2.5
5.3.2 Penginapan	6.6	-50.6	-24.3	132.3	29.2
5.4 Pengangkutan dan penyimpanan	6.8	-21.5	1.2	29.4	13.8
5.4.1 Pengangkutan darat	7.6	-27.0	3.5	37.7	15.3
5.4.2 Pengangkutan air	2.5	-9.3	3.5	12.2	12.0
5.4.3 Pengangkutan udara	2.9	-66.9	-37.9	120.5	34.6
5.4.4 Pelabuhan dan operasi lapangan terbang	8.7	-10.9	2.2	24.6	10.3
5.4.5 Operasi lebuh raya	8.5	-14.2	-1.9	33.6	14.1
5.4.6 Aktiviti sokongan untuk pengangkutan	8.1	-16.3	5.8	26.9	12.4
5.4.7 Pos dan kurier	9.6	16.4	12.4	7.0	6.8
5.5 Maklumat dan komunikasi	6.5	5.9	6.1	5.0	3.6
5.5.1 Aktiviti penerbitan dan penyiaran	3.9	-10.7	-1.1	10.2	6.3
5.5.2 Telekomunikasi	7.0	9.3	8.1	4.1	3.2
5.5.3 Aktiviti komputer dan perkhidmatan maklumat	5.8	3.0	2.1	6.1	3.7
5.6 Kewangan	4.4	2.3	9.0	2.6	-0.8
5.6.1 Pengantara kewangan	4.3	0.3	10.3	4.0	-3.7
5.6.2 Lain-lain pengantara kewangan dan aktiviti sokongan kewangan	4.9	12.8	2.8	-4.7	15.0

Jadual A2: KDNK mengikut jenis aktiviti ekonomi pada harga malar 2015, Malaysia (samb.) - Perubahan peratusan tahunan

(%)

Jenis aktiviti ekonomi	2019	2020	2021	2022 ^e	2023 ^p
5.7 Insurans	6.0	4.9	13.0	-4.0	-6.5
5.7.1 Insurans dan tabungan pencen	6.3	5.3	13.2	-4.4	-6.9
5.7.2 Aktiviti sokongan insurans	-3.5	-8.0	5.5	11.1	8.4
5.8 Hartanah	5.2	-17.1	-12.9	29.9	4.2
5.9 Perkhidmatan perniagaan	9.1	-13.4	-7.4	19.8	10.7
5.9.1 Profesional, saintifik dan teknikal	9.8	-8.2	-5.1	17.4	9.3
5.9.2 Pentadbiran dan khidmat sokongan	7.8	-25.0	-13.8	27.0	14.6
5.10 Kediaman yang didiami oleh pemilik	4.6	3.5	1.5	1.7	3.2
5.11 Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian	6.6	-21.7	-7.7	22.1	9.3
5.11.1 Perkhidmatan kesihatan swasta	5.9	-6.1	8.4	9.5	9.4
5.11.2 Perkhidmatan pendidikan swasta	5.8	-6.8	-3.7	7.9	7.4
5.11.3 Perkhidmatan swasta lain	7.6	-42.6	-29.1	65.3	11.3
